

Jilid I
Bil. 87



Hari Jumaat
13hb November, 1987

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 14409]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1988

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B.1 hingga B.12 [Ruangan 14468]

Maksud B.13 [Ruangan 14507]

Maksud B.14 hingga B.16 [Ruangan 14540]

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan 1988

Jawatankuasa—

Maksud P.7 dan P.8 [Ruangan 14469]

Maksud P.13 [Ruangan 14507]

Maksud P.14 hingga P.16 [Ruangan 14540]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Baharu).

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

Menteri Perdagangan dan Perindustrian. DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DAIO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (SanUIbotlg).

Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).

Yang Berhormat Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH BIN GADDAM (Kinabalu).

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).

Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.U., D.I.M.P., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).

Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).

Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAEPA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).

Timbalan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).

Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).

Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).

Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).

„ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).

„ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).

„ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).

Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER Yu LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- Timbalan Menteri Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN Yow, A.M.P. (Tanjong Malim).
- Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN Osu BIN HAJI SUKAM (Papar).
- Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., p.B.s. (Sarikei).
- Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, S.M.S. (Baling).
- Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- Timbalan Menteri Luar Negeri, TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).

TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).

DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).

DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K., (Kota Setar).

DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).

TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K., (Sungai Petani).

TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).

TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).

DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).

DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).

DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).

DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).

Yang Berhormat TUAN BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
DR CHEN MAN HIN (Seremban).
TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
TUAN SAMSON CHIN CHEE Tsu (Tawau).
TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
DR V. DAVID (Puchong).
TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
TUAN Hu SEPANG (Rasah).
TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
TUAN R KARPAL SINGH (Jelutong).
TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).

Yang Berhormat DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).

DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).

TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).

TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).

PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).

TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).

TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).

TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).

TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).

DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N.,
P.B. (Nilam Puri).

TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., PS. (Kuala Kerai).

TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I.
(Muar).

TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).

TUAN HAJI MOHAMED Bm YAACOB (Rantau Panjang).

DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM,
D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).

TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M.
(Balik Pulau).

TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek
Gelugor).

DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M.
(Alor Gajah).

TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).

TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).

TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).

TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).

TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).

DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M.,
S.P.N.S. (Kota Tinggi).

TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN (Limbawang).

TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).

TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).

TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).

Yang Berhormat DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).

TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).

DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

TUAN P. PATTO (Ipoh).

TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).

DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N.,
A.M.N. (Saratok).

„ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).

„ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).

DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M.,
S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).

„ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

„ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M.,
S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

„ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,
P.J.K. (Tasik Chenderoh).

„ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).

TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).

„ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).

„ PUAN HAJJAH SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED,
S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).

„ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

„ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).

„ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).

„ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).

„ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).

„ DR TAN SENG GIAW (Kepong).

„ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).

TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

„ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).

TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).

DR TING CHEW PEH (Gopeng).

„ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir
Puteh).

Yang Berhormat DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).

PUAN SITI ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N.,
B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).

DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).

DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N.,
P.J.K. (Besut).

TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT**Jumaat, 13hb November, 1987***Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang***DOA***(Timbalan Yang di-Pertua mem-
pengerusikan Mesyuarat)***JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN****ASEAN—PERSIDANGAN
KEMUNCAK DI MANILA**

1. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah benar iaitu Persidangan Kemuncak ASEAN di Manila pada bulan Disember yang akan datang ini akan diadakan perjanjian untuk menandatangani cadangan ASEAN supaya diwujudkan ZON Bebas dari Senjata Nuklear (NWFZ) di Asia Tenggara untuk dimeteraikan.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, cadangan mewujudkan suatu zon bebas daripada senjata nuklear di Asia Tenggara ataupun, dengan izin, South East Asia Nuclear Weapon Free Zone telah dibincangkan di kalangan negara-negara ASEAN dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Pada prinsipnya telah ada persetujuan mengenai konsep South East Asia Nuclear Weapon Free Zone ini di kalangan negara-negara ASEAN. Walau bagaimanapun adalah dipersetujui bahawa zon yang berkenaan hanya akan berkesan jika ianya merangkumi seluruh kawasan

Asia Tenggara termasuk negara-negara di rantau ini yang bukan anggota ASEAN.

Di samping itu kajian sedang diteruskan di kalangan negara-negara ASEAN tentang implikasi-implikasi terhadap pengisytiharan Asia Tenggara sebagai zon bebas dari senjata nuklear.

Tuan Yang di-Pertua, di Sidang Kemuncak ASEAN Ketiga di Manila pada bulan hadapan tidak ada apa-apa perjanjian mengenai perkara ini yang akan ditandatangani.

Tuan Mutang Tagal: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri Luar Negeri apakah halangan-halangan yang dihadapi oleh negara-negara ASEAN dalam mewujudkan rantau ASEAN sebagai zon bebas dari senjata nuklear di Asia Tenggara? Dan keduanya, saya ingin tahu apakah persefahaman yang didapati dengan negara Australia dan juga New Zealand dan Pacific Countries mengenai dengan cadangan ASEAN untuk mewujudkan zon bebas ini dan sama ada Australia dan New Zealand telah pun mengambil berat tentang cadangan ini dan menyokong penuh? Ketiganya . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sudah Yang Berhormat.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan pertama, halangan-halangan yang sedia ada sebelum negara-negara ASEAN dapat mewujudkan zon bebas daripada senjata nuklear ialah oleh kerana tidak

ada maknanya kalau hanya negara-negara ASEAN sahaja yang mengiktiraf pewujudan zon yang tersebut tanpa dipersetujui bersama dengan negara-negara yang lain dalam Asia Tenggara seperti Laos, Burma, Vietnam dan sebagainya.

Yang Berhormat pun sedia tahu bahawasanya kalaulah hanya ASEAN sahaja yang mewujudkan zon sedemikian tetapi negara-negara yang lain khususnya Vietnam tidak pula ingin bersama membebaskan kawasannya daripada pengaruh senjata-senjata nuklear maka pengisytiharan zon yang berkenaan tidak bermakna. Kita harap kalau semua negara, negara-negara ASEAN termasuk juga negara-negara yang luar daripada ASEAN tetapi dalam Asia Tenggara bersetuju untuk semua membebaskan negara-negara mereka daripada pengaruh kuasa-kuasa luar yang besar maka barulah kita boleh mengumumkan secara rasminya.

Keduanya, tentang soalan Yang Berhormat sama ada persefahaman di kalangan negara-negara Australia, New Zealand dan Pacific Nations, dengan izin, tentang wujudnya kawasan bebas daripada senjata nuklear ini, tentunya secara tidak rasmi negara-negara yang berkenaan memberi suatu persefahaman yang menggalakkan. Tetapi oleh kerana kita tidak dapat mengumumkan secara rasmi tentang mewujudkan zon yang sedemikian maka pendapat yang rasmi juga tidak dapat kita memperolehi daripada negara-negara yang demikian.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Terima kasih, soalan tambahan. Berdasarkan jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri tadi bahawa untuk mewujudkan zon bebas dari senjata nuklear yang berkesan mestilah mendapat sokongan dan kerjasama ataupun penyertaan daripada seluruh

negara-negara di Asia Tenggara, saya ingin mendapat penjelasan hingga setakat ini sejauh manakah atau berapa buah negerikah yang telah menunjukkan tanda-tanda bahawa mereka akan menyertai gerakan mewujudkan sebuah kawasan zon bebas daripada senjata nuklear di kawasan ASEAN ini.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, walaupun ini datar yang tidak rasmi, tetapi kita diberi maklum bahawa setiap anggota negara ASEAN telah pun bersetuju tentang pengwujudan zon bebas daripada persenjataan nuklear ini. Yang menjadi masalah ialah negara luar daripada ASEAN contohnya Vietnam, kita nampak tidak mudah dipakat untuk berbuat demikian.

Timbalan Yang di-Pertua, (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Dr Ting Chew Peh.

Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, nama saya telah disalah eja. "CHEW", buang huruf "I". Tuan Yang di-Pertua, soalan kedua.

Timbalan Yang di-Pertua, (Tuan D. P. Vijandran): Sudah dibetulkan.

PENYAKIT HEPATITIS B

2. **Dr Ting Chew Peh** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bilangan penduduk yang mengidapi penyakit Hepatitis B di negara ini di antara tahun 1977-1987 mengikut kaum; dan
- (b) memandangkan penyakit tersebut agak merbahaya, apakah langkah-langkah Kementerian untuk mencegahnya.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang

Berhormat, di antara tahun 1977 sehingga Disember 1986, purata sebanyak 505 kes Hepatitis B setiap tahun dilaporkan, iaitu purata 505. Kementerian Kesihatan tidak membahagikan kes-kes yang dilaporkan itu mengikut kaum.

Langkah-langkah Kementerian Kesihatan untuk mencegah penyakit Hepatitis B ialah:

- (i) menjalankan ujian ke atas darah yang didermakan di hospital-hospital Kerajaan dan beberapa hospital swasta untuk memastikan yang darah itu adalah bebas dari virus Hepatitis B.
- (ii) memastikan alat-alat suntikan yang digunakan di hospital-hospital dan di pusat-pusat kesihatan adalah bebas dari virus Hepatitis B melalui pensterilan (sterilization) alat-alat tersebut atau penggunaan alat-alat suntikan yang dibuang, dengan izin, disposable, setelah digunakan.
- (iii) memberi pendidikan kesihatan kepada orang ramai melalui Radio, TV, risalah dan surat khabar mengenai bahaya penyakit ini dan cara-cara jangkitan diperolehi dan seterusnya bagaimana mengelakkannya.
- (iv) penubuhan Jawatankuasa Viral Hepatitis di peringkat Kementerian Kesihatan. Tanggungjawab utama Jawatankuasa ini ialah untuk merancang dan mengkoordinasikan aktiviti-aktiviti mencegah dan mengawal penyakit Hepatitis B.
- (v) Kementerian Kesihatan juga sedang mempergiatkan lagi pengawalan penyakit Hepatitis B di dalam program surveillance dan control penyakit ini.

(vi) menjalankan kajian untuk mengetahui kejadian penyakit Hepatitis B di kalangan kakitangan perubatan dan kesihatan. Di samping itu, Kementerian Kesihatan sedang dalam proses membuat penilaian ke atas keselamatan dan kekesan vaksin-vaksin Hepatitis B yang sedia ada, termasuk implikasi kewangan yang terlibat.

Kementerian juga sedang berusaha untuk mengenalpasti golongan yang berisiko tinggi dan akan memberi pertimbangan untuk melakukan imunisasi Hepatitis B kepada mereka yang berisiko tinggi.

Dr Chen Man Hin: Selain daripada langkah-langkah yang diambil daripada usaha Kementerian Kesihatan, adakah langkah-langkah untuk mencegah golongan yang risiko tertinggi ialah bayi-bayi yang baru beranak dari ibu yang ada Hepatitis B, sebab ini sangat-sangat mustahak. Kalau ada rancangan ini, bilakah dilancarkan rancangan untuk melindungi bayi-bayi itu?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi, sudah ada satu Jawatankuasa Yiral Hepatitis B di peringkat Kementerian yang sedang meninjau dan menganalisa data-data termasuk terdapatnya vaksin-vaksin dengan kos yang rendah dan memang matlamat yang penting jika kita mengadakan satu program imunisasi secara luas atau dengan izin, mass immunisation. Satu daripada golongan yang akan diberi perhatian yang utama adalah bayi yang dilahirkan oleh ibu yang menjadi carrier atau kes Hepatitis B.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri daripada sejumlah kes yang dilaporkan yang mana lebih besar di antara penduduk dari luar

bandar dan dari dalam bandar. Katalah kalau di luar bandar lebih besar, apakah Kerajaan atau Kementerian bercadang buat kempen dan juga bercadang mewajibkan kepada masyarakat luar bandar dan anak-anak sekolah diberi injection untuk mencegah penyakit yang merbahaya ini?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberi angka-angka pecahan seperti ini yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat. Saya dapat mengatakan bahawa golongan yang berisiko tinggi mengidapi penyakit Hepatitis B adalah mereka seperti saya sebut tadi, anak-anak atau bayi yang dilahirkan pada ibu-ibu yang telah mengidapi Hepatitis B ataupun mereka yang bekerja di tempat-tempat seperti hospital-hospital dan sebagainya di mana mereka mengendalikan darah, dengan izin, body fluid dan ketiga sama seperti dalam kes AIDS itu, mereka yang melakukan perhubungan seks yang tidak normal, homosex atau mempunyai hubungan seks yang berleluasa dan mereka yang menjadi mangsa kepada tabiat dadah melalui suntikan. Mereka ini terdapat di mana-mana, saya rasa jika memerlukan purata memang kawasan bandar mempunyai penduduk yang lebih.

Cara untuk mencegahnya, seperti saya katakan tadi, kita sedang mengawasi keadaan dan meninjau keupayaan kita dan kemungkinan kita menjalankan satu rancangan imunisasi dan saya rasa imunisasi yang akan dikemukakan, akan tertumpu kepada golongan yang berisiko tinggi itu yang dapat mengelak daripada mengidapi penyakit AIDS. Tidak ada apa kita boleh buat untuk mereka yang sudah pun mengidapi penyakit AIDS. Jadi, kita dapat mencegah daripada jangkitan atau transmisi penyakit Hepatitis B ini seperti dalam golongan bayi yang dilahirkan itu.

PELAN INDUK INDUSTRI

3. **Tuan Zubir bin Embong** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan kemajuan yang dicapai dengan Pelan Induk Industri (Industrial Master Plan). Apakah program yang disusun untuk memperbaiki dan menolong perindustrian yang mengalami kegelapan dan kemuraman. Apakah Kerajaan sudah mengenalpasti Perindustrian yang perlu dibantu di bawah "MP Rationalisation Programme" setakat ini apakah tindakan yang telah diambil dan bagaimana kesannya.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datin Paduka Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah menubuhkan 12 Pasukan Petugas Kumpulan Industri pada pertengahan tahun 1986 untuk meneliti serta melaksanakan perakuan-perakuan Pelan Induk Perindustrian bagi pembangunan dua golongan industri iaitu terdiri daripada 7 industri meliputi industri berasaskan sumber, dan 5 bukan sumber seperti berikut:

Industri Berasaskan Sumber:

- (i) industri getah;
- (ii) industri kelapa sawit;
- (iii) industri pemerosesan kayu;
- (iv) industri berasaskan kayu;
- (v) industri kimia;
- (vi) industri galian bukan logam; dan
- (vii) industri logam bukan besi.

Industri Bukan Sumber:

- (i) industri elektronik dan peralatan elektrik;
- (ii) industri peralatan pengangkutan;
- (iii) industri besi dan keluli;

- (iv) industri mesin dan kejuruteraan; dan
- (v) industri tekstil dan pakaian.

Pasukan-pasukan Petugas yang ditubuhkan itu adalah mengandungi ahli-ahli yang mewakili sektor Kerajaan dan juga swasta. Ini adalah selaras dengan saranan Pelan Induk Pehndustrian bagi menggalakkan penyertaan sektor swasta dalam usaha-usaha pembangunan perindustrian negara.

Kesemua 12 Pasukan Petugas ini telah mula bergerak untuk melaksanakan tugasnya mulai bulan Jun 1986 dan telah mengadakan sejumlah 78 mesyuarat atas kadar 6 mesyuarat bagi tiap-tiap satu Pasukan Petugas dalam jangka masa sehingga akhir bulan Jun 1987. Di samping itu sejumlah 19 Jawatankuasa-jawatankuasa Teknikal telah diwujudkan di bawah Pasukan-pasukan Petugas tersebut dan Jawatankuasa-jawatankuasa Teknikal ini telah bersidang sejumlah 57 kali dalam jangkamasa yang dinyatakan tadi bagi meneliti secara mendalam aspek-aspek tertentu bagi sektor-sektor berkenaan.

Di dalam 12 bulan kebelakangan ini beberapa masalah jangka pendek yang melibatkan kumpulan-kumpulan industri di atas telah dapat diselesaikan dan diatasi. Ini dilakukan melalui perbincangan mesyuarat Pasukan-pasukan Petugas yang terlibat dan tindakan susulan yang diambil dengan Jabatan-jabatan Kerajaan yang ada kaitan dengan pembangunan perindustrian seperti Kementerian Kewangan, Jabatan Kastam, Jabatan Hasil Dalam Negeri, Jabatan Imigresen dan lain-lain.

Penelitian masalah-masalah jangka panjang pembangunan tiap-tiap kumpulan industri tadi masih sedang dijalankan dan kemajuan tahun pertama Pasukan Petugas sedang

disediakan. Laporan Kemajuan Tahun Pertama Pasukan Petugas dijangka akan siap pada penghujung bulan November ini dan akan diumumkan dan dimaklumkan kepada Kerajaan dan pihak awam pada penghujung tahun ini.

Di samping itu, Kementerian juga telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Galakan yang dianggotai oleh wakil-wakil dari agensi-agensi Kerajaan. Di antara tugas penting Jawatankuasa ini ialah untuk meneliti dan memperakukan galakan-galakan seperti galakan cukai baru untuk sektor pembuatan serta mengkaji semula galakan-galakan cukai yang telah disediakan bagi meningkatkan keberkesannya. Penubuhan Jawatankuasa Galakan ini adalah selaras dengan pemerhatian Pelan Induk Perindustrian yang mendapati salah satu sebab utama kurangnya pembangunan industri pembuatan di negara ini ialah galakan cukai yang kurang memuaskan.

Di dalam usaha Kerajaan untuk membantu memperbaiki dan menolong kumpulan industri yang mengalami keadaan yang kurang menarik dan tidak berkembang pesat seperti yang diharapkan, berbagai program dan strategi dikenalpasti oleh Pasukan-pasukan Petugas kumpulan-kumpulan industri tertentu. Di antaranya adalah seperti program-program menyusun semula, atau dengan izin, rationalisation bagi industri-industri besi dan keluli, mempermodenkan peralatan dan kelengkapan mesin bagi kumpulan industri getah serta tekstil dan pakaian, menggalakkan penggunaan sumber dan komponen tempatan bagi industri-industri elektrik dan elektronik serta motor dan pakaian, meningkatkan penglibatan pelabur di dalam projek-projek yang berasaskan sumber asli dan pemerosesan lanjut ke atasnya seperti keluaran minyak kelapa sawit, getah, kayu-kayan,

bahan makanan dan bahan-bahan galian dengan tumpuan untuk pasaran eksport.

Seperti yang disarankan oleh Pelan Induk Perindustrian itu, 5 jenis kumpulan industri yang akan terlibat di bawah Program Penyusunan Semula iaitu termasuklah industri besi dan keluli, tekstil, penapisan minyak sawit, papan lapis dan kayu gergaji serta pemasangan kereta motor dan pembaikan kapal. Sebuah tabung khas berjumlah \$500 juta di bawah Program ini akan diwujudkan bagi menggalakkan industri-industri yang dikenali melaksanaka pembaharuan atau meningkatkan usaha pembangunan aktiviti masing-masing.

Tuan Lee Lam Thye: Soalan tambahan, saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memandangkan kepada penerangan yang tadi telah diberikan, apakah mekanisme yang digunakan oleh Kerajaan untuk mengawasi pelaksanaan Pelan Induk Perindustrian ini agar objektif-objektif dapat dicapai?

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, susulan juga akan dibuat oleh Pasukan-pasukan Petugas yang telah saya sebutkan tadi. Di samping itu Kementerian sendiri ada mekanisme melalui bahagian yang telah ditubuhkan itu iaitu Bahagian Unit Industri Dalam Negeri atau Bahagian Industri (Industry Division) yang diberi tugas meneliti sejauh manakah segala susulan yang patut dibuat itu telah dibuat dan bagaimanakah reaksi industri atas segala usaha yang dijalankan itu, termasuklah juga rationalisation itu.

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian, bolehkah kiranya Yang Berhormat menjelaskan sedikit untuk mengetahui

kegelapan industri-industri masa hadapan, khasnya industri bukan sumber iaitu seperti televisyen, radio, kereta dan sebagainya, bagaimanakah tentang pasaran-pasaran yang kita boleh jual sebagaimana boleh Jepun dan mana-mana negara maju jual barang-barang mereka sedangkan kita tidak begitu terkenal dengan negara-negara industri seperti Jepun? Jadi, bagaimanakah pasaran dapat kita mencelah untuk memajukan barang-barang kita itu, apakah cara-cara ataupun btjaksana kita yang dapat kita mencelah barang-barang kita maju seperti Jepun dan mana-mana negeri yang maju?

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, mungkin Yang Berhormat sebutkan industri itu gelap tadi tidak termasuk industri-industri elektronik kerana industri elektronik ini ialah satu-satunya bidang yang cemerlang prestasinya sungguhpun dalam keadaan resesi. Yang gelap tadi, yang saya sebutkan tadi antara 5 adalah yang benar-benar gelap tetapi kerana soalan ini ialah barang-barang elektronik, saya ingin menyatakan bahawa kita mempunyai tahap tandingan yang sangat baik di pasaran dunia untuk barang elektronik. Contohnya, bagi alat penghawa dingin, atau dengan izin, room air-conditioners, kita merupakan pengeluar terbesar di dunia dan dengan itu kita merupakan pengeksport utama mengalahkan Jepun sendiri kerana syarikat-syarikat Jepun yang besar yang mengeluarkan alat-alat ini telah pun berpindah ke Malaysia kerana mereka mendapati bahawa mengeluarkan barang-barang ini di Malaysia lebih efficient dari segi kosnya dan lebih baik dan ini juga adalah satu trend yang menggalakkan kerana bagi barang-barang elektronik yang sedemikian, misalnya televisyen Yang Berhormat sebutkan tadi, ini juga saya ingin tegaskan merupakan satu punca ataupun satu bidang yang mempunyai prestasi yang baik di

pasaran dunia, kerana ini dicerminkan misalnya oleh Syarikat Sony yang baru sahaja 2 hari lepas mengumumkan penubuhan satu kilang besar-besaran lebih \$40 juta di Selangor iaitu di Bangi untuk mengeluarkan televisyen colour.

Jadi, di segi pasaran untuk barang-barang elektronik ini rasa saya masalah tidak ada, melainkan kita hendak membesarkan sahaja. Kita sudah pun mendapat pasaran antarabangsa, tetapi tidak boleh dinafikan untuk barang-barang lain yang di luar bidang elektronik misalnya kita mempunyai skop atau ruang untuk meningkatkan lagi pasaran dan kalau boleh untuk membesarkan pasaran. Di dalam hal ini cara-cara yang kita buat ialah:

- (1) Kerajaan sendiri mengadakan jalan perintis iaitu mengadakan rombongan-rombongan galakan perdagangan ke luar negeri;
- (2) dengan usaha lebih giat pejabat-pejabat luar negeri kita melalui Trade Commission ataupun Suruhanjaya Perdagangan di luar negeri, pejabat MIDA; dan
- (3) sektor swasta sendiri kita galakan supaya bergabung usaha untuk menembusi pasaran-pasaran baru yang tidak merupakan pasaran-pasaran tradisi bagi mereka. Mereka seharusnya membuat pelaburan yang lebih ataupun investment yang lebih ke dalam promosi galakan pasaran.

Dan dengan adanya langkah-langkah yang telah dibuat setakat ini, nampak gayanya kita berjaya menerokot bidang-bidang baru dan saya harap trend ataupun nada atau pace ini dikedepikan kalau tidak pun dipertingkatkan oleh sektor swasta sendiri.

PROJEK PETROKIMIA

4. Tuan Gooi Hock Seng minta Perdana Menteri menyatakan sama ada benar bahawa PETRONAS sedang menceburi di dalam bidang projek petrokimia, jika benar, nyatakan atas alasan apakah projek tersebut terbukti sebagai viable memandangkan kepada hakikat bahawa perusahaan petrokimia Singapura telah kerugian \$2,000 jika sejak mula ianya dibuka pada tahun 1984.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah bin Gaddam): Tuan Yang di-Pertua, memang benar PETRONAS, sebagai sebuah syarikat minyak negara, ada rancangan untuk melibatkan diri dalam industri petrokimia. Buat masa ini projek Methyl Tertiary Butyl Ether (MTBE)/propylene dan polypropylene telah pun dikenalpasti untuk dilaksanakan secara usahasama dengan rakan asing. Penglibatan PETRONAS dalam industri petrokimia dianggap wajar di atas pertimbangan seperti berikut:

- (i) terdapatnya bahan mentah tempatan yang harus digunakan dengan maksimumnya;
- (ii) adanya pasaran dalam dan luar negeri;
- (iii) dapat meningkatkan pendapatan negara dan penjimatan pertukaran wang asing dengan perkembangan industri itu;
- (iv) sejajar dengan Pelan Induk Perindustrian, yang baru sahaja diterangkan, di mana industri petrokimia boleh menjadi penggerak kepada pertumbuhan industri-industri lain; dan
- (v) dapat mewujudkan peluang-peluang pekerjaan yang baru dalam sektor perindustrian.

Kajian yang merangkumi aspek-aspek bahan mentah, pasaran, kewangan, teknologi juga tenaga dan analisa ekonomi telah dijalankan secara mendalam dan adalah didapati perolek yang dicadangkan ini akan memberi pulangan yang menarik ke atas pelaburan yang dibuat. Dengan adanya penglibatan rakan asing di dalam projek-projek itu, PETRONAS akan mendapat manfaat bukan sahaja daripada tanggungan kewangan yang lebih ringan tetapi juga akan boleh mendapat pertukaran teknologi daripada pengalaman dan kepakaran rakan kongsi.

Mengenai dakwaan industri petrokimia di Singapura mengalami kerugian, perlulah ditegaskan bahawa keadaan di negara-negara lain adalah berbeza. Mungkin semasa menceburi bidang ini suasana adalah berlainan di mana ketika itu keluaran industri petrokimia mengalami harga yang rendah disebabkan keupayaan yang berlebihan dan harga bahan-bahan mentah seperti naptha dan gas petroleum cecair (LPG) yang tinggi. Walau bagaimanapun dengan keadaan yang lebih baik sekarang ini dipercayai industri petrokimia dunia dan juga Singapura sudah mulai pulih semula.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapannya tadi, Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa pihak PETRONAS memang bercadang untuk mendirikan Industri Petrokimia di negara kita oleh kerana kata beliau tadi adanya Pelan Induk Industri. Oleh kerana negeri-negeri di sebelah Pantai Timur ini adalah merupakan "minicorridor" dalam Pelan Induk Industri, adakah Yang Berhormat Menteri bercadang supaya Industri Petrokimia ini akan didirikan di negeri-negeri Pantai Timur sungguhpun dalam Pelan Induk Industri ini dijadikan "mini corridor" sahaja di dalam rancangannya?

Tuan Kasitah bin Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah pun

memutuskan supaya petrokimia ini akan diadakan di Kuantan, Pahang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran); Yang Berhormat Dr Nicholas Munong Ibaou.

(Soalan No. 5 Y.B. Dr Nicholas Munong Ibaou tidak hadir).

GURU TERLATIH DI SEKOLAH RENDAH/ MENENGAH

6. **Tuan Chua Jui Meng** minta Menteri Pendidikan menyatakan jenis guru yang masih kekurangan mengikut aliran dan mata pelajaran di sekolah rendah dan sekolah menengah.

Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kekurangan guru iaitu guru-guru terlatih di sekolah-sekolah rendah bagi tahun 1987 adalah seperti berikut:

Sekolah Kebangsaan/Sekolah Rendah Kebangsaan	6,820 orang
Sekolah Rendah Kebangsaan (Cina)	Jenis 5,688
Sekolah Rendah Kebangsaan (Tamil)	Jenis 2,486
Jumlah	14,994 orang

Di sekolah rendah, guru-guru dilatih secara umum untuk mengajar semua mata pelajaran kecuali Agama Islam, bahasa Cina dan bahasa Tamil dan oleh itu bilangan yang kurang mengikut mata pelajaran tidaklah dapat diberi.

Di sekolah-sekolah menengah, kekurangan guru terlatih mengikut matapelajaran adalah seperti berikut:

Matapelajaran	Guru Bukan Siswazah	Guru Siswazah Diploma
Bahasa Malaysia	—	1,682
Bahasa Inggeris	—	2,159
Pengetahuan Agama Islam	667	357

Matapelajaran	Guru Bukan Siswazah	Guru Siswazah Diploma
Matematik		648
Sains Paduan		2.161
Geografi	580	357
Sejarah	346	24
Lukisan	479	862
Pendidikan Jasmani		1.162
Maiapelajarari Elektif		900

Jumlah kekurangan di sekolah-sekolah menengah 12,384 orang.

Saya ingin menjelaskan bahawa kekurangan guru terlatih ini di tampung buat sementara oleh guru-guru sandaran dan oleh guru-guru terlatih yang berlebihan bagi mata pelajaran yang lain.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan soalan tambahan mengenai soalan ini. Dalam jawapan Menteri berkenaan sekejap tadi, kita dapat fahamlah bahawa semua jenis aliran dan semua peringkat Kerajaan mengalami kekurangan guru-guru dan kekurangan itu amat besar kalau kita pergi kepada peningkatan pelajaran. Saya ingin tahu selama manakah masa kekurangan ini akan dibiarkan oleh pihak Kementerian berkenaan dan kalau sekiranya Kerajaan perlu untuk mengatasi lebih cepat, tidakkah hari ini ramai penganggur-penganggur yang boleh ditempatkan dalam ruang kekurangan ini terutama sekali dalam bidang pelajaran agama, kerana banyak pelajar lepasan dari Timur Tengah dan sebagainya kadang-kadang bertahun-tahun balik, tidak dapat ruang ataupun tidak dapat jawatan, tetapi pihak Kerajaan selalu beri jawapannya, tidak cukup guru. Jadi saya sampai tidak faham dengan cara jawapan oleh Kerajaan. Saya mahu tahu selama manakah ruang ini akan dibiarkan oleh Kementerian? Kalau sekiranya Kerajaan berusaha untuk mengambil langkah, apakah

langkah-langkah supaya dapat diatasi dengan segeranya?

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan ada menjalankan dua langkah: satu langkah sementara dan satu lagi langkah yang akan memakan masa panjang. Langkah sementara ialah menukarkan guru-guru kategori C1 yang berkelayakan mengajar mata pelajarannya dan sekolah rendah ke sekolah menengah, mengesan guru-guru di sekolah menengah yang berkelayakan mengajar mata pelajaran masing-masing diatur sekali lagi; dan meneruskan amalan sekarang, iaitu mengambil guru-guru bahasa, agama dan sebagainya dari orang-orang yang bersara untuk mengajar dan membayar elaun pengajaran dan mengambil guru-guru sementara tanpa latihan.

Untuk langkah yang akan makan masa panjang, Kementerian Pendidikan ada menambahkan pengambilan guru-guru pelatih untuk dijadikan guru terlatih. Pada tahun 1987, guru-guru yang mendapat latihan dan akan lepas daripada Maktab Perguruan ialah 4,630 orang dan pada tahun ini juga kita akan mengambil guru-guru terlatih untuk memasuki sekolah menengah ialah 1,817 orang. Dengan ini adalah diharap pada tahun 1992 semua guru-guru terlatih akan mencukupi.

Berkaitan dengan pengambilan siswazah yang menganggur, kita rasa kalau mereka tidak mendapat latihan perguruan, mereka tidak sesuai untuk mengajar di sekolah.

Tuan Mohamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Timbalan Menteri yang berkenaan memberi tahu Dewan ini apakah sebabnya kekurangan guru begitu ketara. Adakah kerana kita membangun atau mengadakan sekolah-sekolah rendah ataupun sekolah menengah itu tanpa mengimbangkan perancangan dengan

guru-guru yang perlu dilatih. Kalau sekiranya kita merancang dengan teratur tentulah sesuai dengan guru-guru yang dilatih dengan sekolah-sekolah yang dibangunkan.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, kita memerlukan lebih banyak guru-guru sebab kita sudah menduga kadar atau nisbah, dengan izin, teacher class ratio. Teacher class ratio ialah 1.43:1. Ini memerlukan lebih banyak guru untuk mengajar. Dan satu faktor yang lain ialah sebab negara kita sudah makmur dan produktivitinya sudah bertambah dan murid-murid seperti di sekolah rendah sudah sampai ke 2.7 juta murid setahun pada tahun 1987 dan untuk sekolah menengah muridnya sudah sampai ke 1.3 juta murid.

SUKAN SEA DI JAKARTA

7. Dato' Kamaruzaman bin Ahmad minta Menteri Betia dan Sukan menyatakan mengapa pencapaian Ahli-ahli Sukan Negara kita di kejohanan Sukan SEA yang keempat belas di Jakarta baru-baru ini tidak begitu memuaskan walaupun beberapa rancangan untuk memajukan sukan ini telah diadakan dan terdapat beberapa acara di mana athlit kita tidak mengambil bahagian kerana sakit dan lain-lain. Jika ya, apakah langkah-langkah konkrit yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan (Tuan Haji Awang bin Jabar): Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya pencapaian athlit kebangsaan di Sukan SEA Ke XIV di Jakarta baru-baru ini adalah memuaskan. Kontijen Malaysia telah berjaya memungut 36 pingat emas, 41 perak dan 67 gangsa yang mana jauh lebih baik dari pungutan pingat di Bangkok pada tahun 1985 sebanyak 26 pingat emas, 28 perak dan 32 gangsa. Selain daripada itu juga Kontijen

Malaysia telah berjaya memungut sejumlah 144 pingat keseluruhannya yang merupakan jumlah pingat yang terbesar pernah diperolehi oleh Kontijen Malaysia di sepanjang penyertaan Sukan SEA sejak tahun 1959. Pungutan 36 pingat emas juga adalah merupakan jumlah kedua terbanyak yang pernah diperolehi oleh Kontijen Malaysia di Sukan SEA di mana pada tahun 1971 athlit kita berjaya memungut 41 pingat emas.

Terdapat enam orang athlit Malaysia yang sakit menjelang pertandingan. Dua daripada athlit ini tidak berjaya menyertai pertandingan dan merupakan athlit yang dijangka memungut pingat emas. Sementara itu yang lain berjaya mengambil bahagian dalam acara masing-masing. Athlit-athlit yang menyertai Sukan SEA telah pun menjalani pemeriksaan doktor sebelum bertanding ke Jakarta. Ternyata bahawa mereka yang terlibat ini telah dilanda dengan penyakit masing-masing menjelang beberapa hari sebelum pertandingan sahaja.

Langkah-langkah konkrit yang telah dan akan diambil oleh Kementerian untuk terus mempertingkatkan prestasi sukan negara adalah seperti berikut:

- (i) Penubuhan Jawatankuasa Pelaksanaan Projek Gemilang '90 pada 2 Disember 1986. Tujuan projek ini ialah supaya athlit-athlit yang dipilih untuk menyertai Temasya Sukan Asia '90 dan Sukan SEA '89 mendapat bimbingan dan latihan persediaan yang mencukupi dan rapi;
- (ii) mewujudkan Dasar Sukan Negara;
- (iii) memperkemaskan jentera pentadbiran Persatuan dengan menggalakkan perlantikan Setiausaha Kerja yang bertugas sepenuh masa;

- (iv) merancang dan melaksanakan program-program sukan termasuk membantu Persatuan-persatuan Sukan mengenai latihan, pendedahan dan penyertaan di peringkat antarabangsa;
- (v) melaksanakan program untuk memajukan jurulatih dan mempertingkatkan pendidikan kejurulatihan melalui Lembaga Kejurulatihan Kebangsaan;
- (vi) Skim Peransang telah diwujudkan untuk membantu athlit mengadakan latihan sempurna dan hal kebajikan mereka;
- (vii) mewujudkan biasiswa sukan mulai pada tahun ini;
- (viii) Skim Hadiah Kemenangan yang telah diwujudkan di mana athlit-athlit yang mendapat pingat di kejohanan antarabangsa akan diberi hadiah wang tunai;
- (ix) mewujudkan program latihan sepenuh masa bagi athlit, jurulatih-jurulatih dan pentadbir-pentadbir sukan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hairan mengapakah pihak Kementerian terikut-ikut dengan kehendak orang ramai iaitu pencapaian sukan didasarkan kepada pingat emas. Saya rasa Kementerian silap dan banyak orang silap. Saya rasa pencapaian sukan itu harus didasarkan kepada penyertaan. Jadi, di sini saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, apakah rancangan jangka panjang kita ini kemenangan dan pingat emas itu yang menunjukkan bahawa kita aktif dalam sukan ataupun penyertaan sebab baru-baru ini saya tengok dalam Sukan SEA di Jakarta tidak semua sukan yang kita ambil bahagian. Jadi, saya ingin bertanya, adakah rancangan jangka

panjang kita berfikir ke arah itu supaya ahli sukan kita tidak tertekan dengan pingat emas, pingat emas dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Soalannya apa, Yang Berhormat?

Tuan Shahidan bin Kassim: Itu soalnya, penyertaan.

Tuan Haji Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan ada dua bentuk sukan yang diberi penekanan. Pertama ialah sukan untuk kecergasan iaitu, dengan izin, sport for all, kedua ialah sukan untuk, dengan izin, highly performance. Jadi, pencapaian kedua-dua bentuk sukan ini adalah diberi nilai secara yang berlainan. Kejayaan di dalam highly performance sudah tentulah berdasarkan kepada kebanyakan pingat-pingat yang dipungut dalam mana-mana kejohanan antarabangsa ataupun lain-lain, manakala kejayaan di dalam masalah yang pertama tadi ialah penyertaan seberapa ramai yang boleh rakyat Malaysia di dalam bidang-bidang sukan yang tertentu.

RAAF DI BUTTERWORTH— PENGUNDURAN

8. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri Pertahanan menjelaskan benarkah pihak Kerajaan Australia akan menarik balik anggota pasukan RAAF yang berpangkalan di Butterworth itu. Jika benar bilakah tarikhnya. Dan apakah langkah-langkah Kementerian untuk menjamin kekuatan pertahanan udara di kawasan itu.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan

Yang di-Pertua, memang benar skuadron terakhir Tentera Udara Di Raja Australia (RAAF) akan berundur dari Pengkalan Butterworth pada pertengahan tahun 1988. Pengunduran Skuadron RAAF ini tidak akan menjejaskan pertahanan udara Malaysia kerana pesawat-pesawat pejuang baru RAAF akan ditempatkan di Pangkalan Butterworth secara bergilir-gilir bagi jangka masa tertentu selepas pengunduran tersebut. Di samping itu, pasukan-pasukan lain tentera Australia iaitu satu Pasukan Tentera Darat dan pesawat Maritime Surveillancenya juga akan terus dikekalkan di Butterworth. Ini bermakna TUDM dan RAAF masih lagi mengadakan kerjasama-kerjasama pertahanan selepas tarikh tersebut.

TUDM sendiri mempunyai rancangan-rancangan tertentu untuk Pengkalan Butterworth. Langkah-langkah ke arah meningkatkan kemantapan pertahanan udara sentiasa dibuat sama ada melalui latihan atau penambahan peralatan dari masa ke semasa.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan. Saya sangat berasa bangga di atas jawapan yang telah diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai pertahanan di negara kita ini dan sungguhpun sekiranya Australia menarik balik kumpulan pasukan Angkatan Tentera Udaranya, masih terdapat ketinggian beberapa skeleton yang tertentu. Dalam, dengan izin, nuclear age ini, Tuan Yang di-Pertua, adakah Malaysia sanggup menghadapi cabaran-cabaran kuasa-kuasa yang lebih ganas ataupun lebih kuat daripada apa yang kita mampu kalau kita hanya bersandarkan kepada kekuatan ketenteraan dan kekuatan senjata yang ada di dalam negara kita

ini; sedangkan kita sudah mengambil sikap berkecuali dalam peperangan nuklear ini. Apakah tindakan Kementerian Pertahanan bagi menentukan bahawa Malaysia akan terjamin daripada serangan-serangan luar dan jika serangan ini dilakukan dengan menggunakan kekuatan nuklear?

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia ialah sebuah negara yang kecil. Jadi, itulah sebabnya kita mempunyai kawan-kawan yang banyak. Seperti dalam segi pertahanan, kita menjadi anggota Peraturan Pertahanan Lima Negara dan dengan adanya kawan-kawan yang lebih besar daripada kita maka kita berharap bahawa pertahanan negara ini terjamin.

Tuan Mohamed Yusoff bin Abdul Latiff: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa tanah di sekeliling Pengkalan Udara Butterworth kepunyaan Kementerian Pertahanan Itu sekarang ini telah diduduki oleh setingan-setingan yang begitu ramai. Kalau sedar, apakah langkah atau tindakan yang akan diambil oleh Kementerian.

Keduanya, tidakkah rumah-rumah mereka itu menjadi halangan atau gangguan untuk kapal terbang TUDM kita naik-turun.

Ketiganya, adakah Kementerian Pertahanan merestui keadaan ini. Terima kasih.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu terkeluar daripada soalan asal.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya bersetuju.

**PELABURAN DARI AMERIKA/
BRITAIN/GERMANY/JEPUN/
INDIA/HONG KONG/
KOREA/TAIWAN/SINGAPURA**

9. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berapakah jumlah pelaburan yang telah ditarik oleh Negara kita dari Negeri Amerika Syarikat, Great Britain, Germany, Jepun, India, Hong Kong, Korea, Taiwan dan Singapura pada tahun 1986 dan bagi lapan bulan hingga Ogos tahun 1987. Manakah negeri-negeri yang telah menunjukkan sikap berkurangan pelaburan pada tahun 1987 di dalam Negara kita, apakah sebab-sebab untuk mengurangkan pelaburan tersebut dan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk membaiki keadaan tersebut.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, jumlah pelaburan di dalam tahun 1986 daripada *Amerika Syarikat* ialah M\$17.1 juta, *Great Britain*: M\$19.1 juta, *Germany*: M\$1.4 juta, *Jepun*: M\$58.7 juta, *India* M\$16 juta, *Hong Kong*: M\$27.5 juta, *Korea*: M\$1.6 juta, *Taiwan*: M\$5 juta dan *Singapura*: M\$90 juta.

Manakala jumlah pelaburan di dalam 8 bulan pertama tahun 1987 pula ialah: *Amerika Syarikat*: M\$33.9 juta (berbanding dengan jangka masa yang sama bagi tahun 1986: M\$15.1 juta), *Great Britain*: M\$4.3 juta (M\$18.7 juta), *Germany*: M\$8.9 juta (M\$0.8 juta), *Jepun*: M\$115.6 juta (M\$35.3 juta), *Hong Kong*: M\$24.7 juta (M\$5.2 juta), *Korea*: M\$1.4 juta (M\$1.2 juta), *Taiwan*: M\$37.6 juta (M\$2.1 juta), *Singapura*: M\$89.9 juta (M\$28.4 juta), tetapi tiada sebarang pelaburan dari *India* (1985-M\$11.4 juta).

Jadi, adalah jelas, Tuan Yang di-Pertua, daripada jumlah pelaburan negara yang ditunjukkan kesemuanya telah bertambah, kecuali Britain dan

India. Walaupun jumlah pelaburan dari Britain berkurangan bagi jangka masa tersebut (Januari hingga Ogos, 1986/87), tetapi hasil dari lawatan rasmi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Britain tahun ini telah berjaya menarik minat awal daripada sejumlah 8 syarikat utama Britain untuk melabur di Malaysia di dalam projek-projek seperti "irradiation plant" dan "peroxides" di mana jumlah cadangan modal pelaburan berjumlah kira-kira M\$64.4 juta. Kerajaan juga sedang dari masa ke semasa berusaha untuk menank minat pelabur-pelabur dari India untuk meningkatkan lagi kadar jumlah pelaburan mereka di Malaysia.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, walaupun angka-angka yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri tadi menunjukkan bahawa ada pertambahan dari segi pelaburan dibuat oleh negara-negara yang telah melabur, terutama sekali Jepun dan sebagainya, namun demikian memandangkan akan imbalan perdagangan dengan negara-negara tersebut itu, kalau kita lihat betul-betul tidak cukup dan kita perlu lagi bantuan dan pelaburan daripada mereka. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan untuk menentukan supaya pertambahan ini akan berlaku.

Keduanya ialah apakah langkah-langkah yang dibuat oleh Kerajaan terhadap imbalan perdagangan dengan Kerajaan seperti India yang menyatakan bahawa eksport kita kepada India adalah melebihi apa yang diimport daripadanya, apakah langkah-langkah yang diambil terhadap keadaan seperti ini.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak ada kaitan langsung antara imbalan perdagangan kita dengan pelaburan yang masuk daripada negara-negara ini, tetapi kerana ditanya tadi

bagaimana hendak membetulkan imbalan perdagangan dengan India, sebenarnya imbalan perdagangan kita dengan India memanglah baik untuk kita atau, dengan izin, in our favour, iaitu kerana India membeli begitu banyak minyak kelapa sawit daripada kita, tetapi kita tidak membeli jumlah dan nilai barangan yang seimbang nilai dan jumlahnya daripada India dan memanglah Kerajaan berusaha untuk mencari langkah-langkah bagaimana, pertamanya, sektor swasta mendapatkan sumber-sumber pembelian import barang-barang tertentu daripada India. Keduanya, Kerajaan sendiri di mana yang wajar seperti pembelian beras dan sebagaimana jikalau harga dan nilainya atau mutunya sesuai boleh membeli daripada India.

Ketiga, kita juga menggalakkan India supaya mengadakan pelaburan di sini dengan harapan bahawa dengan cara begitu dapatlah kita menggunakan alat atau komponen yang dibuat daripada teknologi dan pelaburan India itu. Tetapi ingin saya tekankan untuk memperseimbangkan pada paras sama rata mungkin akan memakan masa yang agak lama.

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri. Pertama, apakah bahagian pelaburan asing daripada jumlah pelaburan di negara untuk tahun 1986 dan tahun ini. Kedua, kenapa jika berbanding dengan negara jiran seperti Thailand yang telah berjaya menarik lebih banyak pelaburan asing dalam tahun lepas dan negara kita kurang berjaya.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, untuk soalan pertama itu, minta izinlah jawab bertulis, kerana angka ini tidak ada dengan saya sekarang.

Keduanya, memanglah saya pun hairan kenapa kita harus membandingkan negara kita dengan

Thailand. Tetapi ini memang selalu dtbuat oleh pihak-pihak tertentu. Sebenarnya, bila kita bandingkan dengan Thailand kita tidaklah jauh ke belakang. Malaysia ini memang dianggap sebagai sebuah negara yang menguntungkan bagi pelabur-pelabur asing. Apa yang kita lihat yang datang ke Malaysia ini ialah syarikat-syarikat yang benar-benar beiiiaedah bagi kita yang membawa teknologi baru, yang membawa pelaburan besar-besaran. Kita pula dalam memikat pelabur-pelabur asing ini tidak hendak memikat pelabur sembarangan iaitu siapa sahaja. Kita juga ingin melihat orang-orang yang datang ke sini memahami segala dasar-dasar kita dan duduk di sini kekal menjalankan pelaburan dan pelaburan tambahan melalui masa. Ada setengah dari mereka bila kita tanya mengapa agaknya industri-industri tertentu pergi ke Thailand dan tidak datang ke negara-negara lain? Jawapan mereka ialah kadang-kadang saya pun tidak tahu hendak percaya atau tidak, jawabnya ialah seperti berikut: Pertama, katanya "di Thailand semuanya kita boleh buat". Itu saya minta tafsiranlah. Kadang-kadang bila saya kata apa tafsirannya "semua boleh buat", dia kata, "Well, we can do everything", dengan izin. Jadi saya jawablah, kalau di sini kita ada peraturan, jadi kena ikut peraturanlah.

Kedua, mereka selalu mengatakan harga buruh rendah di sana. Di sini saya ingin menekankan bila kita meninjau kos buruh, kita mesti kaitkan dengan produktivitinya. Kita bangga sungguhpun harga buruh kita atau gaji pekerja kita tinggi sedikit daripada Thailand, tetapi produktivitinya adalah juga tinggi. Semenjak akhir-akhirnya ini tidak menjadi masalah kepada pelabur asing datang ke sini kerana kos pengeluarannya sedemikian, yang mana kos buruhnya sedikit sahaja peratusannya, jadi tidak menjadi

penghalang. Sebenarnya, kita tidak usah bandingkanlah dengan negara lain, asalkan trend pertumbuhan kita itu pesat, itu yang kita hendak.

Dr Goh Cheng Teik: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas kepada Menteri dan Kementerian kerana berjaya menarik pelaburan tambahan ke tanahair kita. Memandangkan bahawa kos pengeluaran di negara-negara Korea Selatan, Taiwan dan Hong Kong telah meningkat dan oleh yang demikian mereka kurang bersaing kalau dibandingkan dengan masa dahulu, saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri, sama ada beliau dan Kementerian mengambil langkah-langkah yang lebih berkesan untuk menarik pelabur daripada negara-negara seperti Korea Selatan, Taiwan dan Hong Kong.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada menarik pelabur-pelabur baru kita juga cuba menggalakkan pelabur-pelabur ataupun pengusaha yang sedia ada di negara-negara di mana kos pengeluaran mereka sudah meningkat supaya datang ke negara seperti Malaysia ini dalam proses, dengan izin, relocation of their industries,

penempatan semula industri ataupun pengembangan industri mereka.

SISWAZAH MENGGANGGUR

10. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) berapakah bilangan siswazah yang menganggur dan sila beri pecahan mengikut jurusan-jurusan ijazah yang mereka perolehi;
- (b) berapa ramaikah siswazah-siswazah yang menganggur ini di bawah biasiswa Kerajaan Persekutuan; dan
- (c) apakah tindakan-tindakan yang sedang dan akan diambil oleh Kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahii Yang Berhormat, sehingga 30hb September, 1987 bilangan siswazah menganggur yang didaftar di Jabatan Perkhidmatan Awam yang mempunyai kelayakan di peringkat ijazah dan peringkat diploma ialah 18,853 orang. Pecahan bilangan tersebut mengikut jurusan dan peringkat kelulusan ialah seperti berikut:

<i>Bil.</i>	<i>Jurusan dan Peringkat Kelulusan</i>	<i>Bilangan</i>
<i>IJAZAH</i>		
1.	Professional.. .. .	4,016 orang
2.	Sains	3,323 ..
3.	Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan	4,549
Jumlah		11,888orang

*BiL**Jurusan dan Peringkat Kelulusan**Bilangan**DIPLOMA*

1.	Teknikal	3,864 orang
2.	Bukan Teknikal	3,101 ..

Jumlah 6,965 orang

(b) Bilangan siswazah menganggur itu yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan ialah seramai 7,843 orang.

(c) Satu daripada langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah pengangguran di kalangan siswazah ialah dengan menganjurkan program kerja Skim Khidmat Sambilan. Sungguhpun skim ini berbentuk sementara, tetapi seramai 4,000 orang siswazah telah mendapat pekerjaan. Melalui skim ini siswazah-siswazah telah ditempatkan di pelbagai Jabatan Kerajaan dan agensi Kerajaan di peringkat Persekutuan dan Negeri di mana secara tidak langsung diberi latihan dan pengalaman mengenai sistem pentadbiran dan perkhidmatan awam negara. Dengan adanya pengalaman tersebut mereka merupakan calon-calon yang boleh dikira telah ada pengalaman apabila memohon jawatan tetap sama ada di sektor swasta atau awam. Di samping itu Kerajaan telah pun menubuhkan satu Jawatankuasa Kabinet Khas yang diberi nama Jawatankuasa Mengenai Program Peluang-peluang Pekerjaan Untuk Siswazah adalah dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Antara tugas utama

jawatankuasa ini ialah menyediakan cadangan-cadangan jangka panjang untuk mengatasi masalah siswazah menganggur. Setakat ini beberapa program telah dikenalpasti dan dikaji kesesuaiannya untuk dilaksanakan. Program-program itu ada tujuh, iaitu:

- (i) Skim Latihan Khas;
- (ii) Skim Siswazah Tani;
- (iii) Skim Latihan Kemahiran;
- (iv) Skim Penempatan di Sektor Swasta;
- (v) Skim Pekerjaan di Sektor Swasta;
- (vi) Skim Melanjutkan Pelajaran; dan
- (vii) Skim Khidmat Sokongan.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada masa yang lalu, pihak Kerajaan, orang ramai dan ibubapa selalu menggalakkan murid-murid, pelajar-pelajar mengambil kursus di dalam jurusan sains, maka sangat ketara sekali di dalam jawapan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa semuanya adalah dalam jurusan sains. Jadi, di sini ternampak bahawa perancangan Kementerian

Pendidikan dahulunya tidak tepat dan telah tersalah. Bagaimanakah usaha Kementerian Pendidikan untuk merancang semula supaya keadaan-keadaan yang tempang ini tidak berlaku?

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, di universiti-universiti tempatan seperti Universiti Sains Malaysia pada tahun ini sudah menukar kursus berkaitan sains untuk memberi peluang kepada pelajar-pelajar bukan sahaja mengambil mata pelajaran dalam sains, tetapi campuran dengan sastera untuk membolehkan mereka mendapat kerja apabila mereka lepas dari universiti dan ini akan diikuti oleh universiti-universiti lain juga.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan jawapan bagi Pertanyaan No. 5 dan 11 hingga 31 adalah diberi di bawah ini).

RACUN PEROSAK UNTUK MENANGKAP IKAN/UDANG

5. Dr Nicholas Munong Ibau minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) adakah Menteri sedar banyak penduduk di kawasan Rajang Bahagian Ketiga Sarawak menyalahgunakan racun serangga untuk membunuh dan menangkap udang;
- (b) apakah langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengawal kesalahan tersebut; dan
- (c) apakah jenis racun serangga yang selalu disalahguna untuk meracun udang.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Alexander Yu Lung Lee):

- (a) Kementerian telah difahamkan bahawa ada segulungan kecil penduduk kawasan Rajang yang menyalahgunakan racun-racun perosak untuk membunuh dan menangkap ikan dan udang. Kementerian Pertanian tidak pernah mengesyorkan penggunaan racun perosak bagi tujuan seperti ini.
- (b) Pegawai Pengembangan kami telah dan akan terus memberi nasihat kepada penduduk-penduduk di kawasan tersebut supaya tidak melakukan aktiviti seperti ini. Selain dari itu di bawah Seksyen 26 Akta Perikanan 1985, menangkap ikan dengan menggunakan bahan letupan, racun dan sebagainya adalah melakukan suatu kesalahan. Jika kesalahan-kesalahan ini di bawa ke Mahkamah, denda tidak melebihi \$50,000.00 atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya boleh dikenakan. Walau bagaimanapun untuk menguatkuasa peruntukan ini di bawah Akta Perikanan 1985, setakat mana ianya berhubung dengan penangkapan ikan di sungai, Badan Perundangan dalam negeri itu hendaklah menerima pakai Akta Perikanan 1985 melalui undang-undang yang dibuat oleh Badan Perundangan Negeri itu. Adalah difahamkan Negeri Sarawak belum berbuat demikian.
- (c) Semua jenis racun serangga adalah dianggap merbahaya kepada ikan/udang. Kementerian Pertanian tidak membenarkan apa-apa jenis racun pun diguna untuk membunuh dan menangkap

undang, kerana ianya salah mengikut Akta Perikanan 1985.

PEMBANGUNAN TANAH DAN PERANCANGAN

11. Tuan Law Lai Heng minta Menteri Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan apakah perancangan terbaru Kementeriannya mengenai berbagai-bagai masalah tanah yang terdapat di negara ini.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus): Soalan yang dikemukakan itu adalah terlalu umum dan merangkumi bidang yang terlalu luas. Walau bagaimanapun, saya akan cuba menjawabnya dengan menyatakan bahawa terdapat berbagai cabaran berhubung dengan hal-hal pembangunan tanah dan perancangan adalah dibuat bagi mengatasi cabaran-cabaran tersebut. Kemelesetan ekonomi yang telah melanda negara dan turunnya harga barangan utama telah mendatangkan imek negatif terhadap usaha pembangunan tanah terutamanya terhadap kadar pulangan kepada peserta-peserta rancangan-rancangan tanah dan pekebun-pekebun kecil. Di samping itu, terdapat beberapa masalah yang sedia ada dan ini mendapat perhatian yang lebih. Antaranya ialah:

- (i) Kewujudan kawasan tanah terbiar yang luas iaitu 125,255 hektar kawasan sawah dan seluas 569,132 hektar kawasan bukan-sawah yang merugikan negara selagi tidak diusahakan.
- (ii) Sebahagian besar daripada kawasan tanah pertanian yang dibangunkan adalah ditumpukan kepada tanaman-tanaman komoditi utama dan usaha-usaha yang dijalankan bagi mempelbagaikan jenis tanaman adalah sangat kurang.
- (iii) Kadar penglibatan peserta-peserta/pekebun-pekebun kecil yang terhad kepada pengeluaran komoditi dan kepada satu-satu jenis tanaman sahaja adalah menyembunyikan potensi daya pengeluaran yang tinggi dari peserta-peserta/pekebun-pekebun kecil berkncaan. Ini mengakibatkan tanah tidak dieksploitasi penggunaannya dengan cara yang optimum.

Sesuai dengan hasrat Kerajaan untuk meningkat pertumbuhan ekonomi negara, beberapa keputusan telah pun diambil yang memerlukan supaya keutamaan diberi kepada mempelbagaikan jenis tanaman dan kegiatan peserta-peserta/pekebun-pekebun kecil ke arah meningkatkan penggunaan tanah pertanian secara yang optimum dan peningkatan kadar pulangan kepada mereka.

Selaras dengan keputusan tersebut, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah sedang mengambil langkah-langkah untuk menggalakkan usaha-usaha mempelbagaikan jenis aktiviti pertanian di kawasan LKT dan LKW; membantu dalam mempercepatkan proses meluluskan tanah pertanian terutamanya untuk aktiviti "cash crops" bagi tujuan eksport; dan merangka beberapa insentif dan kaedah bagi menggalakkan kemajuan tanah-tanah terbiar dan industri "cash crops" sama seperti insentif-insentif yang diberi kepada industri-industri yang lain. Sebagai menyokong usaha-usaha tersebut, keutamaan adalah diberi kepada aspek membaiki keadaan infrastruktur asas seperti jalan-jalan, perparitan, bekalan letrik dan air dan sebagainya serta aspek pembangunan sosial di kalangan peserta-peserta/pekebun-pekebun kecil yang bertujuan menerapkan sikap positif, kesedaran, dedikasi, ciri-ciri keusahawanan, serta sifat-sifat

ketahanan dan ingin memupuk kepakaran dalam berbagai bidang berhubung dengan kegunaan tanah yang boleh diceburi.

BAYARAN BIL ELEKTRIK

12. Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan hari ini telah banyak power station-power station elektrik telah diwujudkan dalam negara kita tetapi pembayaran bil-bil penggunaan elektrik masih lagi dengan pembayaran dengan harga tinggi jika dibandingkan dengan setengah-setengah negara lain. Adakah Kerajaan berhasrat untuk meringankan pembayaran-pembayaran bil penggunaan kepada paras yang lebih rendah daripada apa yang ada sekarang ini.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos membekalkan elektrik di Semenanjung Malaysia pada tahun 1984/1985 adalah 16.59 sen satu unit. Kos ini meliputi penjanaaan, penghantaran, pembahagian dan juga yang lain-lain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos membekalkan elektrik pada sesuatu masa berkait rapat dengan harga bahan bakar yang digunakan. Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos menekankan supaya Lembaga Letrik Negara dapat mengurangkan kos elektrik dengan cara menggunakan teknologi yang efisien supaya mengurangkan pembaziran elektrik dan boleh menggunakan bahan bakar yang paling murah pada sesuatu masa. Ini menepati dengan strategi Kerajaan untuk mempelbagaikan kegunaan sumber tenaga seperti minyak, haidro, gas dan arang batu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tariff elektrik ditentukan

dengan mengambil kira perkara-perkara seperti berikut:

- (i) Kadar tariff yang dianggap munasabah dan wajar dan tidak membebankan pengguna.
- (ii) Kadar tariff untuk memberi galakkan kepada sektor tertentu ke arah pembangunan ekonomi dan negara.
- (iii) Kadar tariff juga mengambilkira kos untuk membekalkan tenaga elektrik termasuk penjanaaan, penghantaran, pembahagian dan lain-lain.
- (iv) Kadar tariff mengambilkira kos kewangan yang perlu ditampungi oleh Lembaga Letrik Negara oleh kerana pelaburan dan pinjaman yang dibuat hingga kini.
- (v) Kadar tariff yang membawa hasil terkumpul untuk menampung pelaburan modal pada masa-masa yang akan datang.

Berdasarkan kepada kriteria-kriteria di atas, maka tariff purata yang dikenakan pada hari ini adalah seperti berikut:

- | | |
|---------------------------|-------------|
| (i) Sektor domestik | : 21.41sen |
| (ii) Sektor perdagangan | : 24.86sen |
| (iii) Sektor perlombongan | : 19.58 sen |
| (iv) Sektor perindustrian | : 20.66 sen |
| (v) Sektor tampu awam | : 29.05 sen |

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, apabila kita membandingkan kadar-kadar purata di Malaysia dengan negara-negara jiran seperti Singapura, Indonesia, Thailand dan Filipina, maka kedudukannya adalah seperti berikut:

- (i) Adalah diakui bahawa secara perbandingan, kadar domestik adalah tinggi di Malaysia;
- (ii) Untuk sektor perdagangan, ia dianggap setanding;

- (iii) Di sektor hotel, kita adalah yang termurah bersama-sama dengan Singapura dan;
- (iv) Di sektor industri, kadar kita adalah termurah setanding dengan Singapura.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tariff elektrik telah disusun semula pada tahun 1979/1980 dan telah juga diperbaiki pada tahun 1985 dengan mengenakan perbezaan mengguna pada masa puncak dan luar puncak (peak and off peak) dan sejak bulan Mac, tahun 1986 Kementerian telah mengenakan sistem diskaun seperti berikut:

- (i) Hotel 10%
- (ii) Perindustrian 20%
- (iii) Tekstile 20%
- (iv) Perlombongan 25%
- (v) Lampu awam 20%

Selain daripada skim diskaun yang diberikan oleh Lembaga Letrik Negara, Kerajaan Persekutuan juga telah memperkenalkan skim diskaun 20% untuk industri getah, tekstile dan industri yang banyak menggunakan bekalan elektrik seperti gas, air batu, simen dan sebagainya mengikut syarat-syarat kelayakan yang tertentu. Skim diskaun Kerajaan Persekutuan telah menelan belanja sebanyak lebih kurang 25 juta setahun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dengan kadar yang ada di tambah pula dengan sistem diskaun, pengguna telah mengecapi satu perkhidmatan yang munasabah. Melalui sistem diskaun, Lembaga Letrik Negara terpaksa mengorbankan pungutan hasil sebanyak \$220 juta setahun.

Berdasarkan kepada makluman dan hujan-hujah di atas, pihak Kementerian sentiasa mengkaji kemungkinan-kemungkinan untuk tahun 1988 dan seterusnya.

INSTITUT PENGURUSAN PENDIDIKAN NEGARA— GRADUAN SABAH/ SARAWAK

13. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Pendidikan menyatakan berapakah jumlah dari 300 orang graduan-graduan yang dipilih untuk menjalani kursus enatn minggu di National Institute of Education Management, Genting Highlands (bermula 6hb Julai, 1987) adalah dari negeri Sabah dan Sarawak; dan apakah sistem yang digunakan untuk memilih 300 orang graduan-graduan ini dan sama ada Kerajaan akan menimbangkan untuk mengadakan lebih banyak kursus tertentu seperti ini di masa akan datang; jika tidak, mengapa.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari 300 orang graduan-graduan yang dipilih untuk menjalani kursus enam minggu di Institut Pengurusan Pendidikan Negara, Sri Layang, (bermula 6hb Julai, 1987) tiada graduan dari negeri Sabah dan Sarawak.

Sistem yang digunakan untuk memilih 300 orang graduan ini adalah berdasarkan kepada kelayakan mereka dan butir-butir yang di kemukakan dalam borang permohonan yang diedarkan kepada graduan-graduan.

Sama ada Kerajaan akan menimbangkan untuk mengadakan lebih banyak kursus adalah bergantung kepada kejayaan kursus pertama yang akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa mengenai peluang-peluang pekerjaan siswazah termasuk dari Sabah dan Sarawak.

PULAU TIOMAN

14. Tuan Haji Mohamad bin Abdullah minta Menteri Kewangan menyatakan selain daripada Pulau Tioman akan

dijadikan pusat pelancongan, adakah Kerajaan bercadang untuk menjadikan pulau tersebut sebagai Pelabuhan Bebas Cukai di sebelah timur Malaysia Barat.

Menteri Kewangan (Tuan Daim Zainuddin): Kerajaan tidak bercadang untuk menjadikan Pulau Tioman sebagai sebuah pelabuhan bebas.

DADAH—PEGAWAI YANG TERLIBAT

15. Tuan Haji Wan Omar bin Wan Majid minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah benar pegawai-pegawai yang ditugaskan mengawal Najis Dadah ikut terlibat dengan penyalahgunaan najis dadah, bersubahat dengan pengedar-pengedar atau menjadi pengedar di penjara atau di pusat-pusat pemulihan. Sudah berapa ramai yang telah dikenakan tindakan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Wabak penyalahgunaan dadah yang melanda negara kita sekarang melibatkan semua golongan masyarakat. Di antara golongan yang terlibat ini termasuklah segolongan kecil pegawai-pegawai yang ditugaskan untuk mengawal dan mengendalikan masalah penyalahgunaan dadah. Mereka yang terlibat itu telah dikenakan tindakan undang-undang yang berkaitan dengan penyalahgunaan dadah serta tindakan tatatertib mengikut peraturan-peraturan yang sedia ada dengan tujuan untuk buang kerja.

Agensi-agensi Kerajaan yang dipertanggungjawabkan secara langsung untuk mengawal penyalahgunaan dan pengedaran dadah ialah Polis Di-Raja Malaysia, Penjara dan Bahagian Rawatan dan Pemulihan Dadah, Kementerian Dalam Negeri. Daripada maklumat yang dapat dikumpul sehingga 30-9-87 menunjukkan seramai 96 orang

pegawai penjara serta 544 orang pegawai polis telah terlibat di dalam pelbagai kesalahan berhubung dengan dadah di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 (Pindaan 1986) dan Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1985.

PEGAWAI AWAM DALAM PERNIAGAAN

16. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) kenapa Kerajaan baru-baru ini membenarkan kakitangan dalam perkhidmatan awam terlibat dalam kegiatan perniagaan walaupun rakyat sedang bimbang dengan kekurangan kecekapan mereka dalam perkhidmatan awam;
- (b) sama ada beliau akan menimbang dan menyokong cadangan yang diberi oleh Ketua Menteri Sabah, Datuk Pairin untuk membatalkan jawatan tetap dan berpenyen dalam perkhidmatan awam dan menggantikan dengan kakitangan kontrak.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (I)ato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor):

- (a) Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1987 bukanlah membenarkan pegawai-pegawai awam melibatkan diri dalam kegiatan perniagaan. Pekeliling ini membenarkan pegawai-pegawai awam menubuhkan Syarikat Pegangan Keluarga (Family Holding Company) untuk mentadbirkan harta yang dimiliki oleh pegawai dan keluarganya.

Syarat-syarat yang ketat dikenakan bagi mencegah pegawai-pegawai awam menggunakan kebenaran ini bagi maksud menjalankan perniagaan.

- (b) Saya tidak menyokong cadangan membatalkan jawatan-jawatan tetap dan berpencen dalam perkhidmatan awam kerana perkhidmatan awam memerlukan jawatan-jawatan yang berkekalan.

PELAJAR BIASISWA KERAJAAN DI LUAR NEGERI

17. Tuan Teok Teik Huat minta Menteri Pendidikan menyatakan jumlah pelajar-pelajar dari Malaysia yang dihantar ke luar negeri di bawah biasiswa Kerajaan sejak 5 tahun ini dengan menyatakan kos biasiswa-biasiswa tersebut dan berapa ramaikah dari pelajar-pelajar ini yang dihantar balik atas sebab prestasi lemah.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pelajar-pelajar dari Malaysia yang dihantar ke luar negeri di bawah biasiswa Kerajaan sejak 5 tahun kebelakangan (1982-1986) ialah seramai 36,649 pelajar. Jumlah perbelanjaan untuk membiayai mereka ialah sebanyak \$1,800.47 juta. Seramai 548 orang telah dihantar balik atas sebab kegagalan dalam pengajian.

PEJABAT BARU DI SEMARAHAN DAN BINTULU

18. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis minta Perdana Menteri menyatakan mengapakah apabila Bahagian-bahagian dan Daerah-daerah Baru diwujudkan, jabatan-jabatan Persekutuan tidak ditempatkan di semua Bahagian dan Daerah baru ini. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa di Sarawak telah ditubuhkan 2 Bahagian Baru oleh Kerajaan Negeri. Kalau sedar, mengapakah jabatan-jabatan Persekutuan tidak ditempatkan di kedua-dua bahagian itu. Adakah

benar anggaran yang mengatakan bahawa 2 Bahagian Baru—Semarahan dan Bintulu diwujudkan tanpa kelulusan Kerajaan Persekutuan.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Di bawah Seksyen 3, Administrative Areas Ordinance Sarawak (Cap 4), Kerajaan Negeri Sarawak berkuasa untuk mewujudkan Bahagian/Daerah baru. Namun begitu, jika perwujudan Bahagian/Daerah baru itu mempunyai implikasi kewangan dan perjawatan, persetujuan dari Kerajaan Persekutuan hendaklah diperolehi terlebih dahulu selaras dengan Perkara 112 Perlembagaan Persekutuan.

Penubuhan pejabat-pejabat cawangan bagi jabatan-jabatan Persekutuan di peringkat Bahagian atau Daerah adalah dipertimbangkan, antara lainnya atas keperluan perkhidmatan yang diberi, permohonan yang dikemukakan oleh agensi/pihak yang terlibat serta kedudukan jabatan yang sedia ada. Sepanjang yang diketahui, belum ada permohonan secara rasmi yang diterima untuk menubuhkan pejabat-pejabat baharu di Semarahan dan Bintulu.

SISWAZAH/PEKERJA MENGANGGUR

19. Dr Chen Man Hin minta Perdana Menteri menyatakan jumlah penganggur terbaru di negara ini dan berapakah dari mereka yang terdiri dari siswazah universiti dan kolej dan sama ada beliau sedar bahawa jumlah penganggur yang tinggi di kalangan pekerja dan siswazah akan menimbulkan satu masalah negara yang serius dan memerlukan langkah positif untuk mengatasinya dengan lebih berkesan.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Jumlah penganggur di negara kita pada masa ini adalah lebih

kurang seramai 570,000 atau kira-kira 9.1% dari jumlah tenaga buruh. Daripada jumlah tersebut bilangan sebenar siswazah yang menganggur di negara kita adalah sukar ditentukan dengan tepat. Walau bagaimanapun, berdasarkan maklumat daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) terdapat seramai 18,853 orang siswazah yang menganggur telah mendaftar diri di JPA sehingga 30 September 1987. Dari jumlah tersebut, 11,888 merupakan pemegang ijazah dan 6,765 pemegang diploma. Jumlah sebenar mungkin lebih tinggi lagi memandangkan bahawa tidak semua siswazah yang menganggur mendaftarkan diri di JPA.

Kerajaan sememangnya menyedari dan mengambil perhatian yang serius mengenai masalah pengangguran yang tinggi di kalangan rakyat di negara ini dan beberapa langkah yang positif telah diambil dalam mengatasi atau mengurangkan masalah tersebut. Memandangkan masalah pengangguran siswazah berkait rapat dengan pertumbuhan ekonomi yang lembab, Kerajaan sedaya upaya cuba meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan seterusnya mewujudkan peluang pekerjaan. Kerajaan antara lain telah membuat beberapa pengubahsuaian dan kelonggaran dalam dasar-dasar pelaburan yang bertujuan untuk menarik pelabur-pelabur melabur di negara ini. Di samping itu langkah-langkah juga sedang dibuat untuk memasukkan program bercorak keusahawan dan perniagaan di institusi pengajian tinggi tempatan di negara ini dan juga cuba menyesuaikan program pengajian dengan keperluan tenaga manusia atau kehendak pasaran buruh.

Sepertimana Ahli Yang Berhormat telah sedia maklum, satu Jawatankuasa Kabinet telah pun ditubuhkan untuk mengkaji masalah pengangguran di kalangan siswazah serta mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mengurangkan

masalah sosial ini. Di antara langkah-langkah yang diambil oleh Jawatankuasa ini termasuk Skim Latihan Khas dan Skim Penempatan Siswazah di agensi-agensi Kerajaan dan sektor swasta.

PENYALAHGUNAAN DADAH DI SEKOLAH

20. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) bilangan kes penyalahgunaan dadah yang dilaporkan berlaku di sekolah-sekolah mulai tahun 1981 hingga sekarang;
- (b) sama ada Kementeriannya telah menyatakan apa-apa siasatan untuk mengetahui mengapa penyalahgunaan dadah berleluasa berlaku dalam sekolah sejak akhir-akhir ini dan nyatakan hasil siasatan itu; dan
- (c) apakah langkah yang telah diambil oleh Kementerian mendidik pelajar-pelajar supaya menjauhi dadah.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Bilangan kes penyalahgunaan dadah yang dilaporkan berlaku di sekolah-sekolah mulai tahun 1981 hingga sekarang ialah sebanyak 1,142 kes.
- (b) Berdasarkan bilangan kes seperti yang saya sebutkan tadi, adalah kurang tepat kalau dikatakan perbuatan menyalahgunakan dadah berlaku dengan berleluasa di sekolah sekarang ini. Dari siasatan dan kajian yang pernah dibuat oleh Pegawai Khas (Pendidikan Pencegahan Dadah) di Jabatan-jabatan Pendidikan Negeri terdapat beberapa faktor yang

menyebabkan pelajar-pelajar terlibat dengan dadah. Antara faktor itu ialah:

- (i) pengaruh dari rakan-rakan di luar sekolah yang sememangnya terlibat dengan dadah;
 - (ii) ingin tahu;
 - (iii) terpedaya oleh pengedar dadah;
 - (iv) untuk berseronok-seronok;
 - (v) cuba melupakan masalah.
- (c) Kementerian Pendidikan telah mengambil beberapa langkah untuk mendidik pelajar-pelajar supaya menjauhi dadah. Antara langkah-langkah itu ialah:

- (i) menggiatkan kempen kesedaran akan bahaya dadah melalui ceramah, pameran anti dadah, pertandingan melukis poster dan menulis esei anti dadah di kalangan pelajar-pelajar;
- (ii) mengarahkan pihak sekolah menubuhkan jawatankuasa anti dadah di peringkat sekolah bagi menjalankan pelbagai aktiviti penerangan dan pendidikan mengenai bahaya dadah;
- (iii) mengadakan kursus kesedaran anti dadah kepada ketua-ketua murid supaya mereka dapat membantu pihak sekolah mengenalpasti pelajar-pelajar yang disyaki dengan dadah;
- (iv) mengadakan kem jayadiri untuk pelajar-pelajar yang berisiko supaya mereka sedar bagaimana mereka boleh terperangkap ke dalam dadah;

- (v) menggalakkan sekolah-sekolah mengadakan aktiviti kaunseling terutama kaunseling kelompok bagi pelajar-pelajar yang menghadapi masalah supaya mereka tidak mengambil jalan yang salah untuk mengatasi masalah yang mereka hadapi;
- (vi) memasukkan unsur-unsur pendidikan pencegahan dadah dalam pengajaran mata-mata pelajaran yang sesuai.

MAJLIS FATWA KEBANGSAAN

21. Tuan Mohd. Yusoff bin Haji Abdul Latib minta Perdana Menteri menerangkan berapa kali majlis fatwa telah bersidang dan apakah perkara-perkara yang telah dibincangkan serta rumusan-rumusan yang telah diambil dalam persidangan tersebut mengenai perkara-perkara yang mengelirukan umat Islam di negara ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusoff bin Haji Mohamed Nor): Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan telah bersidang sebanyak 37 kali sejak ia ditubuhkan pada tahun 1970.

Jawatankuasa ini telah membincangkan sejumlah 156 perkara yang berkaitan dengan masalah berikut:

- (i) Akidah yang menyentuh soal keimanan atau kepercayaan;
- (ii) Perundangan Syariah yang menyentuh soal hukum hakam;
- (iii) Muamalah yang menyentuh amalan dalam urusan niaga;
- (iv) lain-lain hal yang memerlukan penjelasan dan nasihat.

Semua perkara yang telah dibincangkan itu adalah perkara-perkara yang mengelirukan umat Islam di negara ini.

Memandangkan begitu banyak perkara yang telah dibincangkan itu, maka adalah sukar dan tidak praktikal untuk dibentangkan di sini rumusan-rumusan bagi semua perkara itu. Oleh itu saya kira adalah memadai jika sekiranya saya nyatakan di sini bahawa rumusan-rumusan telah pun dibuat bagi perkara-perkara berikut:

- (a) Pemakaian Cemara (Wig) oleh Pegawai Undang-undang.
- (b) Menetap Awal Ramadhan, Awal Syawal dan Hari Raya Haji.
- (c) Ajaran Kadiyariah/Ahmadiyah.
- (d) Tarikat Mufaridah.
- (e) Pertukaran jantina dari lelaki kepada perempuan dan sebaliknya.
- (f) Tarikat Naqsyabandiah Khalidiah yang dibawa oleh Kadirun Yahya.
- (g) Masalah dadah dan penyelesaiannya.
- (h) Kafir mengkafir.
- (i) Rancangan keluarga.
- (j) Pembayaran Zakat Tabung Haji.
- (k) Warisan dan wasiat—penama.
- (l) Mati Syahid (Pristiwa Memali).

Rumusan-rumusan bagi perkara ini telah pun diperkenankan oleh Majlis Raja-raja untuk dijadikan fatwa rasmi.

**PERDANA MENTERI SEBAGAI
PRESIDEN PERSIDANGAN
ANTARABANGSA MENGENAI
DADAH**

22. **Tuan Shahidan bin Kassim** minta Menteri Luar menyatakan apakah kesan utama dari perlantikan Yang

Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai Presiden Persidangan Antarabangsa mengenai Dadah.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Perlantikan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai Pengerusi Persidangan Antarabangsa Mengenai Dadah telah memberi kesan utama seperti berikut:

- (i) Perlantikan tersebut adalah penghormatan penting terhadap negara Malaysia dan pemimpinnya iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, yang telah menjadi pejuang utama dalam membanteras masalah dadah. Imej Malaysia sebagai sebuah negara yang serius dan berkeupayaan menentang masalah ini telah dipertingkatkan dengan perlantikan tersebut;
- (ii) Perlantikan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu merupakan penerimaan antarabangsa terhadap pendirian tegas Negara kita dan pemimpin-pemimpinnya dalam membanteras masalah dadah. Komitmen politik Negara dalam isu ini telah disanjung tinggi, dan sedikit-sebanyak ianya merupakan contoh bagi masyarakat antarabangsa;
- (iii) Ia juga menunjukkan pengiktirafan masyarakat antarabangsa terhadap keupayaan Malaysia meneraju Persidangan antarabangsa ke arah kejayaan; dan
- (iv) Akhir sekali, perlantikan ini meletakkan Malaysia sebagai pemimpin dalam isu dadah. Oleh hal yang demikian, Negara haruslah bergiat kuat bagi menentukan bahawa segala usaha pembanterasannya berjaya dan berhasil. Kita juga harus terus menentukan

bahawa segala keputusan dan syor yang dibuat di Persidangan tersebut akan terlaksana.

INDUSTRI PELANCONGAN

23. **Tuan Nurnikman bin Abdullah** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan apakah rancangan jangka pendek dan jangka panjang yang diadakan oleh Kementerian bagi menarik pelancong-pelancong ke Malaysia. Adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan Rancangan Bersama (Joint Programme) dengan Negara-negara ASEAN dalam meningkatkan Industri Pelancongan di rantau ini.

Menteri Kebudayaan dan Pelancongan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik); Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan telah mengenalpasti dan melaksanakan strategi-stregeti tertentu bagi menarik lebih ramai pelancong ke Malaysia. Strategi jangka pendek di dalam usaha menambah bilangan pelancong ialah untuk mempertingkatkan dan memperhebatkan aktiviti penggalakan dan pemasaran tarikan-tarikan pelancong yang terdapat di negara ini. Di dalam usaha ini, Kementerian akan memberi perhatian khas kepada tarikan dan pusat-pusat pelancongan di setiap negen. Aktiviti-aktiviti ini akan dilaksanakan sepanjang tahun di dalam dan di luar negeri. Sebagai contoh, Malaysia Fest '87 yang baru dilaksanakan adalah satu usaha ke arah menarik lebih ramai pelancong ke negara kita. Malaysia Fest akan terus dilaksanakan pada tahun-tahun hadapan kerana Kementerian yakin ia dapat menyumbang ke arah menarik lebih ramai pelancong ke negara kita.

Sebagai langkah jangka panjang, di samping memperhebatkan aktiviti penggalakan dan pemasaran di pasaran antarabangsa, Kementerian juga akan memberi perhatian khas untuk memperbanyak dan

mempertingkatkan mutu barangan pelancongan (tourist products). Usaha-usaha ini akan dilaksanakan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri dan juga pihak swasta yang mempunyai peranan penting di dalam usaha ini. Kementerian akan bertindak sebagai penyelaras utama di dalam usaha kita memajukan industri pelancongan di negara kita.

Kerjasama di dalam berbagai bentuk termasuk rancangan bersama dengan Negara-negara ASEAN bagi memajukan industri pelancongan di rantau ini telah lama diadakan. Satu Jawatankuasa Kecil mengenai Pelancongan (Sub-Committee on Tounsm—SCOT) telah ditubuhkan pada tahun 1977. Sejak tertubuhnya Jawatankuasa Kecil ini sebagai projek penggalakkan telah dilaksanakan. Antaranya iatah:

1. Perkampungan ASEAN di International Tourist Exchange di Berlin pada awal tahun ini.
2. Filem Pengembaraan ASEAN.
3. Pejabat-pejabat Penggalakan ASEAN.
4. Pusat Maklumat Pelancongan ASEAN.
5. Forum Pelancongan ASEAN.

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Jawatankuasa Kecil Mengenai Pelancongan adalah bertujuan untuk meningkatkan industri pelancongan di rantau ini.

PENDAPATAN PELANCONGAN

24. **Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan apakah faktor-faktor utama yang boleh menjamin bahawa pendapatan Kementeriannya bertambah tinggi dengan meletakkan Kementeriannya di tempat yang keempat dalam mengutip pendapatan negara. Berapa banyak wang dijangka dapat dikutip dan nyatakan jumlah pelancong bagi

seluruh negara datang mengunjung ke negara kita bagi tahun yang lepas (1986) dan enam bulan pertama tahun 1987.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik:

Untuk menjamin pendapatan dari pelancong, kita terlebih dahulu menggalakkan pelancong datang ke negara kita. Fakta-fakta utama untuk menggalakkan kedatangan pelancong ke Malaysia ialah dengan mengadakan:

- (a) Kemudahan-kemudahan infrastruktur yang baik;
- (b) Kemudahan pengangkutan awam yang cekap;
- (c) Product-product pelancongan yang menarik dan dapat menemui citarasa pelancong-pelancong;
- (d) Pembangunan kesenian negara; dan
- (e) Sifat kemesraan di kalangan rakyat dan dalam perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi kepada pelancong-pelancong.

Dalam usaha untuk menambah pendapatan negara dalam industri pelancong, strategi-strategi yang dilaksanakan oleh Kerajaan adalah seperti berikut:

- (i) *Meningkatkan bilangan pelancongan ke Malaysia* dengan menjalankan aktiviti-aktiviti penggalakan bagi segala tarikan-tarikan Malaysia di pasaran-pasaran pelancongan luar negeri. Ini juga dijalankan dengan bekerjasama dengan negara-negara jiran terutama Singapura, Thailand dan Hong Kong bagi menggalakkan program percutian pelbagai destinasi.
- (ii) *Menggalakkan perbelanjaan di kalangan pelancong* dengan memanjangkan tempoh tinggal

pelancong-pelancong menerusi pendedahan berbagai aktiviti-aktiviti dan peristiwa-peristiwa tempatan dan menawarkan kos perbelanjaan yang lebih menarik untuk lawatan secara rombongan ke destinasi-destinasi tempatan.

- (iii) *Meningkatkan kepentingan Malaysia dalam pasaran konvensyen* dengan mengadakan kegiatan-kegiatan promosi bagi menimbulkan kesedaran di kalangan pengelola-pengelola konvensyen mengenai keupayaan dalam menganjurkan konvensyen-konvensyen antarabangsa. Kementerian juga membantu pertubuhan-pertubuhan antarabangsa dan tempatan dalam usaha menarik konvensyen-konvensyen diadakan di Malaysia.
- (iv) *Menggalakkan perkembangan pelancongan tempatan* dengan memperkenalkan daya tarikan pelancongan yang terdapat di Malaysia dan dengan membantu memperkenalkan serta menggalakkan program-program lawatan dengan harga yang menarik sama ada melalui jalan raya, keretapi, udara dan laut.

Jumlah kedatangan pelancong yang datang mengunjung ke negara ini bagi tahun 1986 ialah sebanyak 3,027,781 dan melibatkan sumbangan kepada pendapatan negara sebanyak \$1,666.2 juta. Bagi enam bulan pertama 1987 pula jumlah kedatangan pelancong ialah sebanyak 1,573,113 dan melibatkan jumlah wang lebih kurang \$900 juta.

LAWATAN TIMBALAN PERDANA MENTERI KE CHINA

25. **Tuan Nasruddin bin Alang Saidin** minta Perdana Menteri menyatakan

apakah hasil lawatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ke Negeri China baru-baru ini dari segi kepentingan Negara kita.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Izinkan saya menjawab soalan ini bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Jawapan kepada soalan ini telah pun dijawab pada 14hb Oktober dan 2hb November, 1987 di Dewan yang mulia ini. Saya tidak ada apa-apa tambahan terhadap jawapan yang telah diberi itu.

INDUSTRI PERABOT

26. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bagaimanakah prestasi industri perabot (furniture industry) di negara kita sejak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah berminat dan mengambil tindakan untuk menggalakkan industri tersebut. Sebab apakah industri tersebut boleh dimajukan oleh negara-negara yang telah membangun walaupun mereka tidak mempunyai bekalan kayu-kayan, tetapi negara kita dengan bekalan kayu-kayan yang amat besar masih menghadapi masalah-masalah untuk membangun industri tersebut.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Industri perabot tempatan masa kini beroperasi secara kecil-kecilan dan sebahagian besar daripadanya menumpukan operasi untuk pasaran tempatan. Terdapat lebih kurang 2,000 unit perusahaan perabot yang berselerak (scattered) di seluruh negara dan ini menyebabkan industri perabot kita agak berpecah-pecah (fragmented). Oleh kerana keadaannya yang sedemikian, maka prestasi industri perabot kita dari segi eksport adalah kurang memuaskan. Dalam tahun 1981 misalnya, daripada nilai pengeluaran perabot yang berjumlah \$274.6 juta, cuma \$30.4 juta telah

dieksport iaitu kira-kira 11.1%. Pada tahun 1986 daripada anggaran pengeluaran sebanyak \$371.3 juta, cuma 11.7% dieksport. Pencapaian eksport yang rendah ini adalah disebabkan oleh perabot kita baru sahaja menerokai pasaran eksport, dan terpaksa bersaing dengan keluaran-keluaran perabot dari negara-negara yang lain membangun.

Di antara faktor-faktor yang dapat memajukan industri perabot termasuklah kualiti dan rekabentuk yang baik, kos pengeluaran yang rendah dan usaha-usaha pemasaran yang agresif. Industri perabot di negara-negara membangun yang lain seperti Taiwan dan Korea Selatan telah lama wujud dan dimajukan. Sungguhpun negara-negara tersebut tidak mempunyai bekalan kayu-kayan, industri perabot dapat dimajukan kerana mereka mempunyai kepakarahan teknikal yang tinggi dan dapat mengeluarkan perabot yang bermutu tinggi, rekabentuk yang menarik disertai dengan usaha-usaha pemasaran yang sistematik dan agresif. Lantaran itu mereka berjaya menerokai pasaran-pasaran besar seperti Amerika Syarikat dan Eropah.

(Soalan No. 27. Sila lihat jawapan No. 4 pada 12-10-87).

LAWATAN PERDANA MENTERI KE EROPAH

28. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil utama lawatan Perdana Menteri dan rombongan ke negara-negara Eropah (termasuk Russia) baru-baru ini dipandang dari segi kejayaan dan kepentingan Dasar Luar dan Ekonomi (Khasnya perdagangan) negara.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu telah pun dijawab di Dewan ini pada 12hb

Oktober, 1987 sebagai jawapan kepada soalan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang. Saya tidak ada apa-apa tambahan bagi jawapan itu.

TAHANAN DI LOKAP DAN PENJARA

29. Dr V. David minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan orang-orang yang telah ditahan di penjara-penjara dan lokap-lokap di seluruh Malaysia;
- (b) mengapa mereka ditahan tanpa dibawa hadir ke mahkamah; dan
- (c) adakah betul bahawa penahanan seseorang tanpa perbicaraan tidaklah saksama dan melanggar prinsip-prinsip asas keadilan biasa.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Bilangan orang yang ditahan di lokap dan di penjara seluruh Malaysia yang berkaitan dengan kes-kes polis ialah seramai 2,630 orang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penahanan orang di lokap dan di penjara adalah mengikut undang-undang. Setelah memperolehi bukti-bukti yang mencukupi semasa dalam tempoh siasatan, mereka akan dituduh di mahkamah. Setiap orang yang dituduh di mahkamah di atas apa-apa kesalahan mahkamah akan memerintahkan orang yang dituduh itu dibebaskan dengan jamin jika kes tersebut membenarkan jamin. Bagi kes yang tidak boleh dijamin, mahkamah akan memerintahkan orang yang dituduh ditahan di penjara atau di lokap sehingga hari perbicaraan ataupun hari untuk dijatuhkan hukuman.

Adalah tidak benar mengatakan bahawa mereka yang ditahan tidak dibawa ke mahkamah. Mereka yang ditahan akan dibawa ke mahkamah

seminggu sekali untuk diendoskan penahanan mereka sehingga ke hari perbicaraan ataupun hari untuk dijatuhkan hukuman.

PEGAWAI POLIS MELANJUTKAN PELAJARAN DI LUAR NEGERI

30. Tuan Hu Sepang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah wang yang dibelanjakan dalam menghantar pegawai-pegawai polis ke seberang laut untuk melanjutkan pelajaran tinggi sejak tahun 1980 hingga 1986;
- (b) nyatakan jumlah pegawai-pegawai polis yang dihantar ke seberang laut untuk melanjutkan pelajaran mereka dalam tempoh yang sama dengan memberi angka-angka mengikut tahun;
- (c) jumlah pegawai-pegawai polis ini yang telah sesudah menamatkan kursus tersebut meletak jawatan daripada pasukan polis apabila mereka kembali ke Malaysia;
- (d) dari jumlah yang kembali dan masih berada dalam pasukan polis, nyatakan jumlah daripada mereka yang gagal menamatkan kursus mereka.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah wang yang dibelanjakan dalam menghantar pegawai-pegawai polis ke seberang laut untuk melanjutkan pelajaran adalah sebanyak \$1,705,089.00. Dalam tempoh tersebut seramai 398 orang pegawai telah dihantar berkursus ke seberang laut. Dari jumlah tersebut seramai 20 orang telah meletak jawatan setelah tamat kursus dan 4 orang telah gagal menamatkan kursus.

PENYAKIT AIDS

31. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Kesihatan menyatakan ke tahap mana ancaman penyakit AIDS di negara kita. Apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk memastikan negara ini bebas dari penyakit AIDS.

Dato' K. Pathmanaban: Pada masa ini AIDS tidak menjadi masalah kesihatan di Malaysia jika dibandingkan dengan penyakit-penyakit lain yang endemic seperti hepatitis, malaria dan cholera. Ini adalah dibuktikan bahawa sehingga hari ini hanya terdapat 2 kes AIDS, satu kes "AIDS Related Complex (ARC)", dan 4 pembawa AIDS di Malaysia. Bagaimanapun, Mataysia sentiasa terdedah kepada ancaman penyakit ini. Tetapi ancaman ini telah dapat dikurangkan dengan tindakan yang awal dan tegas yang telah diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk mencegah dan mengawal merebaknya penyakit ini. Di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk tujuan ini ialah:

- (i) Memberi maklumat yang secukup-cukupnya kepada orang ramai berkenaan penyakit AIDS, cara-cara penyakit ini merebak dan cara-cara mencegah penyakit berkenaan. Maklumat-maklumat ini adalah diberi melalui mass media, ceramah atau seminar yang diberi oleh kakitangan Kementerian Kesihatan, kakitangan jabatan kerajaan yang lain serta ahli-ahli pertubuhan sukarela dan professional. Risalah-risalah dan poster-poster berkenaan perkara yang sama juga telah diedarkan kepada orang ramai.
- (ii) Kementerian Kesihatan juga tidak membenarkan mereka yang dalam golongan berisiko

tinggi menderma darah kepada tabung-tabung darah di seluruh negara. Semua darah yang didermakan dan yang akan digunakan untuk rawatan pesakit adalah diperiksa dengan telitinya untuk memastikan yang darah-darah ini tidak mengandungi kuman AIDS.

- (iii) Kementerian Kesihatan juga telah memastikan bahawa semua "blood product and blood concentrates" yang dibeli dari luar negeri telah pun di "heat-treated" untuk menentukan yang ianya bebas dari kuman AIDS.
- (iv) Memberi bimbingan perubatan (medical counselling) kepada pesakit AIDS dan juga pembawa kuman AIDS.

RANGUNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1988

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1988

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 1988" dan "Anggaran Pembangunan 1988" dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (*Hari Ketiga*)

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Maksud B.1, B.2, B.3, B.4, B.5, B.6, B.7, B.8, B.9, B.10, B.12 dan BJ2 (Jadual)—

Maksud P.7 dan P.8 (Anggaran Pembangunan 1988)—

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Arau, boleh sambung selama 5 minit.

4.07 ptg.

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Berapa minit?

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): 5 minit. Semalam sudah diberi 15 minit, tetapi saya beri "injury time".

Tuan Shahidan bin Kassim: Semalam saya diganggu hampir 20 kali.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Itulah saya beh "injury time" 5 minit sekarang.

Tuan Shahidan bin Kassim: 5 minit tidak boleh, Tuan Pengerusi, saya tak

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Cuba Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tergantung nanti, susah!

Yang pertama sekali, Tuan Pengerusi, saya ingin membuat ulang tayang, sebab perkara ini penting dan masa saya bercakap semalam Reporters, dengan izin, tidak ada. *(Ketawa)*

Semalam saya telah membuat cadangan supaya Parlimen ini dilengkapi dengan alat-alat elektronik untuk membolehkan Tuan Pengerusi dan semua pihak dapat menjalankan kerja-kerja dengan baik dan semalam beliau bersetuju dengan saya iaitu kita sediakan alat untuk menggerakkan Ahli-ahli Parlimen yang tertidur, dan Tuan Pengerusi cadang supaya disediakan alat menggeletek, jadi saya sokong dengan pendapat Tuan Pengerusi itu.

Yang kedua, saya juga menyentuh mengenai penggunaan bahasa-bahasa kesat di Parlimen ini di mana saya menyokong semua pihak supaya mulai dari hari ini termasuk saya sendiri akan menggunakan bahasa yang indah, yang tidak menyakiti mana-mana pihak dengan syarat pihak DAP dan PAS tidak menggunakan tekanan-tekanan kepada kita. Syarat ini adalah mudah untuk diikuti.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Sikap yang baik, Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Sikap yang baik, jadi dengan itu membolehkan kita dan juga semua pihak menunjukkan perpaduan, contoh yang baik di Parlimen ini untuk membolehkan semua pihak yang menonton, yang menyaksikan persidangan ini dapat membawa gambaran yang baik apabila mereka balik ke tempat masing-masing.

Tuan Pengerusi, semalam saya telah menyentuh Maksud B.1-Urusan Parlimen. Kemudian saya telah pun menyentuh Maksud B.3-Jabatan Audit. Saya hendak ulang sekali lagi, saya hairan dan saya ingin bertanya dengan secara ringkas di sini, mengapakah Jabatan Audit mengurangkan peruntukan untuk mengaudit Badan-badan Berkanun daripada \$6.4 juta kepada \$3.8 juta padahal mereka menaikkan peruntukan daripada \$11.3 juta kepada \$16.2 juta untuk mengaudit Jabatan Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri?

Pada pandangan saya Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri dapat mengaudit akaun masing-masing tepat pada tahun kewangan yang telah ditetapkan. Tetapi yang kita dapati pihak Badan-badan Berkanun serta juga anak-anak syarikat di bawah Badan-badan Berkanun itu sering menghadapi masalah dalam pengauditan.

Kekurangan peruntukan ini bermakna secara tidak langsung pihak Audit tidak memberi tumpuan yang sepenuhnya kepada Badan-badan Berkanun dan juga anak-anak syarikat yang mana ini secara tidak langsung akan menjejaskan akaun Badan-badan Berkanun tersebut. Jadi dengan itu saya minta penjelasan supaya perkara ini diberi pertimbangan yang serius.

Tuan Pengerusi, yang keduanya saya hendak berpatah balik kepada Maksud Bekalan 2, Butiran 010000-Pentadbiran Awam di bawah Penyimpan Mohor Raja-raja,

Saya ingin bertanya Ahli dari Pengkalan Chepa yang telah bercakap mengenai memberi pelajaran agama Islam kepada Raja-raja dan juga menubuhkan Tribunal Raja-raja dan menyokong cadangan daripada bekas Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Saya rasa percakapan ini telah melanggar Peraturan Mesyuarat 36 (7). Kalau Tuan Pengerusi benarkan saya bercakap, saya hendak menyokong sedikitlah

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Tidak payahlah Yang Berhormat. Kalau telah melanggar jangan lagi.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tetapi saya hairan mengapa Tuan Pengerusi benarkan dia bercakap. Jadi saya menggunakan keistimewaan Parlimen ini, saya minta percakapannya yang menggunakan bahasa yang halus sehingga Tuan Pengerusi tidak sempat tangkap. Saya berada di luar masa itu, apabila saya masuk, dia telah habis bercakap.

Jadi saya minta supaya ditarik balik oleh kerana kalau kita benarkan Wakil dari Pengkalan Chepa untuk membahaskan perkara ini bermakna kita juga terpaksa membenarkan Wakil-wakil yang lain termasuk DAP dan juga saya sendiri, sebab saya juga

banyak hendak sentuh tetapi oleh kerana adanya melanggar Peraturan 36 (7) maka saya tidak dapat sentuh. Itu cadangan.

Kemudian saya hendak menyentuh Maksud Bekalan 4 Suruhanjaya Pilihanraya. Saya hendak sentuh sedikit sahaja di bawah Butiran 010000 Urusan Pilihanraya. Cuma orang complain sekarang ini Pejabat Suruhanjaya Pilihanraya berada di bangunan swasta dan di bawah bangunan tersebut ada satu syarikat penerbangan luar yang mempunyai ideologi yang berlainan dengan kita. Saya cuma minta pandangan dan cadangan supaya pejabat ini kalau boleh dipindahkanlah. Katau sekiranya ianya mendatangkan mudarat di masa-masa akan datang, cuba pindahkan ke Bangunan Kerajaan seperti Wisma Keramat yang sekarang ini sedang diperbaiki dan sebagainya.

Kemudlan masuk Bekalan 5 Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Butiran 040000 Tatatertib dan Naik Pangkat yang telah diperuntukkan sebanyak \$470,000.

Tuan Pengerusi, saya hendak sentuh sedikit perkara ini. Saya sebagai bekas pegawai Kerajaan dan sekarang ini pegawai Kerajaan ramai, sekarang ini saya naik hairan pegawai-pegawai Kerajaan baik orang ramai tidak kiralah sebab mereka tidak terikat dengan Kerajaan. Tetapi kita lihat ada cakap-cakap bahawa mereka ini ingin memilih pemimpin yang mereka suka. Ada pegawai Kerajaan kata mereka lebih suka kalau orang ini jadi Perdana Menteri. Ada pegawai Kerajaan kata mereka lebih suka kalau kawan ini jadi Menteri. Demikian juga ada juga pegawai-pegawai Kerajaan yang minta supaya orang ini jadi Menteri Besar mereka suka. Jadi cakap-cakap lepas ini dan juga kata-kata yang dikeluarkan daripada pegawai-pegawai Kerajaan, saya rasa kita harus memberi perhatian. Saya bukan

hendak cadangkan supaya pegawai Kerajaan yang berkenaan diambil tindakan keras dan sebagainya. Cuma kita hendak minta sebagai pegawai Kerajaan, kita seharusnya meletakkan diri kita sesuai dengan gelaran yang telah diberikan kepada kita.

Semalam saya telah menyentuh bahawa Yang Berhormat bercakap dalam Dewan yang mulia harus menilaikan diri mereka sebagai Yang Berhormat. Demikian juga pegawai Kerajaan yang selalu diberi gelaran yang berusaha mesti menunjukkan sikap berusaha ke arah meningkatkan produktiviti dan juga kerjaya masing-masing bukan hendak menentukan siapa Perdana Menteri, siapa Menteri Besar, siapa EXCO dan sebagainya. Sebab kalau sekiranya semua orang terlibat dalam politik untuk menentukan pemimpin-pemimpin saya rasa rosaklah Kerajaan, rosak negara.

Kalau sekiranya kita ingin berbuat demikian, buat macam saya, saya sendiri mungkin tidak puas hati dengan beberapa pucuk pimpinan, saya berhenti, saya masuk politik dan demikian juga pegawai-pegawai Kerajaan yang lain kalau berminat dalam politik hendak tentu siapa Perdana Menteri, hendak tentu siapa Menteri Besar, mesti masuk politik. Ini tidak ketinggalan saya sentuh kepada semua sekali mereka-mereka yang terlibat dengan makan gaji dengan Kerajaan. Baik para Hakim, baik pegawai Kerajaan, baik guru-guru agama dan semua pihak. Kalau sekiranya kita bekerja dengan Kerajaan kita mesti mengikatkan diri kita dengan Peraturan yang telah ditetapkan.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, saya tertarik hati dengan teguran dan komen daripada seorang yang arif Hakim Mahkamah Tinggi dalam sebuah akhbar tempatan

Berita Harian, diantaranya dia telah menyebut. Tuan Pengerusi, saya hendak quote sedikit, sebab saya telah diberi 20 minit tadi oleh Pengerusi yang lepas:

"Pada masa yang lalu ada rungutan mengenai beberapa Hakim yang membuat teguran yang tertentu yang tidak sepatutnya dibuat dalam mahkamah. Perbuatan ini boleh menyebabkan mereka kehilangan maruah dan penting bagi semua pihak, semua Hakim bertindak dengan cara yang tidak menjejaskan atau merendahkan imej badan kehakiman. Mereka hendaklah menahan diri daripada membuat teguran yang tidak sepatutnya dan yang boleh menyinggung perasaan yang hadir di hadapan mereka."

Jadi, panjang lagi komen yang telah diberikan. Inilah komen yang diberikan oleh seorang yang arif Hakim Mahkamah Tinggi kepada Hakim-hakim yang lain. Dalam hal ini saya oleh kerana tidak dibenarkan bercakap panjang, saya cuma hendak sentuh supaya mana-mana pihak, pegawai Kerajaan baik, Hakim baik atau mana-mana pihak, kalau ingin keluar daripada bidang masing-masing, mereka terpaksa buat pilihan.

Kalau sekiranya pegawai Kerajaan ingin campur politik, ingin menentukan siapa Perdana Menteri, siapa Menteri, siapa Menteri Besar, buat pilihan, kita hadapi pilihanraya. Saya ucapkan tahniah kepada Presiden CUEPACS yang dahulu oleh kerana dia teringin sangat campur politik, dia berhenti masuk parti lawan kalah terus. Demikian jugalah orang lain yang berminat hendak masuk politik, sila berbuat demikian. Tetapi katau sekiranya kita bekerja sebagai pegawai Kerajaan sebagai yang saya sebutkan tadi, tentukan yang kita menumpukan kerja kita dan juga kerjaya kita masing-masing. Demikian juga kehakiman-kehakiman. Teguran yang arif ini yang harus diambil

tindakan, harus diberi perhatian. Kalau sekiranya Hakim-hakim ataupun pihak yang tinggi lagi daripada Hakim yang ingin menegur Perdana Menteri, menegur pemerintahan baik, mereka terpaksa buat pilihan, berhenti daripada apa yang mereka pegang dan masuk politik, hadapi keadaan, hadapi rakyat untuk menentukan di mana mereka boleh diletakkan. Kalau semua pihak yang hendak campur apa-apa yang telah ditetapkan, saya rasa jadi kelam-kabut negara ini. Semua orang mahu perpaduan tetapi perpaduan bersyarat, kalau buat perpaduan bersyarat, "mampus" kita.

Tuan Pengerusi, kalau sekiranya kita hendak perpaduan, kita mesti letakkan tanpa syarat iaitu kita mesti tentukan bahawa kita mempunyai peraturan dan disiplin. Jadi sekali lagi saya ingin menyeru bahawa semua pihak yang mendapat gelaran yang arif

Tuan Haji Nik AbduUah bin Haji Arshad: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Arau, nanti sekejap, Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa hendak apa? Dia minta penjelasan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Boleh Tuan Pengerusi, tiap-tiap kali dia bangun, tetapi injury time mesti dibenarkan kepada saya, sebab saya banyak hendak bercakap.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat kerana beliau telah beri arahan kepada seluruh kakitangan Kerajaan supaya patuh dan seolah-olah beliau mencabar kalau ada yang tidak puas hati lebih baik letak jawatan. Saya ingin tahu, saya ingin mendapat penjelasan, perasaan dan hasrat yang sampai terkeluar dari

mulut itu adakah berpandukan kepada Yang Berhormat sendiri ataupun berpandu kepada demokrasi negara ataupun kebebasan manusia sebagai merdeka.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya tidak faham.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tidak faham pula.

Tuan Shahidan bin Kassim: Sekali lagi. Apa maksud diri sendiri.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, dia hendak ulangkan.

Tuan Haji Nik AbduUah bin Haji Arshad: Saya ulang. Kalau tidak faham.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Perlahan-lahan sedikit Yang Berhormat.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Jadi, kita telah dengar semua sekali Yang Berhormat dari ucapannya seolah-olahnya mengarahkan kepada semua kakitangan Kerajaan dari semua peringkat supaya jangan bercakap dan jangan apa pun mengenai dengan apa yang dilakukan oleh Kerajaan sama ada buruk ataupun baik dan sampai hasrat hati pun tidak boleh terkeluar. Jadi, saya ingin tahulah arahan yang menyebabkan Yang Berhormat ambil tindakan mengarahkan dalam Dewan ini adalah hasrat dari Yang Berhormat sendirilah ataupun berpandukan kepada demokrasi negara ataupun mengikut Islam, tidak boleh hak kebebasan manusia, kesalahan wajib ditegui, jangan jadi orang Kelantan kala, kura-kura bangsa bertahan. (*Ketawa*)

Saya hendak tahu hasrat dia sendirilah Perlembagaan hak yang dijunjung hari ini, yang sampai tidak mahu Al-Ouran, begitukah Perlembagaan negara?

Tuan Shahidan bin Kassim: Terima kasih. Saya berterima kasih dan Ustaz boleh duduk di tempat itu untuk mendengar terus ucapan saya. Saya rasa Tuan Pengerusi

Tuan Ismail bin Said: (*Bangun*)

Tuan Pengemsi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhonnat, Yang Berhormat dari Kemaman bangun.

Tuan Ismail bin Said: Minta penjelasan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Penjelasan sedikit lagi boleh, sila. Saya tidak jawab lagi yang tadi.

Tuan Ismail bin Said: Saya ingin bertanya Yang Berhormat dari Arau sama ada parti politik ialah merupakan simbol amalan demokrasi di negara kita ini bukannya melalui saluran-saluran lain.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, saya rasa soalan dan juga jawapan secara terus-menerus daripada wakil dari Kemaman adalah menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa. Saya rasa, saya bagi pendapat ini, saya menjunjung Quran bukan saya junjung lain daripada Quran. Saya sebagai seorang Islam yang mengamalkan demokrasi, saya bercakap ini atas prinsip tersebut. Kalau demokrasi semua orang bebas membuat apa mereka suka, demokrasi apa ini, Islam pun, marah ustaz. Dan saya lebih baik daripada ustaz, cuma saya mahu meminta pegawai-pegawai Kerajaan; ustaz kelmarin menjatuhkan hukuman haram kepada ASN. Bila saya tanya fasal apa haram, tidak tahu hendak jawab. Sebab apa, nstaz

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Dia hendak tekan saya pula. Saya ada hujah tetapi Pengerusi tidak benarkan saya bercakap kelmarin. Saya tak habis, dialah yang

mengganggunya. Sesudah itu dapat ilham barangkali semalam, dia hari ini ada perubahan sedikit.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, saya teruskan tetapi saya hendak sentuh kepada Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa. Yang Berhormat harus ingat, saya juga orang Islam, kita orang UMNO juga mempunyai ustaz-ustaz dan juga ahli-ahli agama, Menteri kita juga seorang pakar agama. Kita mempunyai pakar rujuk tertentu dan kita tidak pernah mengharamkan apa orang PAS buat tetapi orang PAS apa yang mereka buat semuanya betul, apa yang orang UMNO buat semuanya tidak betul. Ini yang menjadi masalahnya. Jadi, kalau hal ini terjadi, tidak ada perpaduan. Semalam Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa menyeru kepada semua pihak kepada perpaduan berdasarkan kepada Islam tetapi nampak gaya Yang Berhormat menyeru perpaduan berdasarkan kepada arahan daripada dictator Haji Hadi.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Arau, sila gulung.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, saya dapat "injury time", 5 minit saya minta.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat tadi dibenarkan 5 minit, Yang Berhormat telah mengambil 20 minit.

Tuan Shahidan bin Kassim: Baiklah saya sentuh dengan secara ringkas, sebab saya ada tulis ini, Tuan Pengerusi, tetapi saya diganggu tadi.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Gulung.

Tuan Shahidan bin Kassim: Keduanya, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh fasal Maksud Bekalan 6—Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran.

Saya minta supaya pihak Suruhanjaya ini memberikan perhatian kepada pengambilan guru-guru kerana terdapat kekosongan yang nyata.

Maksud Bekalan 7—Jabatan Perdana Menteri, Butiran 010500 di bawah program Biro Pengaduan Awam. Saya minta juga supaya Biro Pengaduan Awam ini janganlah dijadikan posmen tetapi diberikan sedikit kuasa di bawah Ketua Setiausaha Negara untuk menentukan bidang tugas mereka.

Kemudian, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh fasal Persidangan Antarabangsa, Butiran 010600. Saya hendak tegur wakil daripada PAS ini, kalau dia tidak tahu apa dia Persidangan Antarabangsa jangan; kerana dengan satu persidangan hendak suruh Menteri letak jawatan. Saya hendak memaklumkan bahawa Persidangan Antarabangsa ini kita harus fikir bukan kita harus jadikan tempat ataupun landasan untuk mana-mana pihak hendak memperjuangkan sesuatu. Kita harus berhati-hati. Sebagai contohnya, Persidangan Antarabangsa yang saya sama-sama anjurkan dahulu ada pihak-pihak seperti pihak Afghanistan dan PLO hendak adakan satu resolusi yang boleh mengancamkan keadaan polisi negara kita. Jadi, Persidangan Antarabangsa ini kita mestilah tengok matlamat dan tujuan iaitu supaya tidak dijadikan landasan ataupun tempat untuk mana-mana pihak memperjuangkan ideologi mereka.

Kemudian, fasal Biro Tata Negara.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, cukuplah itu.

Tuan Shahidan bin Kassim: Last sekali, Biro

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Cukup Yang Berhormat, masa sudah lewat. Saya

jemput Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk menjawab.

4.26 *ptg.*

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat sama ada daripada pihak Kerajaan dan juga pihak Pembangkang yang telah mengambil bahagian dan telah mengemukakan beberapa soalan yang berkaitan dengan Belanjawan pada tahun ini. Saya bimbang kalau-kalau jawapan ini akan memakan masa yang panjang sebagaimana terpaksa dilakukan dalam jawapan yang dahulu. Oleh kerana itu, saya cuba meringkaskan sahaja dan oleh kerana jawapan ini penting saya mohon izin untuk memberikan jawapan yang khusus dan diberi keutamaan di antara beberapa jawapan-jawapan yang lain iaitu jawapan mengenai dengan pujian-pujian yang telah diberikan oleh wakil dari pengkalan Chepa terhadap Bahagian Hal Ehwal Islam dan pujiannya kepada Menteri yang bertugas di bahagian yang berkenaan.

Memang begitulah "bahasa" kalau sekiranya orang-orang yang faham tentang bahasa. Bagi mereka yang memahami secara batin maka itulah sebenarnya pujian. Saya pun tidak sangka bahawa Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa memberikan pujian yang begitu tinggi. Pujian-pujian seperti itu sukar dapat kita dengar. Walau bagaimanapun, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan kalau sekiranya Yang Berhormat yang berkenaan ikhlas dan mengikut etika dan akhlak Islam, maka saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih. Tetapi kalau sekiranya persoalan yang dibangkitkan itu merupakan

pandangan-pandangan yang keluar daripada perasaan yang ingin mengenenpikan pihak-pihak lain yang memberikan sumbangan maka kita berdoa kepada Allah s.w.t. semoga cara yang demikian tidak diamalkan oleh seorang Yang Berhormat yang bekerja dan berjuang kononnya untuk menegakkan Islam.

Tuan Pengerusi, memang benar apabila sesuatu bahasa dilafazkan, orang yang mengerti bahasa itu ialah orang yang dapat faham tentang alam yang begini luas. Apabila seorang Yang Berhormat bercakap mengenai dengan sesuatu perkara menerusi sindiran-sindiran maka yang menjadi masalah ialah bagaimana tangkapan umum? Yang Berhormat yang berkenaan perlu faham bahawa bukan semua yang mendengar itu orang yang faham walaupun pada saya itu sebenarnya pujian-pujian yang sangat besar dan saya bersyukur ke hadrat Allah kerana telah mendapat pujian itu. Tetapi saya fikir Yang Berhormat berkenaan perlu faham juga bahawa ramai orang-orang yang mendengar yang tidak dapat menilai dari segi batinnya dan kalau sekiranya Yang Berhormat tidak menilai demikian, maka itulah perkara yang saya anjurkan supaya beliau mengambilkira tentang keadaan dan mereka yang mendengar kalau sekiranya mereka yang mendengar itu memahami secara zahir maka kesatahan itu akan ditanggung oleh seorang Yang Berhormat yang menggunakan cara yang tidak sesuai dengan etika Islam.

Apabila Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa menyentuh mengenai dengan lawatan dan kunjungan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ke luar negeri maka sudah tentu kita faham daripada beberapa perkara yang berlaku dalam negara kita ini tentang adanya lawatan-lawatan yang dibuat oleh beberapa orang pemimpin

daripada sebuah parti Pembangkang di negara ini walaupun parti itu menggunakan perkataan Islam tetapi lawatan itu tidak ada siapa pun yang mengira, tidak ada audit, tidak ada jabatan yang bekerja mengira bagaimanakah perbelanjaan yang digunakan oleh orang yang berkenaan. Apabila kita dapati lawatan-lawatan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan lawatan-lawatan itu adalah tunduk di bawah perkiraan dan pengawasan kewangan yang rapi yang tidak perlu siapa pun pertikaikan.

Alangkah kecewanya bila kita dapati ada pemimpin-pemimpin, ada parti yang berkenaan membiarkan orang-orangnya melawat dan tidak berani mendedahkan perbelanjaan yang dibelanjakan oleh pemimpin parti itu kerana mereka takut dipersoalkan oleh mereka yang telah memberi derma yang kadang-kadang dikenal dengan nama derma jihad. Mungkin perkara itu dibangkitkan oleh Yang Berhormat yang berkenaan dengan tujuan untuk menutup masalah yang dihadapi oleh mereka, lalu beliau memusatkan perhatian kepada perjalanan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat sedangkan perjalanan itu merupakan perjalanan yang menunjukkan keberanian pemimpin negara ini untuk menghadapi keadaan-keadaan di dunia ataupun diperingkat antarabangsa.

Jarang-jarang atau mungkin tidak ada langsung daripada parti yang berkenaan pemimpin-pemimpin yang mahu meneroka berbagai-bagai alam yang diperlukan oleh masyarakat antarabangsa, keperluan perkembangan politik dan ekonomi dunia kerana kita dapati pemimpin parti yang berkenaan hanya pergi berjumpa dengan kumpulan-kumpulan pelajar, kumpulan-kumpulan tertentu yang hanya menambahkan implikasi.

Maka saya percaya yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa itu semata-mata untuk menutup beberapa perkara yang sepatutnya disoalkan. Tetapi kita orang baik, kita tidak ingin mempersoalkan keburukan orang kerana itu bukan tradisi Islam. Walaupun ini dibuat oleh seorang Yang Berhormat yang menggunakan tiket sebuah parti yang mengaitkannya dengan Islam.

Daiam hal ini, Tuan Pengerusi, apabila kita pergi lebih jauh sedikit tentang apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu saya dapati apa yang disebut olehnya serupa dengan tulisan yang tersiar dalam sebuah akhbar yang dimiliki oleh Pembangkang dalam negeri ini. Dan itu menunjukkan bahawa seolah-olah Yang Berhormat hanya membaca sahaja. Apa yang terkeluar dalam sebuah akhbar yang menceritakan beberapa perkara khususnya mengenai sebuah persidangan yang diberi nama Persidangan Perpaduan Ummah yang telah berlaku di negara kita baru-baru ini, saya pasti, Tuan Pengerusi, bahawa sewaktu saya menghadiri seminar yang berkenaan yang disebutkan oleh Yang Berhormat adalah sebuah seminar yang dihadiri oleh orang-orang yang mengerti dan faham tentang ajaran Islam dan saya berpendapat jauh lebih memahami perkara-perkara mengenai dengan Islam itu kalau dibandingkan dengan pemimpin-pemimpin yang memimpin sebuah parti yang bernama Parti Islam.

Yang menjadi malangnya ialah kerana Yang Berhormat yang bercakap sendiri, saya tidak dapat melihat dia hadir dan yang ganjil lagi ialah bila kita sampai ke Dewan ini kita dapati Yang Berhormat yang berkenaan bercakap. Tetapi kalau sekiranya dia hadir, atau Yang Berhormat yang berkenaan menghadiri mungkin ada kewajaran untuk beliau mengulas mengenai

dengan apa yang berlaku. Dan apabila Yang Berhormat menyebut nama seorang pensyarah daripada sebuah universiti iaitu Dr Ahmad Zaki Badawi, saya mempunyai satu tanggapan dengan menggunakan "extra sensory perception", dengan izin, seolah-olah Yang Berhormat ini pun tidak kenal siapa Dr Ahmad Zaki Badawi. Tetapi oleh kerana orang lain sebut maka dia sebut. Sedangkan dia tidak faham dan dia pun belum melihat video tape yang telah kita rakamkan mengenai apa kata Dr Ahmad Zaki Badawi. Saya mempersilakan Yang Berhormat untuk melihat

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Dato' Mobamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Pengkalan Chepa, bangun. Hendak apa?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya tntina penjelasan.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Mengikut cara Islam apabila Yang Berhormat bercakap dulu sengaja saya tidak "respond", dengan izin, kerana saya ingin membiar seseorang itu bercakap dengan baik. Jadi mengikut cara Islam juga, maka saya sekarang ini berhak menggunakan kuasa saya menggunakan peluang ini.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak beri.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tidak apa, terima kasih.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Saya meneruskan ucapan ini kerana saya tidak pernah mengganggu beliau walaupun dengan menuding mata ke arah saya bila bercakap. Jadi, hari ini giliran saya, dan adatah wajar. Ini mengikut cara Islam,

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya tidak tuding!

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak tuding, katanya.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Dr Ahmad Zaki Badawi ini adalah seorang yang telah banyak sumbangan dalam Islam. Dan tidak wajar bagi saya untuk mengatakan di sini bahawa Dr Ahmad Zaki Badawi ini seorang yang tidak bersetuju dengan parti yang berkenaan. Bukan tujuan saya untuk menjadikannya sebagai alat, tetapi yang malangnya seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat, seolah-olah Dr Ahmad Zaki Badawi ini menyokongnya. Tetapi saya yakin beliau tidak melihat dan tidak hadir, tidak mendengar dan tidak membaca artikel yang dibuat oleh Dr Ahmad Zaki Badawi yang jelas menunjukkan bahawa itu hanyalah andaiannya sahaja.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Penjelasan!

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia minta penjelasan, Yang Berhormat.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Biar saya ikut apa yang saya b u a t

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Yang Berhormat dia boleh berilah.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Biar saya ikut macam yang saya buat dia

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak beri Yang Berhormat.

Dato* Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: iaitu bila orang lain bercakap saya beri peluang. Itu cara Islam.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia suruh beri peluang.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Kecuali kalau saya ganggu Yang Berhormat berkenaan pada hari yang berkenaan maka saya benarkan dia ganggu.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak beri Yang Berhormat.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Pengerusi, Dr Ahmad Zaki Badawi ini adalah seorang yang telah memberikan sumbangan bukan sahaja membina masyarakat Islam di Malaysia ini tetapi telah membina masyarakat Islam dengan cara yang sangat baik seperti masyarakat Islam di Nigeria dan pada masa ini di Engiand. Oleh kerana usaha-usaha beliau ini sangat baik, dan saya telah difahamkan bahawa sebahagian yang hadir bukan yang tidak hadir, yang hadir dalam Seminar Perpaduan Ummah yang berlangsung itu ramai yang kecewa dan yang kecewa itu ialah orang-orang yang mewakili parti yang bernama Parti Islam Se-Malaysia. Kerana beliau tidak bercakap mengikut kehendak sebuah parti tetapi beliau bercakap berdasarkan kepada ilmiah. Dan bila beliau telah menjalankan tugasnya sewaktu berada di sini, menemui beberapa orang dan juga melawat beberapa negeri maka kelegaan telah kita dapati di kalangan orang-orang Islam di sini yang telah mendengarnya dengan baik bahawa "approach" ataupun pendekatan yang berdasarkan kepada ilmu itulah yang paling baik dalam Islam bukan pendekatan Islam yang menggunakan perasaan bagaimana yang ternyata

dibuat oleh sebuah parti Islam terutamanya yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat sekejap tadi iaitu menggunakan Islam dengan perasaan.

Tuan Pengerusi, mengenai dengan perkataan "Tasauf yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada beliau kerana beliau menyedari bahawa Tasauf itu sebagai perkara yang penting. Dan orang-orang yang belajar ilmu Tasauf itu tidak sedikit pun merasai bahawa dia merasa bangga dengan ilmu Tasaufnya kerana kita mempelajari ilmu bukan untuk kebanggaan dan itulah yang diasuh oleh Kerajaan kita hari ini supaya orang-orang yang berilmu itu tidak merasa bangga dengan ilmunya. Yang hairannya ada orang cuba menjadikan orang-orang yang belajar sesuatu ilmu itu bangga. Orang-orang itulah sebagaimana yang telah terbukti kepada Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa seolah-olah mahu apabila orang itu belajar Tasauf maka dia mahu orang itu bangga dan mahu orang yang belajar Tasauf itu menjadi macam yang digambarkan oleh yang berkenaan. Ini bertentangan dengan konsep ilmu. Bertentangan dengan konsep yang kita pelajari bukan sahaja dalam disiplin Tasauf tetapi dalam semua bidang.

Apabila Yang Berhormat bercakap banyak, kita dapati seolah-olah sama seperti yang disebutkan oleh Nabi Muhammad s.a.w. bila Baginda mengatakan "Fa Innal munbatta La Ardzan Qata' wala Zahran Abqaa". Saya sebutkan hadis ini khusus kepada Yang Berhormat, dan saya tidak mahu terjemahkan kerana saya agak dia tidak faham. Tetapi kalau sekiranya dia tidak faham, Yang Berhormat bolehlah tanya saya selepas ini bila keluar dari Dewan ini kerana tidak mahu mengambil masa yang panjang.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa bangun.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Pengerusi, mengenai dengan beberapa perkara yang penting tentulah

Tuan Haji Nik AbduUah bin Haji Arshad: Ilmu Tasauf kata: kena jawab kalau orang tanya. Ini tidak berani jawab.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tentulah bila kita mengemukakan soalan kita terpaksa mengikut peraturan.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak beri Yang Berhormat.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Kalau sekiranya keadaan kita mengemukakan soalan itu tidak membenarkan maka sekali lagi dia menunjukkan bahawa kita tidak menggunakan ruang yang sepatutnya kita gunakan. Ada tempat yang kita boleh bertanya dan ada tempat kita tidak boleh bertanya. Bila kita bertanya mesti pastikan bahawa tempat itu tempat bertanya, maka pada masa itu kita menjawab. Sekarang bukan tempat bertanya. Tuan Pengerusi, tetapi kalau hendak makna boleh juga. Maknanya, "Unta"

Tuan Haji Nik AbduUah bin Haji Arshad: (*Bangun*)

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Saya tidak beri kepada Yang Berhormat yang berkenaan cuma hendak umum kepada orang lain. "Fa Innal munbatta" ini makna "unta yang sudah tua." Unta yang sudah tua ini dia tidak berupaya untuk menyeberangi padang pasir yang begitu luas dan bukan sekadar dia tidak boleh menyeberangi padang pasir yang begitu luas, tetapi

belakangnya pun tidak dapat ditanggung lagi. Maka itulah yang saya fikirkan berlaku kepada orang-orang seperti Yang Berhormat bila mereka menjalankan Islam dengan yang demikian. Tidak ada sumbangan kepada negara. Tetapi yang kita harapkan perkara ini boleh di"improve" dan dipertingkatkan oleh Yang Berhormat dan kawan-kawannya yang bekerja untuk kebaikan Islam.

Tuan Pengerusi, saya harap Yang Berhormat dapat tinggal, jangan lari, duduk dulu.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat ada menyebut mengenai dengan masalah ASN. Saya tidak hendak memanjangkan perkara ini, tetapi perlulah juga Yang Berhormat faham mengenai dengan satu kaedah dalam ilmu Fekah yang berbunyi di antara beberapa kaedah iaitu "Tasarruf al hakim manutin bil masalah". Ini pun saya tidak mahu terjemahkan dan saya harap beliau faham.

Dalam kata-kata yang kita baca daripada buku-buku yang ditulis oleh Scholars ataupun cerdik pandai dalam dunia hari ini, biasanya yang diganggu itu ialah pihak yang memberikan sumbangan. Kita tidak hairan dalam Kerajaan, bila Kerajaan diganggu oleh orang-orang seperti itu. Kita yakin, malah kita bertambah yakin bahawa kita dapat memberi sumbangan yang lebih banyak. Ini serupalah dengan apa yang dikatakan oleh seorang penulis daripada Amerika bila beliau mengatakan antara lain, "We never kick a dead dog", dengan izin, iaitu kalau sekiranya kita umpamakan seekor anjing yang mati bagi mereka, orang tidak pernah menendang anjing yang mati. Kerana anjing yang mati itu baunya busuk dan tidak ada orang yang ingin menghampirinya. Anjing yang aktif, kalau kita umpamakan tentang makhluk atau alam binatang, maka yang aktif itulah iaitu anjing yang aktif yang cergas sentiasa

diganggu, maka saya yakin bila Kerajaan diganggu oleh orang-orang seperti Yang Berhormat maka itulah sekali kita bersyukur menunjukkan bahawa Kerajaan menjalankan keaktifannya bagi memberi sumbangan yang banyak kepada masyarakat.

Tuan Pengerusi, kalau hendak sambung lagi boleh, tetapi saya fikir biarlah saya beredar kepada perkara yang lain yang disebutkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat. Saya tidaklah bercadang untuk menjawab semua perkara yang telah dibangkitkan kerana ada di antaranya telah dijawab semasa soal jawab mulut. Sungguhpun demikian, saya mengambil kesempatan ini untuk mengatakan dengan ikhlasnya bahawa segala pandangan, teguran-teguran dan syor-syor yang membina itu adalah sangat dihargai, kecuali yang tidak membina sebagaimana yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang telah menyarankan supaya diperbanyakkan pembinaan rumah kos rendah untuk disewa kerana ramai yang tidak mampu untuk membeli rumah. Dalam hal ini ingin saya jelaskan bahawa pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah membina sebanyak 41,159 unit rumah berbagai jenis. Daripada jumlah itu sebanyak 24,308 unit adalah rumah rendah yang disewakan terdiri daripada 22,805 unit rumah pangsa dan 1,503 unit rumah panjang. Memang menjadi hasrat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk memperbanyakkan perumahan awam sama ada dibina sendiri oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur secara usahasama ataupun penswastan. Walau bagaimanapun, ini bergantung kepada kedudukan kewangan. Dengan peruntukan sebanyak \$6.5 juta pada tahun 1988 dianggarkan sebanyak 260 unit rumah

kos rendah sahaja dapat dibina, yang lainnya dicadangkan dibuat secara penswastaan.

Mengenai masalah setinggan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai, sukalah saya menjelaskan bahawa telah ada program untuk memindahkan setinggan di kawasan sungai yang sentiasa dilanda banjir. Sejumlah \$10 juta telah diperuntukkan untuk membina rumah panjang bagi pemindahan setinggan. Adalah dijangka sejumlah 900 unit rumah panjang akan disiapkan pada awal tahun 1988 bagi tujuan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai juga membangkitkan mengenai projek perumahan kos rendah di kawasan Brickfields yang telah ditukar daripada pelan asal. Sebenarnya projek perumahan ini mengandungi 4 blok rumah panjang, 3 daripadanya adalah pangsapuri kos sederhana yang akan dijual, 1 blok lagi adalah rumah kos rendah yang akan diserahkan pada Dewan Bandaraya. Mengenai pembinaan surau di kawasan rumah pangsa, ingin saya jelaskan bahawa memang benar di kawasan perumahan yang kecil, tempat surau tidak dapat disediakan. Keperluan surau disediakan di satu kawasan lain untuk digunakan secara berkelompok. Walau bagaimanapun, bagi kawasan perumahan yang luas, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan memastikan segala kemudahan masyarakat termasuk surau disediakan sebelum kelulusan diberi bagi pembinaan projek perumahan tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai juga menyarankan mengenai taburan peniaga-peniaga kecil hendaklah jangan menampakkan sesuatu kaum di satu-satu kawasan sahaja. Dalam hal ini pihak Dewan Bandaraya sedang membanci taburan penjaja di Wilayah Persekutuan.

Anggaran penjaja di Wilayah Persekutuan sekarang ialah lebih kurang 30,000 orang yang menjalankan perniagaan di 364 tapak. Program pembangunan dan penyusunan semula sedang dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Kebanyakan pengeluaran lesen di tapak-tapak atau di pusat penjaja pembahagian adalah mengikut berbilang kaum. Program perpaduan kaum dijalankan di kalangan penjaja melalui aktiviti gotong royong setiap minggu mengikut kawasan dan ceramah-ceramah juga diadakan.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menyentuh mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan agama Islam. Yang Berhormat dari Lembah Pantai menyarankan supaya Khatib yang bertugas hendaklah terdiri daripada Khatib yang dilantik dan bertanggungjawab. Imam-imam muda diganti dengan imam-imam yang berkebolehan dan telah berumur. Dalam hal ini, ingin saya menjelaskan bahawa Kerajaan memang sedari mengenai adanya setengah-setengah masjid di negara ini yang mengambil pembaca khutbah secara ad-hoc kerana ketokohan seseorang itu dalam bidang agama, keperluan untuk mencuba seseorang yang ada ilmu agama dengan anggapan berkebolehan untuk membaca khutbah atau oleh kerana ketiadaan Khatib yang telah ditugaskan. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat apa-apa penyalahgunaan kuasa oleh pentadbir masjid ataupun pembacaan khutbah oleh Khatib yang berkenaan menyebabkan perpecahan di kalangan umat Islam, maka tindakan sewajarnya akan diambil berdasarkan kepada enakmen hukum syarak negeri-negeri yang berkenaan. Khususnya bagi Masjid Negara, saya telah mempersetujui supaya diberi pejuang kepada beberapa orang yang difikir sesuai untuk membaca khutbah di samping Imam yang telah

ditetapkan. Kita berharap di Masjid Negara akan terdapat contoh atau model yang boleh menarik perhatian bukan sahaja orang-orang Islam tetapi masyarakat bukan Islam juga, tentang bagaimana harmoninya persembahan Islam menerusi khutbah-khutbah.

Mengenai Imam-imam pula, pada masa sekarang usaha-usaha sedang dijalankan untuk meningkatkan gred jawatan Imam daripada C.II kepada B.II di mana pegawai-pegawai yang berkelayakan dan berpengalaman seperti hafiz lepasan daripada Maahad Tahfiz dan luar negeri akan dilantik sebagai Imam-imam di masjid-masjid berkenaan. Dalam masa yang sama juga, Kerajaan pada masa sekarang sedang mengadakan kursus-kursus Imam bagi meningkatkan mutu kerja serta keupayaan mereka bertugas sebagai Imam. Kerajaan juga pada masa sekarang sedang menempatkan pegawai-pegawai dalam Kumpulan A untuk menjadi Imam serta mengetuai pentadbiran masjid di beberapa buah masjid di Wilayah Persekutuan ini. Sekiranya rancangan ini berjaya, rancangan yang sama akan diperluaskan di masjid-masjid di seluruh negeri khususnya di negeri-negeri yang dilantik di bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Mengenai saranan supaya diselaraskan pengeluaran fatwa, sukalah saya menjelaskan bahawa di bawah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia ini terdapat satu jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Fatwa. Jawatankuasa ini dianggotai oleh Mufti-mufti bagi seluruh negeri-negeri di Malaysia ini. Jawatankuasa ini berfungsi untuk mengeluarkan fatwa-fatwa yang khusus mengenai perkara-perkara am dan menyeluruh bagi umat Islam di Malaysia ini. Namun begitu, terdapat Jawatankuasa Fatwa di peringkat negeri-negeri yang

dipengerusikan oleh Mufti negeri itu sendiri. Memandangkan Jawatankuasa peringkat negeri ini juga mempunyai kuasa-kuasa tertentu, maka sesuatu fatwa yang akan dikeluarkan oleh sesebuah negeri itu boleh dibuat oleh mereka yang berkenaan. Walau bagaimanapun, pada masa sekarang Bahagian ini sedang membuat usaha-usaha supaya segala fatwa yang dikeluarkan oleh negeri-negeri di Malaysia dapat diseragamkan. Tetapi kita perlu mengingatkan masyarakat di seluruh Malaysia ini terutamanya masyarakat Islam supaya mengikut contoh Nabi Muhammad s.a.w. supaya tidak begitu banyak mengeluarkan fatwa kerana Nabi Muhammad s.a.w. sendiri sentiasa mengelak daripada memberi fatwa dengan begitu mudah kerana Baginda sadar tentang implikasi sesuatu fatwa bila dibuat. Jadi, kalau sekiranya ada Ahli-ahli Yang Berhormat ingin bercakap mengenai hukum, ikutilah secara Nabi Muhammad s.a.w.

Tuan Pengerusi, mengenai dengan Lembaga Urusan dan Tabung Haji pula sebagaimana yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Sungai Petani, saya ingin memberikan penghargaan kepada beliau yang telah menimbulkan perkara yang begitu penting.

Mengenai dengan bantuan Kerajaan terhadap urusan Haji, adalah benar bahawa kadarnya telah berkurangan dari tahun ke setahun manakala perbelanjaan bagi pengendalian jemaah Haji adalah lebih tinggi dan dengan yang demikian terpaksa ditanggung oleh Tabung Haji sendiri dari hasil pelaburannya iaitu seperti berikut:

Tahun 1985—

Bantuan Kerajaan berjumlah \$10,347,000; perbelanjaan sebenar ialah \$10,688,000; ini bererti bahawa perbezaan yang ditanggung oleh Tabung Haji ialah \$341,030.

Tahun 1986—

Bantuan Kerajaan ialah \$10,000,000 perbelanjaan sebenar ialah \$9,931,888; dan perbezaan yang ditanggung oleh Tabung Haji ialah \$81,888.

Begitulah seterusnya yang dapat saya berikan sebagai contoh.

Saya bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani bahawa Lembaga Urusan dan Tabung Haji kini telah menjadi suatu institusi kewangan Islam yang boleh dibanggakan di negara kita ini dan dengan yang demikian Kerajaan Pusat menentukan kedudukannya tidak terjejas di masa yang akan datang. Maka itulah sebabnya Yayasan Magsaysay daripada Philippines telah menyedari perkara ini dan telah memberikan penghargaan kepada pentadbiran Tabung Haji.

Di samping itu kita perlu juga ingat bahawa pendeposit-pendeposit yang menyimpan wang di Tabung Haji adalah terdiri daripada dua golongan, iaitu mereka yang menyimpan untuk menunaikan fardhu Haji, dan yang kedua, mereka yang menyimpan untuk pelaburan. Dengan itu, sekiranya perbelanjaan urusan Haji yang sebelum penubuhan Tabung Haji dahulu menjadi tanggungjawab Kerajaan, dibebankan kepada Tabung Haji, maka keupayaannya untuk memberi pulangan yang menarik kepada pendeposit-pendepositnya akan terjejas dan akan mengancam kedudukan Lembaga itu.

Di samping itu seperti yang telah diterangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani, Tabung Haji juga membayar zakat perniagaan di antara \$1.5 juta hingga \$2 juta setahun kepada Majlis atau Jabatan Agama Islam di setiap negeri. Dengan itu saya bersetuju dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani supaya bantuan Kerajaan kepada Lembaga Urusan dan Tabung

Haji tidak dikurangkan dari setahun ke setahun, bahkan ditambah supaya ianya dapat terus memainkan peranan sebagai sebuah institusi kewangan Islam yang berjaya di samping dapat terus memben perkhidmatan yang baik kepada jemaah Haji di Malaysia ini. Perkara ini akan saya rundingkan terus dengan pihak-pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tasek Chenderoh, beliau menyarankan supaya diadakan satu Badan Dakwah Negara yang mengandungi kumpulan-kumpulan dakwah yang terdin seperti PERKIM, AROAM, TABLIGH, tetapi beliau tidak menyebutkan PAS dan lain-lain, supaya Badan Dakwah ini dapat membuat penyelarasan dari segi teknik dan pendekatan yang bersepadu bagi menggerakkan dakwah di negara ini dengan sebaik-baiknya tanpa menimbulkan kekeliruan ke atas ketahanan Islam di masyarakat Islam.

Sebenarnya penyelarasan aktwiti dakwah di Malaysia telah pun dibuat menerusi Yayasan Dakwah Islamiah Se-Malaysia. Pihak Yayasan Dakwah Islamiah Se-Malaysia dari masa ke semasa telah menjemput Badan-badan Dakwah tempatan seperti AROAM, PERKIM, TABLIGH, ABIM, AL-ANSAAR dan lain-lain untuk berbincang serta menyelaraskan kegiatan dakwah yang berkenaan sama ada dari segi teknik pendekatan dan juga permasalahan-permasalahan yang ada di dalam masyarakat Islam di Malaysia ini.

Pihak Yayasan Dakwah Islamiah Se-Malaysia pada masa sekarang sedang berusaha untuk menubuhkan satu Badan Penyelarasan Dakwah yang mana anggotanya terdiri daripada Badan-badan Dakwah tempatan tersebut. Kerajaan juga sedang menyusun, mengatur dan menguruskan rancangan penubuhan

Majlis Dakwah Negara yang merupakan Majlis yang tertinggi yang akan menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan dakwah.

Mengenai saranan untuk menubuhkan satu Badan Dakwah Negara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, kita akui bahawa ia merupakan satu perkara yang sangat penting hari ini kerana banyak pihak yang telah ingin menunjukkan minatnya kepada Islam tetapi approach dan pendekatannya tidak dibuat secara rapi dan tidak disusun mengikut strategi yang boleh menjaga kepentingan orang-orang Islam keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Tasek Gelugor telah meminta penjelasan ke atas satu resolusi yang telah dibuat di dalam Seminar Kepimpinan Islam pada 9hb November, 1987 di Universiti Malaya seperti berikut:

"Selain daripada kejahilan umat Islam itu sendiri, perkara lain ialah keengganan pemerintah sendiri menerima Islam sebagai panduan di dalam pemerintahannya."

Ini adalah resolusi sebuah Seminar dan urusan yang lebih terperinci untuk mengenalpasti apakah yang sebenarnya dimaksudkan oleh resolusi ini akan dibuat dengan pihak penganjur Seminar yang berkenaan kerana kita tahu bahawa kadang-kadang kalau ditilik dari jauh maka berbagai-bagai tanggapan diberikan, tetapi bila kita masuk ke dalam, kita berjumpa dengan orang, kita bercakap dan bila kita minta Ahli-ahli Yang Berhormat seperti dari Pengkalan Chepa selalu berjumpa, bercakap, maka sudah tentu kita akan dapat mengubah sikap mencari kebaikan tetapi kalau kita tidak mahu berjumpa dengan orang, maka kita akan menghadapi bahaya dan mungkin merugikan.

Yang Berhormat dari Tasek Gelugor juga minta penjelasan mengenai dengan penurunan peruntukan bagi Bahagian Hal Ehwal Islam dari \$19.4 juta bagi tahun 1987 kepada \$18.4 juta dalam tahun 1988 menggambarkan penurunan aktiviti di Bahagian Hal Ehwal Islam. Sebenarnya, penurunan jumlah peruntukan yang tersebut tidak menggambarkan penurunan jumlah aktiviti yang dijalankan oleh Bahagian ini, malah pihak Bahagian Hal Ehwal Islam sedang menambah aktiviti-aktiviti baru supaya penyebaran serta penghayatan Islam di kalangan masyarakat semakin bertambah.

Jumlah peruntukan yang diberi pada tahun 1988 sebenarnya berdasarkan kepada perbelanjaan sebenar di tahun 1986. Bagi tahun 1988 peruntukan telah disediakan bagi membiayai program untuk meningkatkan kegiatan dakwah dan kefahaman Islam di kalangan orang-orang Islam supaya orang-orang Islam sendiri tidak diganggu-gugat oleh agama-agama lain dan sebagainya.

Mengenai dengan persoalan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Marang, beliau menyarankan supaya Pegawai-pegawai Dakwah di Bahagian Hal Ehwal Islam menyedari serta mengambil perhatian yang berat terhadap dasar-dasar Kerajaan serta isu-isu yang berkaitan dengannya. Dalam perkara ini ingin saya menegaskan bahawa perhatian yang serius sentiasa diberikan oleh Bahagian Hal Ehwal Islam oleh pentadbiran di Jabatan Perdana Menteri mengenai dengan kegiatan yang tidak sihat yang dijalankan oleh beberapa orang pegawai. Yakinlah bahawa perkara ini akan dapat kita awasi kerana kalau sekiranya kita dapati beberapa perkara yang tidak digemari sebenarnya ia kadang-kadang melibatkan beberapa peranan yang dimainkan oleh beberapa

element ataupun unsur dari luar yang ingin kalau boleh hendak menjadikan Bahagian Islam ini miliknya. Tetapi, alhamdulillah, kita dapat mengawal, kita dapat mengekalkan kedudukan berdasarkan kepada kebenaran.

Mengenai dengan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat mengenai dengan hal-hal Islam yang begitu banyak ditimbulkan. saya tidak dapat menjawab kesemuanya kerana terlampau banyak, saya akan memberikan perhatian yang serius.

Mengenai dengan Yang Berhormat Wakil dari Bukit Bintang yang menyarankan supaya usaha negara dalam menghadapi masalah dadah hendaklah ditinjau dari segi menyekat pedaran dadah. Dalam hal ini, ingin saya jelaskan bahawa sejak daripada tahun 1985 iaitu apabila Rancangan Bertindak Anti-Dadah MKN dan juga JPM melancarkan kegiatannya ke arah pembanterasannya masalah dadah di negara ini, berbagai kejayaan telah dapat diperhatikan. Di antaranya ialah bilangan penagih yang dikesan menggunakan dadah buat pertama kalinya iaitu "first time users" semakin berkurangan. Pada tahun 1984 bilangannya ialah 11,915 orang; dalam tahun 1985 ialah 9,591 orang dan dalam tahun 1986 ialah 7,329 orang. Ini menunjukkan keberkesanan Program Pencegahan Dadah yang dijalankan di sekolah-sekolah dan aktiviti penerangan yang dilaksanakan di kalangan anggota masyarakat. Masyarakat terutamanya para belia lebih arif tentang bahaya dan kesan-kesan negatif akibat daripada penggunaan dadah.

Dari segi penguatkuasaan undang-undang pula, keberkesanan usaha dapat diperhatikan dari segi penurunan ketulenan dadah, jenis heroin yang dijual iaitu dari 30% dalam tahun 1985 ke 10% dalam tahun 1986. Berat dadah heroin yang dijual juga menurun dan 0.05 gram satu tiub

ke 0.03 gram. Di segi hubungan antarabangsa pula, usaha-usaha kita mencegah dan mengawal masalah dadah juga dipandang tinggi oleh negara lain. Pengiktirafan tertinggi yang telah diberikan oleh masyarakat antarabangsa terhadap usaha kita ialah, apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah dipilih sebagai Pengerusi Persidangan Antarabangsa mengenai dengan dadah yang dianjurkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang telah berlangsung pada bulan Jun, 1987 di Vienna.

Walau bagaimanapun, usaha-usaha Kerajaan sahaja tidak akan dapat menghasilkan kejayaan yang besar secara berterusan. Badan-badan atau persatuan-persatuan sukarela, pihak swasta dan anggota masyarakat secara keseluruhannya perlu memainkan peranan masing-masing untuk melengkapkan usaha-usaha anti dadah Kerajaan. Sehubungan dengan ini, langkah-langkah sedang dibuat oleh Pasukan Petugas Anti Dadah, MKN dan JPM untuk melancarkan projek bersepadu bagi membasmi kegiatan dadah ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah telah menimbulkan beberapa isu, di antaranya ialah tentang adanya berlaku unsur-unsur tidak sihat dalam Sistem Pendaftaran Pemilih. Sebagai contohnya, ada berlaku kes beramai-ramai pengundi dari satu kawasan ke satu kawasan tanpa diketahui oleh pengundi-pengundi yang terlibat. Tidak terdapat unsur-unsur yang tidak sihat dalam Sistem Pendaftaran Pemilih. Sistem Pendaftaran Pemilih adalah kemas dan teratur. Namun demikian ada kemungkinan terdapat penipuan yang dilakukan oleh para pemilih atau perkerja-pekerja parti politik yang telah menjalankan kerja untuk menipu SPR dengan cara mengisi borang-borang perpindahan pengundi-pengundi dari satu kawasan ke kawasan yang lain tanpa diketahui

otah pengundi-pengundi yang terlibat. Perkara ini boleh disekat atau dibanteras dengan kerjasama pengundi-pengundi di dalam kawasan-kawasan pilihanraya yang terlibat.

Undang-undang yang ada sekarang di dalam peraturan-peraturan Pendaftaran Pemilih Pilihanraya 1971 memastikan semua mereka hendaklah didaftarkan sebagai pemilih di tempat mereka bermastautin. Untuk memastikan ini berlaku, maka pada tiap-tiap tahun SPR ada membuat pameran Rang Daftar Pemilih. Tempoh pameran ini diumumkan seluas-luasnya kepada orang ramai, Rang Daftar Pemilih dipamerkan di semua bahagian pilihanraya. Adalah menjadi tanggungjawab semua pihak yang berminat untuk memeriksa Daftar Pemilih yang berkenaan dan dalam tempoh dua minggu iaitu 14 hari bantahan atau objection boleh dibuat kepada Pegawai-pegawai Pendaftaran sekiranya mereka mendapati ada orang di luar daripada kawasan yang berkenaan, khususnya yang tidak bermastautin dalam pilihanraya yang berkenaan didaftarkan sebagai pemilih mengikut senarai pemilih yang dipamerkan.

SPR boleh mengambil tindakan memotong sewajarnya nama-nama mereka yang berkenaan daripada Daftar Pemilih sekiranya dakwaan yang dikemukakan oleh undang-undang telah dibuat. Begitu juga sekiranya ada nama-nama pemilih yang didapati dikeluarkan daripada senarai pemilih, pemilih-pemilih yang berkenaan boleh membuat tuntutan, claim, dengan izin, dan mengikut peraturan-peraluran yang sama nama-nama itu boleh dimasukkan semula di dalam Daftar Pemilih. Masalah yang dihadapi oleh SPR ialah tiada tuntutan dan bantahan dibuat semasa daftar itu dipamerkan dan dengan demikian Suruhanjaya menganggap daftar yang dipamerkan boleh diterima dan disahkan.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tahun 1987 ini Rang Daftar Pemilih akan dipamerkan mulai 7hb Disember sehingga 20hb Disember, 1987 dan pengumuman rasmi akan dibuat mengenainya. Oleh itu Yang Berhormat yang berkenaan adalah dijemput menyemak dan seterusnya membantu pemilih-pemilih di dalam bahagian-bahagian yang berkenaan untuk membuat bantahan atau tuntutan sekiranya terdapat perbuatan-perbuatan atau percubaan untuk menipu Suruhanjaya Pilihanraya dalam soal pendaftaran pemilih ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Marang. Yang Berhormat dari Marang telah menyebutkan mengenai beberapa perkara termasuk masalah-masalah perkhidmatan di bahagian Perkhidmatan Awam. Saya ingin menegaskan di sini bahawa perkara-perkara yang berkaitan dengan perkhidmatan awam sentiasa diberi perhatian dan juga Kerajaan memberikan perhatian yang berat mengenai dengan pelajar-pelajar yang belum menamatkan pengajian mereka daripada universiti. Pada masa ini memang benar bahawa Kerajaan memberikan perhatian kepada mereka yang telah menamatkan pengajian daripada universiti dan memberi mereka peluang untuk mengikuti beberapa kursus yang boleh menggalakkan mereka dalam bidang perniagaan dan sebagainya. Tetapi Kerajaan pada masa ini sedang memikirkan lebih serius lagi untuk memikirkan nasib bakal lepasan universiti ini sebelum daripada mereka menamatkan pengajian di universiti. Apabila kita dapat cari jalan keluar sebelum daripada mereka menamatkan pengajian di universiti, maka saya yakin seseorang pelajar bila menerima sebarang ijazah, mereka telah pun dibekal dengan persediaan-persediaan daripada segi sikap dan

semangat untuk berkecimpung dalam bidang permagaan dan tidak lagi memerlukan kepada kursus-kursus tambahan yang perlu dibuat sdepas daripada menamatkan pengajian.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:
(Bangun)

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, Yang Berhormat dan Marang bangun. Ada apa Yang Berhormat?

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Yang ini fasal saya tidak kacau dia, dia tidak kacau saya, saya berilah.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Pengerusi, terima kasih. Adakah kursus ataupun latihan kerjaya itu akan dimulakan di tahun 1988 sebagaimana yang saya dengar, ataupun selewat-lewatnya pada tahun 1989 iaitu kursus-kursus latihan dan kerjaya ini akan diadakan dalam masa pelajar-pelajar itu sedang menuntut, bukan selepas menuntut?

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Pengerusi, pada masa ini usaha sedang dibuat dengan kerjasama semua universiti-universiti tempatan untuk memulakan program ini pada tahun 1988. Saya yakin urusan ini setelah mendapat kerjasama daripada semua universiti, dapat berjalan mengikut jadual. Kertas Kerja mengenai program ini sedang disiapkan dan program ini akan dinamakan Program Usaha Siswa. Saya percaya pelajar-pelajar dari semua bidang dalam universiti sama ada bidang kemanusiaan, sains ataupun profesional akan dapat didedahkan kepada ilmu perniagaan dan juga ilmu pengurusan dan sebagainya dan mereka boleh terus berkecimpung dalam bidang itu sebaik sahaja mereka tamat belajar di universiti.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Marang juga mengenai dengan pentingnya pengisian dalam jawatan-jawatan yang dianggap sebagai penting, di antaranya ialah yang berkaitan dengan undang-undang dan juga keselamatan dan sebagainya. Pihak Kerajaan telah pun bersetuju supaya menjadikan bidang-bidang itu sebagai priority ataupun keutamaan dalam memberikan kelonggaran sewaktu kita menjalankan exercise ataupun amalan penjimatan ataupun pengecilan sais perkhidmatan ini. Kita menganggapkan bahawa bidang-bidang seperti kesihatan, keselamatan dan juga jawatan-jawatan seperti undang-undang penting, kerana kita menganggapkan ini sebagai kunci bagi menentukan negara dapat mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru untuk memberikan satu keadaan yang lebih baik kepada masyarakat dalam negara kita ini sama ada di bandar dan juga di luar bandar.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:
(Bangun)

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ya, Yang Berhormat dari Marang.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Pengerusi, adakah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk menarik balik pembekuan terhadap beberapa jawatan kosong di dalam bidang-bidang yang dinyatakan, terutama dalam kesihatan, penjara dan juga perkhidmatan-perkhidmatan yang penting yang lain-lain. Adakah Kerajaan mempunyai satu cara ataupun langkah bagi menarik balik pembekuan yang telah lama diadakan ini?

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Pengerusi, mungkin kalau saya menyebut perkataan tarik balik akan ada sedikit implikasi. Perkataan yang sesuai ialah

Kerajaan memberikan kelonggaran dalam bidang-bidang yang saya sebutkan dan kalau sekiranya Yang Berhormat hendak anggarkan kelonggaran itu sebagai tarik balik ataupun tidak, itu terpulang kepada Yang Berhormat. Tetapi itulah istilah yang saya fikir sesuai digunakan apabila Kerajaan telah membuat satu persetujuan untuk memperkecilkan saiz Perkhidmatan Awam dalam negara kita ini supaya jangan kita hanya mengisi yang mungkin dibuat oleh pihak yang tak pernah perintah negara ini, mungkin kalau dia naik, dia buat dan ini akan merugikan negara, tetapi Kerajaan kita ini Alhamdulillah sangat praktikal dalam usaha-usaha untuk memastikan bahawa perkhidmatan itu dibuat secara optimum. Jadi, saya harap Yang Berhormat dapat terima istilah itu,

Tuan Pengerusi, banyak persoalan-persoalan yang dibangkitkan yang saya fikir tidak perlulah saya beri jawapan kesemuanya sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi. Walau bagaimanapun, ingin saya menarik perhatian Ahli-ahli Dewan ini mengenai dengan perkara yang terakhir yang disebutkan oleh saudara Yang Berhormat dari Arau.

Beliau telah memuji-muji Speaker termasuk Timbalan Speaker dalam menjalankan persidangan. Saya yakin bahawa pandangan Yang Berhormat akan diberikan perhatian kerana memang benar bahawa lambang-lambang dalam negara ini cukup penting. Lambang dalam negara ini bukan sahaja Parlimen ini, banyak lagi perkara-perkara lain yang diperlukan yang boleh kita jadikan sebagai asas untuk merealisasikan integrasi kaum. Apabila kita dapat memperkemas dan memperindahkan lagi bangunan-bangunan Parlimen ini sesuai dengan kemampuan maka sudah tentu unsur penyatuan itu akan lebih nyata lagi. Jadi, saya ingin menegaskan bahawa Kerajaan memberikan perhatian

kepada perkara ini sekadar kemampuan dan kalau sekiranya kita tidak dapat membuat perubahan mengikut yang kita rasai sebagai penting itu pada tahun ini, kita harap dapat dibuat pada masa-masa yang akan datang.

Mengenai dengan perkara-perkara lain yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Arau, saya ambil perhatianlah kerana perkara-perkara itu hampir sama dengan beberapa perkara yang telah pun dibangkitkan oleh Ahli-ahli yang lain.

Tuan Pengerusi, saya minta maaf, saya fikir itulah sahaja yang dapat saya berikan jawapan dan kalau sekiranya ada yang tak dapat saya nyatakan di sini, saya ambil perhatian dan arahkan pihak yang berkenaan supaya mengambil tindakan.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$13,997,000 untuk Maksud B.1; \$690,400 untuk Maksud B.2; \$22,770,700 untuk Maksud B.3; \$9,467,000 untuk Maksud B.4; \$8,170,900 untuk Maksud B.5; \$2,702,400 untuk Maksud B.6; \$328,225,410 untuk Maksud B.7; \$560,835,400 untuk Maksud B.8; \$34,657,300 untuk Maksud B.9; \$10,730,800 untuk Maksud B.10; \$18,660,200 untuk Maksud B.11 dan \$16,647,600 untuk Maksud B.12 di bawah Jabatan Perdana Menteri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$13,997,000 untuk Maksud B.1; \$690,400 untuk Maksud B.2; \$22,770,700 untuk Maksud B.3; \$9,467,000 untuk Maksud B.4; \$8,170,900 untuk Maksud B.5; \$2,702,400 untuk Maksud B.6; \$328,225,410 untuk Maksud B.7; \$560,835,400 untuk Maksud B.8; \$34,657,300 untuk Maksud B.9;

\$10,730,800 untuk Maksud B.10; \$18,660,200 untuk Maksud B.11 dan \$16,647,600 untuk Maksud B.12 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi (Dato Mohamed Amin bin Haji Daud); Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$500,152,380 yang disebutkan dalam Maksud P.7 dan \$664,000 untuk Maksud P.8 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1988 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$500,152,380 untuk Maksud P.7 dan \$664,000 untuk Maksud P.8 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1988.

Maksud B.13 (Jadual)—

Maksud P.13 (Anggaran Pembangunan 1988)—

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud); Maksud B.13 dan Maksud P.13 di bawah Kementerian Kehakiman terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Bukit Mas.

5.15 ptg.

Tuan Mutang Tagal (Bukit Mas): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud Bekalan 13—Kementerian Kehakiman, Butiran 020000, Program Pentadbiran Undang-undang, Aktiviti 020200, Khidmat Bantuan Guaman.

Di bawah tajuk ini saya ingin menyentuh mengenai dengan proses disiplin yang terdapat di bawah Akta Profesion Undang-undang 1976 yang sekarang ini adalah kurang memuaskan di mana siasatan ke dalam sesuatu aduan terhadap seorang peguam itu dibuat oleh Jawatankuasa Peguam Negeri atau Jawatankuasa Siasatan dengan meminta peguam tersebut membuat penjelasan secara

bertulis mengenai dengan aduan itu dan prinsip, dengan izin, adjudication ini adalah akibat sistem pembicaraan adversorial yang diamalkan oleh semua negara yang mengamalkan sistem Undang-undang Common Law.

Beban untuk membuktikan kesalahan (guilt) adalah atas pihak yang mengadu dan hakim memainkan peranan yang tidak aktif. Oleh itu, si pengadu kebanyakan mereka adalah orang miskin, bukan terpelajar dan kurang faham dengan selok-belok undang-undang. Mereka inilah yang menjadi mangsa kepada peguam. Oleh kerana mereka tidak dapat bahan-bahan yang dapat mendedahkan kesalahan peguam itu, maka merekalah menjadi mangsa teruk.

Tuan Pengerusi, oleh itu, saya bercadang supaya sistem, dengan izin, inquisitorial yang terdapat di Eropah dan Amerika Syarikat diamalkan dalam proceeding disiplin di bawah Akta Profesion Undang-undang. Di bawah sistem ini Tribunal tidak hanya menjadi hakim ke atas pihak-pihak yang dikemukakan di hadapannya, tetapi ia memainkan peranan aktif dalam siasatan dan pengambilan keterangan-keterangan. Oleh itu, Tribunal menjadi penyiasat dan hakim, dengan izin, both investigator and judge.

Untuk menentukan sistem inquisitorial ini berjalan dengan licin, Akta Profesion Undang-undang perlu digubal dan dipinda supaya Tribunal yang menyiasat aduan itu diberi kuasa sama dengan kuasa yang diberi kepada polis dalam siasatan mereka. Di bawah peruntukan Akta Profesion Undang-undang yang ada sekarang ini tidak ada kuasa diberi kepada Jawatankuasa Peguam atau Jawatankuasa Siasatan untuk merampas dokumen, memasuki premises ataupun membuat search atau mengambil kenyataan (statement) daripada saksi-saksi. Oleh

itu, seorang peguam dapat menahan atau sembunyikan dokumen-dokumen atau saksi-saksi yang merupakan incriminating terhadap beliau.

Tuan Pengerusi, saya mengalu-alukan usaha Jawatankuasa Semakan Proceeding Peguam (Bar Disciplinary Proceeding Review Committee) yang diketuai oleh bekas Perdana Menteri kita, Tun Hussein Onn, dalam mengadakan satu laporan mengenai disiplin peguambela dan peguamcara dan rekomendasi-rekomendasi mereka mengenai dengan procedure disiplin yang sedia ada di bawah Akta Profesion Undang-undang.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini kita terdengar dan kita baca di suratkhbar bahawa Majlis Peguam enggan mendisiplinkan rakan sejawatnya, walaupun orang ramai telah membuat aduan kepada Majlis Peguam terhadap peguam tertentu. Untuk memulihkan keyakinan orang ramai terhadap jentera disiplin di bawah Akta Profesion Undang-undang dan untuk memberi khidmat bantuan guaman yang berkesan kepada orang ramai, tugas disiplin harus diambil keluar daripada tangan Majlis Peguam dan diletakkan ke dalam tangan sebuah tribunal yang bebas dan impartial, dengan izin. Ini adalah merupakan reformasi pertama. Reformasi kedua ialah mereka perlu menyerap nilai kebenaran, dengan izin, vigilance, ke atas ahli-ahli Majlis Peguam di seluruh negara.

Tuan Pengerusi, saya pada prinsipnya tidak bersetuju dengan cadangan Jawatankuasa Semakan ini bahawa keanggotaan-keanggotaan Tribunal termasuklah orang yang tidak mempunyai kelulusan undang-undang. Kesalahan atau "misconduct", dengan izin, peguam adalah terlalu teknikal dan saya rasa masalah ini hanya dapat difaham oleh mereka yang terlibat dalam pentadbiran undang-undang. Oleh itu,

saya bercadang supaya keanggotaan Tribunal Siasatan dan Jawatankuasa Disciplinary adalah seperti berikut:

- (i) Seorang wakil daripada judiciary ataupun Judicial Service;
- (ii) seorang wakil dari Jabatan Peguam Negara;
- (iii) seorang peguam dari negeri selain daripada negeri di mana aduan dibuat terhadap seorang peguam tertentu.

Keahlian Tribunal tersebut adalah sempurna dan layak untuk menyiasat dan adjudicate, dengan izin, dengan cekap dan impartial.

Tuan Pengerusi, kita mahu supaya maruah ataupun integrity seorang peguam itu dipertahankan. Dalam perkhidmatan guamannya, tiap-tiap hari ia dikenali sebagai seorang, gentleman, dengan izin, pemegang amanah dan penjaga keadilan. Jenis profesion seorang peguam, kedudukan serta pekerjaannya mendorong "client" menaruh amanah ke atas peguam yang terbukti apabila wang, harta dan bahan-bahan atau penerangan sulit diberikan kepadanya. Negara dan rakyat telah meletak satu tanggungjawab yang murni ke atas profesion undang-undang di bawah Seksyen 42 Akta tersebut. Oleh kerana itu Undang-undang perlu menyedari bahawa accountability, dengan izin, kepada orang ramai adalah satu yang mereka tidak dapat elakkan. Adalah diharapkan proses house cleaning dengan izin, profesion undang-undang dapat memulihkan semula kedudukan, imej dan esteem profesion ini yang mana orang ramai memandang tinggi profesion yang kehormat.

Tuan Pengerusi, saya juga menyentuh maksud Bekalan 13, Butiran 030000—Kehakiman. Tuan Pengerusi, jumlah bilangan kes yang belum dibicarakan di seluruh negara

bagi Mahkamah Majistret, Sesyen, Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Agung pada 13hb Ogos, 1987 ialah 327,333 kesemuanya. Jumlah ini adalah amat tinggi. Jika jumlah ini dibahagikan kepada hakim-hakim dan majistret yang sedia ada, kita dapati pecahan dan purata adalah seperti berikut: 78 kes bagi tiap-tiap Hakim Mahkamah Agung; 1,953 kes bagi Hakim Mahkamah Tinggi, 430 kes bagi Hakim Mahkamah Sesyen dan 1,935 kes bagi tiap-tiap majistret. Memandangkan bilangan kes purata adalah tinggi di peringkat Mahkamah Tinggi dan Majistret, saya merayu kepada Kerajaan supaya bilangan jawatan hakim di Mahkamah Tinggi dan Majistret ditambah untuk mempercepatkan pembicaraan kes ini.

Tuan Pengerusi, "Justice delayed is justice denied", dengan izin, dan adalah perlu bagi Kementerian memandang serius masalah ini. Selain daripada menambah bilangan hakim dan Majistret, Kementerian perlu menentukan Pegawai-pegawai Siasatan dan Pegawai Pendakwa dilatih dan ditambah sejajar dengan perkembangan sistem pentadbiran keadilan di seluruh negara. Saya mencadangkan supaya siswazah-siswazah kelulusan undang-undang, sama ada dari dalam atau luar negeri diwajibkan berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang daripada 3 tahun sebagai Majistret, Pegawai Siasatan, Pegawai Pendakwa. Ini memerlukan ubah-suaian kepada undang-undang yang terdapat di negara ini yang mentadbirkan profesion undang-undang.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Nibong Tebal.

5.26 ptg.

Dr Goh Cheng Teik (Nibong Tebal): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Ingin

saya merujuk kepada Maksud Bekalan 13, Butiran 030000, Kehakiman—Kod 10000, Emolumen dan Maksud Pembangunan—13, Butiran 00100—Bangunan-bangunan Mahkamah.

Tuan Pengerusi, bersama-sama dengan Wakil Rakyat yang lain, saya turut mengucapkan syabas kepada Kementerian Kehakiman yang sudah berfungsi sebagai satu Kementerian berasingan beberapa tahun ini. Dengan adanya Ketua Setiausaha sendiri serta kakitangan yang lain, Kementerian Kehakiman dapat bertindak dengan lebih berkesan untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh Mahkamah-mahkamah di seluruh negara kita.

Tuan Pengerusi, masalah kes-kes backlog yang dihadapi oleh Mahkamah kita seperti yang disebutkan tadi oleh wakil Bukit Mas merupakan masalah yang paling serius bagi Kementerian Kehakiman. Alhamdulillah, masalah ini telah diketahui oleh pihak-pihak yang berkuasa dan sedang diberi perhatian yang berat. Oleh yang demikian, saya tidak perlulah bercakap panjang tentang ini.

Ingin saya cuma menyeru kepada Kementerian Kehakiman supaya menyegerakan seberapa banyak yang boleh rancangan yang sedia ada untuk:

- (a) mewujudkan lebih jawatan Hakim, Presiden Mahkamah Sesyen dan Majistret; dan
- (b) membinakan lebih bangunan mahkamah di seluruh negara kita.

Tuan Pengerusi, kelambatan mahkamah untuk menyelesaikan kes-kes yang ada, mengadakan implikasi yang kurang baik bagi perniagaan swasta. Perniagaan swasta bergantung sangat kepada perjanjian. Oleh yang demikian, ia juga bergantung kepada mahkamah untuk menyelesaikan masalah-masalah yang berbangkit. Jika mahkamah lambat, perniagaan

swasta pun lambat, jika pihak swasta tidak berkembang dengan pesatnya, kadar pengangguran yang tinggi tidak dapat diturunkan.

Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Gaya.

5.32 ptg.

Tuan Gerad Math Lee Min (Gaya): Tuan Pengerusi, izinkan saya merujuk kepada Maksud B.13. Saya ingin menarik perhatian kepada muka surat 49 dalam buku Anggaran Belanjawan Persekutuan.

Saya hendak merujuk kepada Butiran 010000 Khidmat Sokongan dan Butiran 030000 Kehakiman.

Tuan Pengerusi, pihak Kehakiman mesti diberi penghormatan dan keutamaan yang berpatutan sebagai satu daripada 3 batu asas sistem Perlembagaan negara ini. Sungguh sedihnya ini tidak berlaku pada hakikatnya. Sebagai contoh penghormatan dan keutamaan yang saya sebutkan tadi tidak dicerminkan oleh peruntukan Belanjawan untuk Kehakiman, tambahan pula terdapat satu trend, dengan izin, yang menunjukkan bahawa peruntukan Belanjawan untuk Kehakiman makin merosot tahun demi tahun.

Tuan Pengerusi, mengenai pentadbiran am, tujuan Kementerian Kehakiman ialah untuk melaksanakan hal pentadbiran, perawatan, perkhidmatan, kewangan, perancangan dan penyelidikan bagi Kementerian Kehakiman dan Jabatan-jabatan di bawahnya supaya ianya berjalan dengan licin, cekap dan berkesan.

Tuan Pengerusi, saya pernah menyeru Kerajaan Persekutuan supaya melantik lebih ramai Hakim-hakim Tinggi, Hakim Mahkamah

Sesyen, Majistret dan penterjemah supaya lebih banyak bangunan mahkamah dapat dibina dan gaji para Hakim dan kakitangan mahkamah dinaikkan.

Tuan Pengerusi, walaupun terdapat Mahkamah Majistret di Lahad Datu, Kudat, Kota Belud, Tuaran, Beaufort dan Tenom, tetapi Majistret tetap atau, dengan izin, Resident Magistrate tidak wujud sama sekali. Majistret-majistret dari Tawau terpaksa ke Lahad Datu untuk mendengar kes-kes di Mahkamah Majistret di sana. Majistret berkenaan sudah pun mempurifyai banyak kes-kes untuk dibicarakan di Tawau. Namun demikian beliau terpaksa menghabiskan masa 3 jam untuk pergi ke Lahad Datu untuk tujuan yang sama. Kita mesti juga faham bahawa perhubungan udara di antara Tawau dan Lahad Datu adalah amat buruk. Disebabkan kes-kes di Lahad Datu jarang habis dibicarakan, gejala ini juga wujud di tempat-tempat lain seperti Kudat, Kota Belud, Tuaran, Beaufort dan Tenom di mana Mahkamah-mahkamah Majistret di situ diketuai oleh Majistret-majistret dari Kota Kinabalu.

Gaji yang rendah juga menjadi satu masalah dan akibatnya majistret-majistret meletak jawatan dan menyertai sektor swasta. Walaupun terdapat 4 buah Mahkamah Tinggi di Wilayah Persekutuan, Labuan, Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau, namun terdapat 2 orang Hakim yang berpusat di Kota Kinabalu untuk mengendalikan 4 buah Mahkamah Tinggi ini. Mereka sudah pun dibebankan dengan kes-kes yang banyak di Kota Kinabalu kerana Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu meliputi seluruh Pantai Barat, Sabah dan dua orang Hakim ini perlu pula pergi ke Wilayah Persekutuan, Labuan, Sandakan dan Tawau. Hakim-hakim Mahkamah Sesyen di Sabah adalah seramai 3 orang yang semuanya berpusat di Kota Kinabalu.

Masalah-masalah yang dihadapi oleh Mahkamah-mahkamah Tinggi di Majistret juga turut dialami oleh Mahkamah-mahkamah Sesyen.

Tuan Pengerusi, juga terdapat masalah kekurangan tenaga manusia di mahkamah-mahkamah kita di Sabah, terutama sekali penterjemah-penterjemah yang berkelayakan dalam Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris, bahasa Cina, bahasa Kadazan dan juga dalam dialek seperti Murut, Bugis, Suluk, Bajau dan sebagainya. Akan tetapi bagi seluruh negeri Sabah hanya terdapat seorang penterjemah bahasa Cina sahaja dan tidak ada penterjemah-penterjemah bahasa Kadazan, Bugis, Suluk, Bajau dan sebagainya, jadi kes-kes tidak dapat dibicarakan kerana tidak ada penterjemah-penterjemah yang berkelayakan dan akibatnya ini banyak kes-kes terpaksa ditangguhkan.

Tuan Pengerusi, walaupun kes-kes hendak dibicarakan di mahkamah-mahkamah kian bertambah, namun peruntukan Belanjawan untuk Kementerian Kehakiman kian berkurangan, akibatnya timbunan kes-kes berlaku.

Tuan Pengerusi, masalah-masalah yang saya sebutkan tadi bertambah buruk dengan perluasan kuasa atau jurisdiction Mahkamah-mahkamah Majistret dan Sesyen, kuasa mereka diperluaskan kononnya untuk melicinkan operasi pihak Kehakiman, tetapi disebabkan masalah-masalah yang saya sebutkan tadi kesannya adalah sebaliknya.

Tuan Pengerusi, tujuan dan objektif Kementerian Kehakiman adalah seperti dicatatkan dalam buku Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi Tahun 1988. Pastilah tujuan itu baik, tetapi peruntukan Belanjawan bagi Kementerian ini tidak mencerminkan hasrat Kerajaan untuk membentuk satu sistem Kehakiman yang kukuh, cekap dan

bebas. Kekurangan wang kerana kemelesetan ekonomi bukanlah alasan yang baik untuk mengurangkan peruntukan Belanjawan tahun demi tahun. Keadilan, kebaikan ekonomi dan sosial tidaklah boleh dipisahkan dan hendaklah saling bergantung.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, saya tidak ingin menjadi seorang, dengan izin, Prophet of doom, tetapi saya harus memberitahu Kerajaan bahawa jika Kerajaan terus mengabaikan masalah-masalah yang saya timbulkan tadi, sistem Kehakiman di Sabah akan mungkin tergendala. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Lembah Pantai.

5.38 *ptg.*

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah (Lembah Pantai): Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian di dalam membahaskan peruntukan Kementerian Kehakiman di muka surat 49, Maksud B.13, Butiran 010000—Khidmat Sokongan, anggaran \$2,719,700 dan saya minta izin dari Tuan Pengerusi juga untuk disamakan dalam ucapan saya nanti iaitu Maksud P.13, muka surat 50, Butiran (Projek) 00100 Bangunan-bangunan Mahkamah dan juga 00200 Rumah Kediaman Hakim di muka surat 51, Butiran 00300—Baiki Ubahsuai Bangunan Mahkamah (Baru) yang mana berjumlah \$6,504,500 iaitu kurang \$2,326,500 dari anggaran tahun 1987 yang mana anggaran itu dahulunya iaitu \$8,831,000.

Tuan Pengerusi, dalam khidmat sokongan ini, jawatan hakim dalam negara kita ini adalah jawatan yang tinggi yang dihormati oleh rakyat dan negara kita. Dan dalam ucapan-ucapan, kita juga tidak diberikan

sentuhan yang begitu menyeluruh terhadap hakim-hakim ini. Oleh hal yang demikian dalam masalah ini dalam khidmat sokongan ini sebagaimana yang saya sebutkan tadi hakim-hakim mengikut Perlembagaan dalam negara kita ialah jawatan yang tertinggi. Dalam masalah ini, banyak saya dengar dan rungutan-rungutan daripada hakim-hakim yang ada sekarang ini sebagaimana yang disebutkan oleh rakan-rakan saya, kerana tidak sesuai dengan kedudukan mereka, dengan taraf dan imej kedudukan mereka berhubung dengan gaji, perkhidmatan dan sebagainya dengan taraf hakim yang diberi kepada mereka.

Oleh hal yang demikian saya mengharapkan supaya mereka ini benar-benar mahu menjalankan tugas dan bersatu menolng Kerajaan, umpamanya diibaratkan aur dengan tebing, hakim-hakim ini juga bersama-sama dengan Kerajaan dan Kerajaan juga bersama-sama dengan hakim-hakim bagi mengendalikan negara kita ini. Seperti soal gaji yang berpatutan, sepatutnya diberi kepada mereka ini dan juga tempat kediamannya. Apa yang saya dapat tahu mereka ini, hakim ini sungguh pun kita menghormati mereka, ada kadangkala saya dengar mereka ini duduk di rumah-rumah teres setingkat, dan kadangkala teres setingkat. Dalam keadaan ini kita hendaklah menghormati mereka itu. Kita mengharapkan pihak Kerajaan, sungguh pun kita tahu Kerajaan kekurangan wang untuk membelanjakan soal-soal gaji dan seterusnya—kita tahu tetapi dalam masalah ini, saya rasa pendapatan yang diperolehi oleh mahkamah-mahkamah di negara kita ini banyak juga, maksudnya dengan denda-denda yang diberi yang dikenakan kepada orang-orang yang berbuat salah.

Bagi mengelakkan soal ini juga kita mengharapkan denda-denda yang ada, saya rasa masih lagi mengikut cara

lama yang belum diubah. Umpamanya kadangkala kita dengar dalam surat khabar ada orang-orang yang mencuri seekor ayam dibandingkan mencuri seekor lembu, mereka ini dikenakan denda sampai 6 bulan. Kalau dibandingkan dalam soal ini, masalah yang kecil, yang besar, pihak kehakiman hendaklah menggubal undang-undang supaya denda-denda ini dapat diselaraskan dengan pihak-pihak yang kena denda yang bersalah itu.

Kalau sekiranya mereka itu berbuat kesalahan yang begitu besar maka dendanya hendaklah setimpal dengan kesalahan mereka itu. Sebagaimana saya katakan tadi curi ayam pun kena enam bulan dan curi kerbau seekor pun kena enam bulan. Kita harap supaya ini dapat diubah ataupun di dalam revision of the present law, dengan izin, supaya kajian ini dapat dijalankan. Dengan keadaan ini, saya rasa ini akan membanyakkan lagi, melebihi lagi pendapatan negara dan di samping itu pesalah-pesalah ini mungkin akan takut membuat salah, kerana denda-denda yang begitu tinggi tetapi sekarang ini dendanya kadangkala begitu kurang. Umpamanya bergaduh, apa yang saya dapat tahu—saya bukan seorang lawyer, denda setinggi-tingginya \$100 dan sekurang-kurangnya \$25. Bermakna \$25 ini senang sangat hendak pukul orang. Kalau hati susah sangat, melihatkan keadaan mereka hendak balas dendam, kita pergi tempeleng dia, dendanya hanya \$25.

Saya rasa ianya tidak setimpal. Untuk mengelakkan perkara ini berlaku, umpamanya kesalahan kecil begini, seperti yang saya sebutkan tadi apabila Kerajaan buat revision of the present law ini maka hendaklah diubah undang-undang ini dan rasa saya dalam keadaan ini sedikit sebanyak orang-orang yang buat salah, umpamanya hisap dadah sekarang ini sudah dikenakan hukuman gantung, dan juga orang

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, berkenaan revision undang-undang itu di bawah Peguam Negara.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Ya, dalam masalah Peguam Negara.

Tuan Pengerusi: Di sini tidak ada. Kehakiman bukan di bawah Peguam Negara. Peguam Negara di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Saya menyebut dalam khidmat sokongan dan juga daiam masalah yang lain, Tuan Pengerusi. Itu hanya pandangan.

Soal yang lain pula saya mengharapkan iaitu bangunan-bangunan mahkamah sebagaimana yang disebutkan tadi, sekarang ini kita lihat bangunan-bangunan mahkamah di seluruh negara kita banyak yang uzur, yang kita lihat dalam keadaan yang tidak setaraf buat masa ini.

Dalam masalah ini sungguh pun peruntukannya begitu kecil kita mengharapkan pihak Kerajaan dapat memperbaiki bangunan-bangunan mahkamah yang ada di seluruh negara kita ini termasuk mahkamah tinggi, mahkamah rendah dan sebagainya. Bangunan-bangunan yang tidak sesuai ini supaya dapat diperbaiki.

Tuan Pengerusi, dalam soal hakim-hakim ini, saya mengharapkan bahawa oleh kerana kita memandang mereka ini memegang jawatan yang tinggi yang kita hormati, supaya mereka tidak keterlaluan dan tidak melibatkan diri mereka dalam isu-isu kontroversial dan sebagainya.

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ya, saya faham Yang Berhormat dari Bandar Kuching.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Saya tidak mahu memanjangkan, hanya sedikit itu

sahaja pandangan saya. Dalam masalah ini, saya mengharapkan supaya dapat kita berbalik kepada perumpamaan iaitu ibarat aur dengan tebing. Sekianlah sahaja pandangan saya berhubung dengan kedudukan peruntukan kehakiman ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

5.48 ptg.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad (Pengkalan Chepa): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh kepada B.13 mengenai Kehakiman. Walaupun butiran ini telah dibangkitkan oleh beberapa orang sahabat saya dalam Dewan ini tetapi saya suka juga mengambil peluang untuk

Tuan Pengerusi: Butiran berapa Yang Berhormat?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Butiran 030000, muka surat 49.

Dalam butiran ini saya akan bangkitkan kes-kes yang dihadapkan kepada 4 jenis mahkamah yang diletakkan di bawah sistem kehakiman iaitu Mahkamah Agung, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret. Dari penjelasan mengenai tujuan kehakiman dalam Belanjawan ini ialah untuk melaksanakan pentadbiran keadilan, mengikut peruntukan yang diberikan oleh Perlembagaan Negara. Dan Akta Mahkamah serta Ordinan Mahkamah Rendah Sabah dan Sarawak.

la juga bertujuan untuk memelihara kebebasan kehakiman. Pada umumnya sistem kehakiman bukanlah untuk mendenda orang sangat tetapi untuk memastikan bahawa wujud suatu keadilan dalam masyarakat dan anggota masyarakat sedia mematuhi peraturan, dengan demikian dapatlah

dilahirkan sebuah masyarakat yang aman dan adil. Tetapi sekiranya diperhatikan jumlah kes yang terpaksa diselesaikan oleh mahkamah nampaknya geraf kes itu bukan berkurangan tetapi bertambah sama macam bertambahnya bilangan penduduk.

Kalau diperhatikan jumlah kes bagi semua tingkat mahkamah di akhir tahun 1986 yang dibawa sebagai tunggakan dalam tahun 1987 jumlahnya ialah 410,325 kes hampir setengah juta. Kalau dicampur pula dengan kes-kes dan didaftarkan bagi tahun 1987 maka jumlahnya ialah 827,845. Manakala kes yang dapat diselesaikan oleh semua tingkat mahkamah ialah 227,670 kes. Ini bererti tunggakan yang dianggarkan pada awal tahun 1988 ialah 603,140 kes.

Jumlah tunggakan yang dianggarkan dibawa ke tahun 1989 nanti ialah 850,430 kes. Kes yang didaftarkan tahun 1988 pula berjumlah 527,950, bila dicampurkan anggaran tunggakan yang dibawa tahun 1987 ke tahun 1988 dicampurkan dengan jumlah kes yang didaftarkan tahun 1988 maka jumlah semua kes yang ada tahun 1988 ialah 1,130,090 kes. Kerana keupayaan mahkamah terhadap untuk menyelesaikannya jumlah kes tahun 1989 tentunya bertambah lagi. Pada tahun 1990 negara ini mungkin mempunyai setengah juta kes yang perlu diselesaikan. Apakah yang dapat kita fikirkan, kita sebuah negara yang mempunyai tengah juta kes dalam mahkamah ini dan apakah yang dapat kita bayangkan dengan jumlah kes pada tahun 2000, bukan mustahil bilangan kesnya lebih dari dua juta.

Tuan Pengerusi, sebuah negara yang mempunyai berjuta-juta kes adalah negara yang terlalu pincang. Inilah natijah dari mengekalkan undang-undang Barat. Sepatutnya dengan hukuman yang sudah

dijalankan selama ini orang sudah kurang melakukan kesalahan tetapi sekarang nyata undang-undang tidak menghalang orang untuk terus melanggar peraturan, ini bererti sistem Kehakiman yang ada belum mampu mewujudkan keadilan.

Tuan Pengerusi, di bawah Butiran yang sama Program dan Prestasi Belanjawan Kehakiman ini menyarankan yang ia berusaha untuk memastikan amalan kebebasan dalam Kehakiman, sekalipun undang-undang ciptaan manusia itu mempunyai banyak kelemahan saya agak gembira keupayaan sistem Kehakiman negara ini untuk mempertahankan kebebasan walaupun sebelum ini orang menyangka para Hakim juga tidak bebas tetapi kini saya dapat memuji bahawa ada Hakim-hakim yang jujur sedia mempertahankan kebebasan sekurang-kurangnya

Tuan Pengerusi: Nanti Yang Berhormat, Yang Berhormat mengemukakan perkataan, "ada Hakim-hakim yang jujur". Jadi, bermakna kata, ada Hakim-hakim yang

Seorang Ahli: jujur.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, gunakan perkataan yang tidak melibatkan perasaan-perasaan orang lain.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Kita dapati ada Hakim yang sedia menegur kelemahan pentadbiran Kerajaan. Beberapa kes yang dikemukakan ke Mahkamah Agung akhir-akhir ini telah dibebaskan. Antaranya ialah kes yang di bawah Kanun Keseksaan yang melibatkan orang-orang yang sembahyang Jumaat di masjid yang tidak diiktirafkan oleh Kerajaan Negeri Terengganu. Demikian juga dengan keputusan Hakim dalam kes Petisyen Aliran untuk mendapatkan

permit penerbitan yang tidak diluluskan oleh Kerajaan. Kes ini dirayu di Mahkamah Agung sekarang tentulah, Tuan Pengerusi, tidak wajar untuk diulas tetapi yang perlu saya tekankan di sini

Tuan Shahidan bin Kassim:
(Bangun)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Arau bangun.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya tidak beri, Tuan Pengerusi.

Tuan Shahidan bin Kassim: 36 (2).
Point of order.

Tuan Pengerusi: 36 (2) apa dia itu, Yang Berhormat?

Tuan Shahidan bin Kassim: Kes yang disebutkan itu kes dalam mahkamah,

Tuan Pengerusi: Sudah habis yang itu. (Ketawa)

Tuan Shahidan bin Kassim: Minta maaf.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Sekejap tadi sudah bagus. Yang perlu saya tekankan di sini bahawa Hakim bebas dari pengaruh Kerajaan untuk membuat keputusan. Hakim tidak terikat dengan kemahuan Kerajaan. Bila para Hakim mencontohi keberanian itu

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, yang itu dasar. Yang Berhormat bercakap itu ialah dasar. Yang boleh dicakapkan ialah di atas perbelanjaan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Ini gambaran sahaja.

Tuan Pengerusi: Yalah.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Maka ini adalah antara yang boleh memberi harapan kepada sistem perundangan yang didapati di negara ini.

Tuan Pengerusi: Yang itu dasar, Yang Berhormat.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Dasar.

Tuan Pengerusi: Gunakan hujah apa duit ini diperuntukkan, cukupkah, tak cukupkah, itu sahaja. Ini dalam Committee, Yang Berhormat.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Ya. Saya berharap perkara ini, Tuan Pengerusi, adalah menjadi alat alam tiap-tiap kepandaian itu ada ujiannya. Ada pihak iaitu Kerajaan sendiri dirasakan tidak gembira dengan ketegasan para Hakim. Sudah menjadi percakapan

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, soal itu bukan soal daripada Butir-butir

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Kalau tidak dapat saya bangkitkan, tidak apalah, saya beralih kepada Butiran yang lain.

Tuan Pengerusi, Butiran 020000, Butiran Kecil 020300—Pemegang Harta. Bahagian ini tentunya tidak sulit untuk mengawal kegiatan di atas mentadbirkan hal ehwal kewangan dan harta orang yang bankrap, syarikat, pertubuhan, kesatuan dan membahagikan harta mereka kepada piutang.

Soalnya, adakah pihak yang diisytiharkan Muflis atau kerana perintah penggulungan itu menerangkan semua wang dan hartanya secara jujur. Dalam perkara ini adalah menjadi rahsia umum hartawan dan usahawan yang tidak jujur atau yang terkenal cerdik mengasingkan hartanya supaya terselamat apabila dikenakan tindakan Muflis ataupun Pergulungan. Sikap ini dikira cekap oleh dunia seperti yang ada ini. Sebaliknya seseorang itu tidak cekap kiranya dia tidak mengelakkan hartanya dari dilelong atau dikuasai oleh mahkamah bila dia Muflis dan sebagainya.

Pihak Pemegang Harta sendiri tahu dewasa ini bankrap, perintah pergulungan syarikat mulai menjadi kebudayaan orang-orang yang rendah maruah. Orang-orang yang berkedudukan baik dan terhormat juga tidak sedikit memperdayakan dirinya dengan bankrap dan tipu muslihat bankrap ini. Bankrap sebenarnya satu hukuman yang mengaibkan yang sepatutnya dihindarkan oleh setiap orang kerana orang yang bankrap adalah orang yang hina dan rendah kedudukannya. Hukuman yang diwujudkan itu adalah hukuman untuk menjadi amaran kepada umat manusia supaya mereka menghindarinya dan supaya mereka jujur dengan diri masing-masing di alam masyarakat. Tetapi kini manusia menjadikan peruntukan bankrap ini sebagai jalan keluar untuk tidak membayar hutang. Ramai bilangan orang yang memilih bankrap sebagai cara menyelesaikan masatahnya. Bila mereka diisytiharkan bankrap mereka tidak perlu bimbang dengan hutang lagi. Mana-mana harta yang ada atas nama mereka boleh dirampas tetapi antara mereka ini sudah mengasingkan harta itu dan ia tidak boleh lagi dirampas. Bila mereka bankrap mereka tidak kena bayar hutang tetapi kehidupan masing-masing adalah baik antaranya.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat bercakap berkenaan dengan Pemegang Harta.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Ya.

Tuan Pengerusi: Tetapi kalau Yang Berhormat bercakap berkenaan orang bankrap, muflis, apa semua, tidak bersangkutan. Jikalau sekiranya Yang Berhormat bercakap Pemegang Harta hendaklah mengkaji berkenaan dengan kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh orang-orang Muflis supaya kenyataan itu betul dan mengambil tindakan barulah mengikut peraturan mesyuarat. Kalau Yang Berhormat

pergi bersyarah bersangkutan dengan orang-orang yang Muflis ini, orang-orang jahat, orang yang tidak malu dan sebagainya, itu tidak bersangkutan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya bangkitkan kerana kita faham, itulah punca yang membawa berlakunya

Tuan Pengerusi: Saya pun faham juga yang itu. Tetapi apa yang dibincangkan sekarang ialah tugas yang dibahagikan kepada Pemegang Harta dan Peruntukan yang dibahagikan kepadanya, cukupkah, tidak cukupkah ataupun dia buat kerja elokkah atau tidak, bukan kita bercakap berpaut dengan bagusakah atau tidak bagus seseorang itu menjadi Muflis, dosa atau tidak, patutkah atau tidak patut dan sebagainya, tidak bersangkutan di sini.

Tuan Haji Nik AbduUah bin Haji Arshad: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Oleh kerana masalah ini telah dibangkitkan oleh beberapa orang kawan saya dan saya pun, itulah pokoknya yang saya nampak dalam masalah 030000 ini ialah peningkatan angka kes-kes yang ada dalam mahkamah. Dengan sebab itu akhirnya saya menggesalah Kerajaan supaya mengambil langkah-langkah yang positif bagi mengelakkan bertambahnya angka-angka kes yang akan datang dan hendaklah mencari jalan yang lebih berkesan bagi mempercepatkan proses mengurangkan bilangan kes yang masih bertimbun-timbun itu. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kota Belud.

6.02ptg.

Tuan Maidom bin Pansai (Kota Belud): Tuan Pengerusi, saya juga ingin turut mengambil bahagian dalam perbincangan ke atas Maksud B.13—

Kementerian Kehakiman dengan merujuk khasnya kepada muka surat 49, Butiran 020000 Pentadbiran Undang-undang di bawah Program 020200 Khidmat Bantuan Guaman.

Tuan Pengerusi, tadi Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas telah pun menyentuh secara terperinci mengenai masalah teknikal yang terdapat dalam pelaksanaan khidmat bantuan guaman. Maka di sini biarlah saya pula menyentuh sedikit mengenai perkara yang merupakan masalah umum.

Bila kita bercakap mengenai aspek Khidmat Bantuan Guaman, dalam konteks pentadbiran undang-undang tentu sekali secara langsung akan membayangkan peri mustahaknya Kerajaan menerusi Kementerian Kehakiman sebagai satu institusi yang mengambil tahu tentang pentadbiran untuk mengujudkan keadilan demi untuk ketenteraman dan keamanan rakyat dan negara serta kebenaran serta keadilan bagi sesuatu masyarakat sama ada masyarakat berkelompok ataupun individu.

Sebagaimana yang jelas kita ketahui bahawa di negara-negara yang merdeka bercorak demokrasi seperti negara kita Malaysia setiap individu masyarakat mempunyai kebebasan masing-masing untuk berusaha bagi mendapatkan keperluan dan kepentingan diri sendiri mahu pun keluarga untuk masa sekarang dan kemudian hari kelak sama ada dalam konteks ilmu pengetahuan ataupun wang ringgit dan harta benda. Dalam konteks ini memang terjadi persaingan di antara satu sama lain dan sebagai kesudahannya tentu sekali ada yang bernasib baik untuk menjadi senang-lenang dan kaya-raya.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bercakap tentang apa itu? Yang kaya-raya, senang-lenang, sangkut di mana?

Tuan Maidom bin Pansai: Huraian sahaja, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Mana boleh huraian. Saya beri peluang huraian sudah berapa minit! Dalam peringkat Jawatankuasa kita hendaklah terus pergi kepada maksudnya.

Tuan Maidom bin Pansai: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Dalam konteks keadilan bagi setiap masyarakat tanpa mengira kedudukan darjah dan status yang harus diberi perhatian oleh pihak Kerajaan ialah orang-orang yang tidak berpelajaran, orang-orang yang miskin yang mana kebanyakannya terdapat di luar-luar bandar. Kita tidak mahu mereka

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, itu tidak sangkut. Yang Berhormat hendak bercakap di atas apa itu?

Tuan Maidom bin Pansai: Khidmat Bantuan Guaman.

Tuan Pengerusi: Ya, cakaplah mengenainya.

Tuan Maidom bin Pansai: Khidmat Bantuan Guaman diwujudkan, saya hanya membayangkan pandangan sendiri

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat terus pergi kepada Khidmat Bantuan Guaman. Jangan sentuh masyarakat sekeliling, apakah keadilan, demokrasi dan sebagainya. Teruskan.

Tuan Maidom bin Pansai: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Bercakap mengenai Khidmat Bantuan Guaman, saya fikir mengapa ianya diwujudkan adalah semata-mata pihak Kerajaan menyedari bahawa di negara ini terdapat golongan-golongan miskin dan tidak berpengetahuan, tidak berpelajaran yang kebanyakannya menetap di luar-luar bandar dan saya mengucapkan syabas kepada Kerajaan kerana mempunyai pandangan serupa ini dan telahpun menubuhkan Khidmat Bantuan Guaman dan dalam konteks negeri Sabah ianya telah pun diwujudkan yang dikenali sebagai Biro Bantuan Guaman.

Bagaimanapun saya mendapati bahawa Biro Bantuan Guaman yang telah diwujudkan di negeri Sabah pada masa ini belum mencapai matlamat sepenuh-penuhnya dalam pemberian bantuan khidmat kepada penduduk di luar bandar yang miskin.

Walaupun dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri kepada soalan bagi Jawab Mulut No. 21 bertarikh 3hb November, 1987 yang mengatakan bahawa "sejak penubuhan Biro Bantuan Guaman Cawangan Sabah pada 15hb Mac, 1979 sebanyak 1,007 orang telah mendapat pertolongan daripada Biro tersebut". Namun saya masih berani mengatakan bahawa ia masih belum mencapai matlamat sepenuhnya.

Saya yakin dan percaya bahawa orang-orang yang telah ditolong oleh Biro tersebut sebanyak itu adalah kebanyakan daripada bandar-bandar dan pekan-pekan utama sahaja dan kawasan sekitarnya. Saya menyatakan demikian kerana di kawasan saya Kota Belud malahan di kampung saya sendiri pun masih belum ada yang mengetahui tentang kewujudan Biro Bantuan Guaman di negeri itu, kecuali saya sendiri, di mana boleh mendapati Biro itu dan bagaimana caranya untuk mendapatkan perkhidmatan mereka.

Percayalah bahawa masyarakat kampung sama juga dengan masyarakat bandar yang tidak lupus daripada masalah dan memerlukan nasihat undang-undang. Tetapi mereka tidak berkeupayaan dan langsung tidak tahu bagaimana untuk mendapatkan pertolongan daripada Biro Bantuan Guaman yang ada di negeri itu. Mungkin kita harus bertanya apa sebabnya. Sebagai panduan, untuk mengatasi masalah itu jawapannya mungkin ketiadaan publisiti sepenuhnya dan bahan-bahan yang bertanggungjawab untuk memberi keterangan secara

counselling dan sebagainya. Maka dengan itu di sini saya ingin menyarankan agar Kerajaan membuat publisiti sepenuhnya serta menubuhkan satu badan counselling di tiap-tiap daerah untuk memberi nasihat dan menerangkan dalam hal ini.

Selain daripada itu pihak Kementerian Kehakiman seharusnya membuat risalah-risalah yang mengandungi penerangan tentang di mana letaknya Biro Bantuan Guaman di bandar atau di negeri itu. Siapa yang boleh dihubungi, apakah jenis kes yang layak untuk mendapat bantuan khidmat guaman, siapakah yang layak untuk ditolong dan sebagainya. Mungkin adalah menjadi lebih baik kepada Kerajaan membuatkan publisiti atau pengumuman sepenuhnya mengenai bantuan guaman itu menerusi Radio dan Televisyen Malaysia sekali sekala seperti caranya menyiarkan iklan-iklan yang dibuat menerusi radio dan TV serta apa juga media-massa yang terdapat di negara ini termasuklah akhbar-akhbar yang ada agar pengetahuan mengenai Biro Bantuan Guaman akan tersebar luas dalam usaha untuk mencapai matlamat pengwujudan Biro Bantuan Guaman itu sepenuhnya bagi kepentingan masyarakat yang memerlukan khidmatnya dalam soal menegakkan keadilan.

Tuan Pengerusi, hanya setakat itu pandangan daripada saya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Bakri, dan lepas ini saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.08 ptg.

Tuan Chua Jui Meng (Bakri): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada mukasurat 49, Maksud B.13, Butiran 030000 di bawah Mahkamah Agung, Mahkamah Tinggi. Mahkamah Sesyen

dan Mahkamah
mukasurat 51, Maksud P.13, Butiran
00300—Baiki/Ubahsuai Bangunan
Mahkamah.

Tuan Pengerusi, para Kehakiman merupakan bidang kuasa yang ketiga Kerajaan. Dua bidang kuasa Kerajaan yang lain ialah Perundangan dan Eksekutif. Sejak kebelakangan ini kritikan-kritikan yang bertubi-tubi mengatakan bidang Perundangan kita telah didominasi oleh bidang Eksekutif yang menguasai majoriti lebih daripada 2/3 dalam Parlimen. Akan tetapi kritikan yang sama tidak boleh digunakan terhadap bidang Kehakiman. Sepanjang masa bidang Kehakiman telah menjadi satu institusi yang bebas dan yang dibanggakan.

Pihak Eksekutif sentiasa memandang tinggi dan menghormati segala keputusan yang dibuat oleh pihak Kehakiman walaupun keputusan yang dibuat itu bertentangan dengan kemahuan pihak Eksekutif. Oleh itu pihak Eksekutif patut disanjung tinggi kerana kedaulatan The Rule of Law, dengan izin.

Pihak Kehakiman kita sungguh berkelayakan dari segi latihan perundangan dan sifat profesionalismenya. Dia merupakan satu institusi yang dihormati dan disanjung tinggi bukan sahaja oleh rakyat jelata kita sendiri bahkan di arena antarabangsa. Ini merupakan satu institusi yang rakyat Malaysia boleh berasa megah.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat masuk kepada Butiran.

Tuan Chua Jui Meng: Ya, Tuan Pengerusi, saya telah lama tinggal di sebuah rumah yang bertentangan dengan bangunan mahkamah di Muar. Selama 30 tahun saya memerhati bahawa bangunan mahkamah itu jarang sekali diperbaiki. Dalam bangunan mahkamah yang sama itu

dua daripada Menteri kita iaitu Menteri Kewangan dan Menteri Pertahanan kita pernah berkhidmat sebagai Presiden Mahkamah Sesyen Muar. Walau bagaimanapun, dalam beberapa tahun kebelakangan ini oleh kerana peruntukan kewangan yang disediakan oleh Kementerian Kehakiman, beberapa perubahan telah wujud di bangunan itu. Bangunan itu sekarang berhawa dingin dan pembaharuan yang luas telah dijalankan.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh lebih lagi mengenai keadaan berhawa dingin bangunan-bangunan mahkamah. Saya berpendapat bahawa ini adalah penting memandangkan iklim negara yang panas. Perbincangan di mahkamah melibatkan perasaan dan emosi yang hangat. Manusia yang tidak dapat menyelesaikan pertelingkahan atau perbezaan mereka sebagai tindakan yang terakhir akan mencari penyelesaian di mahkamah. Mereka yang telah bertenang mungkin dapat menyelesaikan kes mahkamah mereka. Akan tetapi bagi mereka yang tidak dapat kes mereka akan dibicarakan di mahkamah, keadaan berhawa dingin sekurang-kurangnya dapat menyejukkan keadaan dan fizikal dan membolehkan semua yang terlibat berkelakuan lebih rasional serta membantu hakim membuat keputusan yang benar. Saya berharap Kementerian Kehakiman akan menyediakan lebih peruntukan untuk menghawadindingkan semua bangunan mahkamah kita.

Tuan Pengerusi, di sini saya ingin menyentuh tentang kaedah lama yang digunakan oleh mahkamah kita dalam mengambil segala nota dan catatan mengenai persidangan pembicaraan. Di negara kita, segala perbualan, persidangan, perbincangan mahkamah ditulis dengan "long hand", dengan izin. Ini merupakan kaedah yang menjemukan dan sukar. Para hakim

kita bukan sahaja perlu bertindak sebagai hakim, tetapi sebagai setiausaha juga. tatarcara ini akan memanjangkan masa pembicaraan dan akan menyumbang kepada bertambahnya kes-kes yang ditangguhkan.

Saya mengesyorkan Kementerian supaya mengikut sistem kehakiman United Kingdom dan Amerika Syarikat di mana seorang setiausaha transkrip diadakan dalam setiap mahkamah. Segala perbualan akan ditaip ke dalam mesin transkrip secara trengkas oleh setiausaha. Tatarcara ini adalah lebih cepat dan membolehkan hakim mengikut dengan rapi perkembangan perbicaraan kes tersebut. Ini dapat membolehkan hakim mengikut dengan lebih rapi sikap atau kelakuan saksi semasa memberi keterangan sama ada dia memberi kenyataan-kenyataan yang benar atau tidak. Sekarang hampir semua masa seorang hakim dihabiskan dengan menulis dalam tulisan "long-hand" segala perbualan saksi dan peguam. Dalam masa hakim mengambil untuk menulis seseorang saksi itu akan menggunakan masa itu untuk memikirkan jawapan kepada soalan-soalan yang ditanya terlebih dahulu oleh peguam.

Dalam sistem United Kingdom dan Amerika Syarikat, soalan dan jawapan dibuat berturut-turut tanpa menunggu sehingga si hakim habis menulis. Oleh yang demikian, jawapan-jawapan yang diberi besar kemungkinannya benar kerana saksi mempunyai masa yang singkat untuk memikir jawapan yang ia fikir mahkamah ingin dengar. Oleh yang demikian, saya menggesa Kementerian menyediakan wang demi mengadakan beberapa orang setiausaha dan pembelian mesin transkrip. Jumlah wang yang dibelanjakan akan diimbangi oleh produktiviti yang lebih berkesan dalam mahkamah-mahkamah kita. Ia juga akan mengurangkan kes-kes yang ditangguhkan.

Tuan Pengerusi, ini adalah zaman komputer. Hampir semua firma undang-undang mempunyai komputer atau word processor. Tetapi malangnya sebahagian besar mahkamah-mahkamah kita ketinggalan masa kerana mereka masih menggunakan mesin taip. Komputer mesti diperkenalkan kepada semua mahkamah-mahkamah untuk menyimpan rekod kes-kes yang diterima, kes-kes yang sedang dibicara, kes-kes yang akan dibicara, kes-kes yang ditimbang semula, kes-kes yang menunggu hukuman dan keputusan yang diberi dan sebagainya. Word processor perlu diperkenatkan untuk mengurangkan beban menaip yang berulang. Ini akan mengurangkan jumlah kerani dan jurutaip yang dipertukan. Kerani dan jurutaip yang berlebihan boleh digunakan dalam mahkamah untuk tujuan yang lain. Terdapat kejadian-kejadian di mana semua rekod kes-kes yang dibicarakan telah dibinasakan oleh api.

Selepas penggunaan komputer, saya ingin mencadangkan salinan-salinan rekod dibuat dalam disket dan satu salinan disket disimpan di Pejabat Pendaftaran yang terkawal. Jika kebakaran berlaku, masih terdapat satu lagi salinan rekod. Oleh itu, saya dengan ikhlas menggesa Kementerian menggunakan komputer di semua mahkamah. Ini akan mempercepatkan penyelenggaraan pentadbiran keadilan. Mahkamah-mahkamah kita akan juga menyertai zaman komputer.

Tuan Pengerusi, oleh kerana kehakiman kita disanjung tinggi di kalangan para hakim antarabangsa, saya mencadangkan kepada Ketua Polis Negara supaya beliau menghabiskan penyiasatan ke atas kes 95 orang yang ditahan di bawah seksyen 173 Akta Keselamatan Dalam Negeri. Beliau raempunyai 60 hari untuk menjalankan penyiasatannya.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, di bawah apa itu?

Tuan Chua Jui Meng: Itu mengenai peruntukan kes-kes itu kepada mahkamah.

Tuan Pengerusi: Tahulah, di bawah apakah itu, kepala mana?

Tuan Chua Jui Meng: Di bawah mahkamah. Bolehkah?

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Tuan Chua Jui Meng: Saya bercadang di mana siasatan menunjukkan seseorang itu telah membuat ucapan atau kenyataan yang menghasut dibicarakan di dalam mahkamah di bawah Akta Hasutan 1948. Ini adalah lebih baik daripada Ketua Polis Negara mencadangkan kepada Menteri yang berkenaan supaya mereka dttahan selama dua tahun di bawah seksyen 8 Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Mereka yang tidak bersalah mesti dibebaskan. Jika tindakan ini dilakukan, ia akan memperbaiki pendirian dan imej negara di kalangan antarabangsa.

Itulah sahaja hujah-hujah saya mengenai Kementerian Kehakiman.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.12 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang membuat cadangan dan pandangan mengenai Kementerian Kehakiman.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas membangkitkan beberapa perkara mengenai Akta Profesyen Undang-undang dan mencadangkan supaya Akta itu dipinda untuk memberi kuasa yang lebih kepada Majlis Peguam dalam hal disiplin. Perkara

yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas itu adalah di luar bidangkuasa Kementerian Kehakiman oleh sebab ia adalah berkenaan dengan bantuan guaman di bawah Majlis Peguam iaitu satu badan swasta.

Mengenai soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bukit Mas dan Yang Berhormat dari Nibong Tebal berkenaan dengan backlog of cases, dengan izin, Tuan Pengerusi, Akta Mahkamah Rendah 1948 telah pun dipinda baru-baru ini dan Kementerian Kehakiman telah melaksanakan Akta Mahkamah Rendah (Pindaan) 1987 mulai 1hb Ogos, 1987. Dengan terlaksana Akta Pindaan ini, kes-kes sivil di bawah \$100,000 akan dibicarakan di Mahkamah Sesyen dan tidak lagi di Mahkamah Tinggi dan seterusnya kes-kes sivil di bawah \$25,000 akan dibicarakan di Mahkamah Majistret Kelas Satu dan kes-kes sivil di bawah \$3,000 di Mahkamah Majistret Kelas Dua.

Satu jawatankuasa khas yang terdiri dari wakil-wakil dari Jabatan Perkhidmatan Awam, Perbendaharaan, seluruh Perkhidmatan Am Jabatan Kehakiman dan Kementerian Kehakiman telah dibentuk untuk meneliti kedudukan dan menimbangkan keperluan perjawatan mahkamah-mahkamah dan jabatan-jabatan di Kementerian Kehakiman dan jawatan-jawatan yang masih kosong di mahkamah-mahkamah akan diisi dari masa ke semasa. Di samping meningkatkan kemahiran pegawai-pegawai yang mengendalikan kes-kes dan alat-alat kelengkapan pejabat seperti sistem micro-computer dan word processor juga telah dibekalkan kepada mahkamah-mahkamah seperti Ahli Yang Berhormat dari Bakri mencadangkan tadi. Peraturan-peraturan dan prosedur-prosedur pentadbiran mahkamah sedang dikaji untuk dibuat perakuan dengan tujuan untuk melicinkan urusan dan

meningkatkan kecekapan mahkamah. Segala usaha sedang dibuat bagi mendapatkan kerjasama semua pihak yang terlibat dalam mengendalikan kes seperti pihak pendakwa, pembela, saksi-saksi dan jabatan-jabatan yang berkaitan supaya mampu pihak mahkamah mempercepatkan perbicaraan kes-kes ini.

Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai, soalnya berkenaan dengan penambahan bidangkuasa kepada Mahkamah Sesyen dan Majistret. Baru-baru ini, satu kajian sedang dibuat mengenai grading, dengan izin, Tuan Pengerusi, jawatan yang ada sekarang untuk meningkatkan taraf beberapa jawatan-jawatan kehakiman setimpal dengan tanggungjawab berikutan dari peningkatan bidangkuasa. Dengan tindakan demikian adalah diharapkan banyak lagi jawatan-jawatan Majistret dapat diwujudkan.

Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa menyentuh tentang kebebasan kehakiman. Kebebasan kehakiman telah pun terjamin di bawah Perkara 122 Perlembagaan Malaysia.

Yang Berhormat dari Kota Belud membangkitkan perkara publisiti Biro Bantuan Guaman. Publisiti seperti yang disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat itu telah pun dibuat oleh Biro Bantuan Guaman melalui rancangan TV, Radio, akhbar dan juga melalui risalah serta ceramah-ceramah.

Akhirnya, Yang Berhormat dari Bakri berkenaan dengan alat hawa dingin di mahkamah. Perkara ini sedang diusahakan oleh Kementerian. Pegawai-pegawai dari Jabatan-jabatan yang diberi kuasa dibawa melawat mahkamah untuk sendiri melihat keadaan panas dan bising di mahkamah supaya diadakan alat hawa dingin

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau):
(*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Arau bangun, Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Minta penjelasan, boleh tak?

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat dari Arau.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tadi Yang Berhormat menjawab bahawa tindakan sedang diambil untuk menghawadindingkan mahkamah-mahkamah, saya sokong. Cuma saya tidak dapat peluang bercakap tadi, saya hendak tanya melalui ini, apakah dalam masa yang sama kita ingin mengadakan tempat hawa dingin sebagai kelab untuk hakim-hakim, supaya selepas mahkamah dia dapat menenangkan fikiran, dia tidak terlibat dengan orang ramai. Kelab ini untuk hakim-hakim sahaja yang berhawa dingin juga. (*Ketawa*)

Dato' Oo Gin Sun: Perkara itu Yang Berhormat boleh tanya hakim.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, saya tidak tahu pertanyaan itu adakah pertanyaan sungguh-sungguh ataupun tidak sungguh-sungguh?

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya menyediakan ucapan untuk itu hari ini tetapi tidak dapat bercakap. Saya hendak bertanya, sebab ini berhubung dengan hawa dingin. Itu maksud saya, sebab selama ini hakim-hakim apabila selepas mahkamah dia pergi ke kelab-kelab yang bercampur dengan orang ramai, pada hal sebelum merdeka dahulu hakim-hakim ada tempat khas, tidak bercampur dengan orang ramai, tidak bercampur dengan peguam-peguam luar. Jadi dengan itu dia tidak terlibat, maaf bercakap, dia tidak terlibat dengan soal-soal orang ramai. Dia adalah orang yang tertinggi, orang mulia, orang yang dihormati, jadi itu sebab hendak jaga integrity dia, dengan izin, supaya kita adakan kelab

hakim-hakim, kita minta. Ahli-ahli Parlimen akan mencadangkan supaya diadakan peruntukan khas, kelab-kelab yang tidak payah dibiayai oleh hakim-hakim, Kerajaan buat macam di London.

Dato' Oo Gin Sun: Tuan Pengerusi, jikalau buat satu kelab, macam di Perlis tidak ada hakim, macam mana hakim hendak dikumpulkan di dalam Perlis? (*Ketawa*) Di negeri Perlis hakim tidak ada, hakim besar tidak ada, tidak ada Majistret-Sesyen.

Tuan Shahidan bin Kassim: Bukan Perlis, macam Kelab Selangor, Kelab Darul Ehsan, kita ada kelab kehakiman, bangunan khas yang berhawa dingin dan itu cuma untuk hakim-hakim sahaja dan juga peguam-peguam. Di Kuala Lumpurlah tempatnya, bukan di Perlis, Perlis tidak payah buatlah! (*Ketawa*)

Dato' Oo Gin Sun: Ini nampaknya susah sedikitlah, tetapi cadangan Ahli Yang Berhormat saya boleh beritahu hakim-hakim supaya buat satu kelab di Kuala Lumpur.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tidak payah beritahu hakim. Yang Berhormat boleh buat keputusan. Ini keputusan Kementerian..tidak payah beritahu hakim. Kita buat kelab mereka lagi suka.

Dato' Oo Gin Sun: Club ikut orang sendiri, dia mahu buat satu kelab

Tuan Shahidan bin Kassim: Tidak payah namakan kelab, buat "Rumah Persinggahan Hakim-hakim" asalkan dibiayai oleh Kerajaan supaya hakim-hakim tidak bercampur dengan orang-orang awam, sebagai orang mulia, yang arif, yang bijaksana, yang mesti kita hormati. Ini satu badan yang tertinggi. Demikian Yang Berhormat orang terhormat.

Tuan Pengerusi: Jikalau tidak campur dengan orang, kacau juga itu! (*Ketawa*). Sila Yang Berhormat.

Dato' Oo Gin Sun: Terima kasih. Untuk sendiri melihat keadaan panas dan bising di mahkamah supaya diadakan alat hawa dingin.

Perkara "micro-computer" dan "word processor" tadi saya sudah jawab, sekarang ini hakim di seluruh Malaysia, semua dibuat di seluruh Malaysia di Mahkamah Tinggi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$44,666,700 untuk Maksud B.13 di bawah Kementerian Kehakiman jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$44,666,700 untuk Maksud B.13 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$6,504,500 yang disebutkan dalam Maksud P.13 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1988 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$6,504,500 untuk Maksud P.13 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1988.

Maksud B.14, B.15 dan B.16 (Jadual)—

Maksud P.14 dan P.16 (Anggaran Pembangunan 1988)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.14, B.15 dan B.16 dan Kepala Pembangunan P.14 dan P.16 terbuka untuk dibahas.

6.27 *ptg.*

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah (Lembah Pantai): Tuan Pengerusi, oleh kerana rasa saya masa tidak begitu mengizinkan banyak, saya berterima kasih dan mengambil bahagian berhubung dengan peruntukan yang diberi kepada Kementerian Pemmahan dan Kerajaan Tempatan. Maksud B.14 muka surat 56 iaitu Butiran Projek 00100—Projek-projek di Kawasan Penguasa-penguasa Tempatan yang beranggaran \$4.5 juta dan izinkan juga saya masukkan Butiran 00200—Bantuan kepada Peguasa-penguasa Tempatan, juga lebih kurang \$393,100 yang diperuntukkan.

Tuan Pengerusi: Saya ingat sambung hari Isnin, Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mintalah kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat janganlah berucap di atas dasar, kerana kalau boleh kita memendekkan masa sedikit dalam masa Jawatankuasa ini supaya membolehkan kita membincangkan banyak Rang Undang-undang yang belum selesai.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan Yang di-Pertua: Mesyuarat ditangguhkan sehingga hari Isnin pukul 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.